

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 76**Khamis****16 November 2006**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):	
• Kenyataan Awam Datuk Muhammad Shafee Abdullah Bertentangan Dengan Legal Profesion Etiquette Rules	
<i>- Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)</i>	(Halaman 24)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.23	(Halaman 28)
Maksud B.24	(Halaman 46)
Maksud B.25	(Halaman 47)
Maksud B.26	(Halaman 90)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.23	(Halaman 28)
Maksud P.24	(Halaman 46)
Maksud P.25	(Halaman 47)
Maksud P.26	(Halaman 90)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 16 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Peraturan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa peraturan, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 21 – Pertanyaan. Kelmarin Ketua Pembangkang ada memberitahu bahawa susunan pertanyaan-pertanyaan telah diubah dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ada berkata hendak menyiasat perkara ini. Saya meminta Tuan Yang di-Pertua memberitahu apa hasil siasatan berkenaan dengan pertanyaan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini berlaku kerana ada sedikit masalah teknikal. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan perkara ini tidak akan berulang lagi. Sekian.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah kos rendah yang dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara telah siap dan didiami oleh rakyat tempatan dan bilangan rumah terkandas yang belum dapat disiapkan di kawasan Sepanggar dan Penampang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Jabatan Perumahan Negara telah melaksanakan sebanyak dua projek rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa di kawasan Sepanggar iaitu PPR Kampung Warisan dalam 485 unit dan PPR Kampung Kionsom Besar, Inanam dalam 1,000 unit dan jumlahnya ialah 1,485 unit. Bagi projek PPR Kampung Warisan, Inanam telah siap pembinaannya pada tahun 2005.

Projek ini telah diserahkan kepada pihak kerajaan negeri dan telah pun dibuat pengisian penghuni sepenuhnya. Manakala bagi projek PPR Kampung Kionsom Besar, Inanam adalah masih dalam peringkat pembinaan. Projek ini mengalami masalah kelewatan kemajuan disebabkan oleh masalah kontraktor. Walau bagaimanapun, Jabatan Perumahan Negara sedang memantau rapi dan berusaha untuk mempercepatkan pembinaannya. Projek tersebut dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 2007.

Bagi kawasan Penampang pula, terdapat sebanyak 500 unit rumah PPR disewa dicadangkan iaitu pada peringkat perancangan awal yang akan dilaksanakan di Putatan. Sekian.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi menjawab dan juga datang pada hari ini. Soalan tambahan saya, kita dapat lihat beberapa masalah yang bersabit dengan pembinaan ini seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan sekolah tidak disediakan. Soalan saya ialah adakah pemantauan dan koordinasi dijalankan sebelum pelaksanaan perumahan ini dengan jabatan-jabatan tempatan? Ini kerana kita dapati ada beberapa masalah yang sukar kita atasi seperti kekurangan air dan bekalan elektrik yang tidak mencukupi dan juga tidak ada sekolah bagi anak-anak penghuni nanti.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Persekutuan sentiasa mengikut dan mematuhi cadangan daripada pihak kerajaan negeri apabila kita merancang untuk membina PPR. Dalam kes Sabah, memang JPN tidak akan terus memilih sesuatu lokasi tanpa persetujuan Kerajaan Negeri Sabah.

Jadi, jabatan ini memang berhasrat untuk berbincang dan mendapatkan sokongan dan kadang-kadang nasihat daripada kerajaan negeri supaya semua kemudahan yang lain seperti bekalan elektrik, air dan juga kemudahan sekolah itu ada berdekatan dengan tapak projek. Dalam kes di negeri Sabah, ada kemungkinan kadangkala sesuatu lokasi itu dipilih kerana amat mendesak untuk kerajaan memindahkan sesetengah setinggan. Oleh kerana masa suntuk, mungkin kemudahan yang diinginkan itu belum lagi disediakan. Walau bagaimanapun, koordinasi tetap ada antara jabatan dengan kerajaan negeri.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam menawarkan PPR, rumah kos rendah ini kepada rakyat, kadang-kadang ada tawaran dibuat kepada mereka yang lanjut usia dan sekarang ini pembayaran dibuat melalui bank. Jadi bank itu, apabila mereka yang mendapat tawaran ini, sebagai contohnya di kawasan saya, mereka pergi ke bank-bank, bank menyatakan mereka tidak layak meminjam. Jadi, kesannya dia kata anak dia boleh meminjam. Tetapi anak dia kata, buat apa dia hendak beli rumah di kawasan Lipis sedangkan dia duduk di Kuala Lumpur.

Jadi, sekarang ini rasa saya kalau macam itu caranya hasrat kerajaan untuk memberi rumah kepada setiap rakyat yang berpendapatan rendah ini mungkin tidak tercapai. Soalan tambahan saya, apakah jalan lain pada pandangan Yang Berhormat Menteri yang boleh mengatasi masalah ini supaya hasrat kerajaan itu tercapai.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang sejak beberapa tahun ini sentiasa mengkaji dan berbincang dengan pihak agensi yang berkenaan termasuk juga pihak Bank Negara bagaimana boleh membantu golongan yang berpendapatan rendah, terutamanya bagi ketua isi rumah yang lanjut usia. Kalau sekiranya mereka tidak layak untuk meminjam dari bank, kita cadangkan, ini tertakluk kepada persetujuan bank ataupun dengan pertolongan pihak berkuasa yang menguruskan hal perbankan ini iaitu bagaimana mereka boleh mengadakan nama *joint name* - katakan kalau bapanya mendapat tawaran rumah...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan ada apa? Biar menteri jawab, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya belum siap yang tadi - Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sedang menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Lipis.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Soalan tambahan tadi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak boleh.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Belum, belum. Kementerian berhasrat dapat satu keadaan di mana ibu bapa dengan anak boleh nama bersama (*joint name*) dengan izin, supaya dengan penyertaan anak dia boleh dapat pinjaman. Apabila bapa sudah lanjut usia nanti anak boleh mengambil alih pinjaman itu. Ini salah satu cara yang kita panggil *two generation loan*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, saya rasa kalau di negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang pun sedang membantu bagaimana menguruskan hal LCD. Kebanyakan tempat ia ada caranya sendiri untuk membantu mereka. Jabatan hanya membina rumah mengikut permintaan kerajaan negeri masing-masing dan bagaimana menguruskan penjualan dan juga bekalan itu terserah kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Tetapi kementerian memang menyokong dan ingin membantu, kalau dapat satu dasar di Kerajaan Pusat dari segi bank boleh memberi pinjaman kepada mereka yang berpendapatan rendah secara dua generasi. Jika kita dapat berbuat seperti ini lebih baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ada kena mengena dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah. Cukuplah. Yang Berhormat bagi Bagan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua pun penting.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Antara satu kelayakan atau syarat dibolehkan bagi memohon PPR ialah pendapatan sebulan tidak melebihi RM750. Tetapi sekiranya kita pergi ke tapak PPR, kita boleh nampak kereta mereka lebih mewah lagi daripada kita. Saya rasa dia telah melampaui syarat yang ditentukan.

Seorang Ahli: Itu anak dia!

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Apakah tindakan yang boleh diambil supaya mereka yang ada keupayaan tidak menafikan orang-orang yang miskin supaya mendapat peruntukan PPR ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pengagihan rumah PPR adalah diserahkan kepada kerajaan negeri. Ada segolongan penduduk, mereka yang diizinkan untuk menyewa adalah golongan setinggan. Ada beberapa tempat di mana seluruh populasi setinggan di sesuatu tempat itu semuanya dipindahkan sekali masuk ke PPR. Ini diuruskan oleh kerajaan tempatan yang berkenaan. Apabila kita hendak membekalkan rumah kepada setinggan susah untuk kerajaan memilih siapa yang boleh pergi dan siapa yang tidak sebab kita hendakkan

kawasan itu kesemuanya sekali dipindahkan. Mungkin dalam keadaan seperti ini terdapat jugalah di antara setinggan yang ada kereta besar. Semasa daftar mereka tidak kata mereka ada kereta besar. Perkara ini kita tahu adalah satu kenyataan.

Walau bagaimanapun, kalau untuk pengagihan rumah kos rendah memang sudah ada syarat yang ketat. Pada masa kini Kerajaan Persekutuan juga telah mengadakan satu koordinasi melalui sistem pendaftaran terbuka secara berkomputer dan sistem ini telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita hendakkan semua kerajaan negeri dihubungi secara *online* dengan kementerian/jabatan saya supaya pendaftaran itu dibuat secara telus dan terbuka supaya sesiapa yang layak boleh berdaftar. Semua syarat ditetapkan secara telus, tiada siapa boleh membuat manipulasi. Itu dari segi pengagihan rumah kos rendah tetapi bagi PPR ini adalah satu kategori yang lain kerana ia melibatkan pemindahan setinggan.

2. **Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah pecahan statistik mengenai pengimportan pelbagai daging termasuk import ke Sabah dan Sarawak mengikut tahun. Berapakah peratus daging lembu import berbanding dengan daging lembu keluaran tempatan. Bilakah sekatan import daging lembu akan dihentikan kerana terdapat semakin banyak daging lembu yang diimport secara haram di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengimportan pelbagai daging ke Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 163,650 metrik tan pada tahun 2003, 175,360 metrik tan pada tahun 2004 dan 165,724 metrik tan pada tahun 2005. Peratusan daging lembu atau kerbau import berbanding dengan daging lembu atau kerbau keluaran tempatan adalah 19% pada tahun 2004 dan meningkat kepada 23% pada tahun 2005. Selebihnya diperolehi daripada sumber import.

Negeri Sarawak selain daripada negeri Sabah merupakan negeri-negeri yang telah diisytiharkan bebas daripada penyakit kuku dan mulut (FMD) oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Dunia (OIE). Untuk mengekalkan status ini, pengimportan daging ke Sarawak adalah tertakluk kepada salah satu daripada syarat-syarat import yang telah ditetapkan iaitu negara pengeksport mesti bebas daripada penyakit FMD. Antara negara yang bebas daripada penyakit FMD ialah Australia dan Amerika Syarikat.

Oleh yang demikian, sekatan import dikenakan ke atas negara lain seperti India, Brazil, Argentina dan negeri China kerana negara-negara tersebut menghadapi ancaman penyakit FMD. Penarikan balik sekatan import akan hanya dapat dipertimbangkan sekiranya negara-negara tersebut telah didapati bebas penyakit FMD mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh OIE. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak telah bebas daripada penyakit kuku dan mulut, walaupun tidak dinyatakan sampai bila tentang status ini. Namun demikian saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat mengenai usaha kerajaan untuk menambahkan lagi pengeluaran daging tempatan. Apakah langkah untuk mewujudkan Pusat Pembiakan Kambing Boer Nasional yang hendak diadakan di Parlimen Larut serta apakah

di situ juga akan dijadikan sebagai Pusat Penyembelihan Daging Halal Nasional untuk masa depan. Jadi, dengan adanya projek ini apakah ia dapat meningkatkan atau menarik lagi para penternak untuk mengusahakan pemeliharaan ternakan seperti kambing Boer yang akan diimport daripada Australia.

Saya mengucapkan terima kasihlah kerana kawasan Parlimen Larut dipilih untuk dijadikan Pusat Pembiakan Kambing Boer Nasional.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat ada suatu projek kiranya projek mega iaitu dengan hasrat kita untuk meningkatkan dari segi bekalan-bekalan dalam negara sebab kita hendak mengurangkan import dari segi daging-daging dari negara-negara luar. Pada masa yang sama, tahniahlah, satu daripada kawasan yang telah dikenal pasti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu di Parlimen Larut untuk pusat pembiakan kambing Boer. Kambing ini memang satu daripada kambing yang kita galakkan sekarang ini sebab kambing ini memang besar, ia mencecah sehingga 120 kilo seekor.

Tadi Yang Berhormat bertanya mengenai apakah hasrat? Memanglah kita berhasrat mengikut statistik yang saya bacakan tadi, sekarang kita adalah dalam 20% sahaja, mengeluarkan permintaan dalaman kita hanya 20% dan 80% adalah diimport. Tetapi dengan beberapa langkah yang telah diambil, kita harap untuk meningkatkan ke 40% dalam tahun 2010 iaitu satu, dengan kita mengadakan Nasional Feedlot Centre yang diadakan di Gemas.

Selepas itu kita akan meningkatkan lagi kerjasama untuk mengadakan integrasi bersama dengan ladang kelapa sawit yang ada di negara kita. Ini disebabkan setakat ini melalui ladang integrasi, kita saya dapat 150,000 ekor tetapi itu adalah dengan kerjasama FELDA, ladang Golden Hope dan juga Tabung Haji.

Sebenarnya kita hendak menggalakkan ladang-ladang lain supaya bersama-sama supaya kita dapat mempercepatkan lagi pencapaian 40%. Kalau dapat sebelum 2010 lagi elok. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang terhormat bagi Ketereh, pakaian cantik hari ini ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, hari ini sebab hari Perhimpunan Agung UMNO, jadi pakai pun cantiklah, semangat lebih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai daging import, setahu saya daging yang kita import daripada India ini sebenarnya bukan daging lembu. Ianya kerbau, itu *okay*lah, jika dibandingkan di antara kerbau dengan lembu, dia sedap daging lembu sedikit. Kerbau ini daging dia kasar dan ada sesetengah orang kalau tahu kerbau, dia tidak boleh makan. Bukan kerana apa, kerana liurnya tidak boleh makan.

Yang saya hendak tanya soalan tambahan ini ialah setahu saya bila kita import daging daripada luar negara, lembu yang datang itu mesti dibawa dan disembelih di *abattoir*, tempat penyembelihan tersebut dan di *packing* di situ. Lembu datang, sembelih dan *packing*. Tetapi

sekarang ini saya diberitahu ada pengimport yang sebenarnya sembelih di tempat lain, *packing* tempat lain.

Soalan tambahan saya, bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa yang sembelih di tempat lain dan *packing* di tempat lain ini kehalalannya adalah terjamin. Itu mustahak bagi kita sebab kita anggap dia semua halal tetapi tiba-tiba tidak halal. Itu tanggungjawab besar Yang Berhormat. Boleh beri penjelasan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada jawatankuasa untuk menentukan kehalalan dan memang betul Yang Berhormat katakan tadi yang di India itu kerbau, tetapi setiap apa yang kita beli, kita ada menentukan rumah sembelih yang telah diiktirafkan di dalam jawatankuasa ini iaitu JAKIM memainkan peranan yang terpenting sekali.

Yang Berhormat, yang mengenai *packing* di tempat lain dan tempat sembelih lain itu, saya minta maaf saya kerana yang itu tidak berapa pasti. Tetapi yang saya tahu kita memang menentukan garis panduan yang begitu ketat sekali bersama dengan JAKIM dan mereka akan dipantau setiap tahun. Jawatankuasa ini akan pergi, sebab mungkin tahun ini dia halal tetapi tahun hadapan mungkin kita tidak berapa pasti, jadi setiap tahun dipantau dan dari semasa ke semasa

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kena pantau setiap hari Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: dari semasa ke semasa Yang Berhormat ada pengaduan, sebab ini yang penting ini. Rakyat mesti memainkan peranan. Ada pengaduan, jawatankuasa ini akan turun untuk betul-betul memeriksa. Tetapi saya ingin memberitahu di sini walau pun tadi saya sebutkan nama-nama negara tetapi tempatnya bukanlah seluas-luas mana dia hendak beli.

Katalah di India, di India dalam senarai yang saya ada di sini dia ada pusat-pusat sembelih sahaja. Ada tiga pusat sembelih macam itu dan pusat sembelih ini telah diiktirafkan oleh JAKIM bersama jawatankuasa yang lain. Begitu juga dengan negara-negara yang lain. Bukan kita beli sembarangan, tidak mesti melalui pusat sembelih. Hanya pusat sembelih yang telah diiktirafkan dan pegawai agama Yang Berhormat ada di situ semasa sembelih, pegawai agama bersama-sama dan memang Yang Berhormat ada lagi *loophole*, dengan izin benda ini terjadi sebab itulah benda ini penting sangat bagi kami di kementerian maklum balas yang diberikan oleh sesiapa yang mengetahui. Bermakna kami terbuka dan insya-Allah pasukan ini akan terus memantau dengan serta merta. Terima kasih.

3. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar baru yang mengatakan kerajaan tidak berminat mengambil doktor asing, bolehkah jawatan kosong doktor tempaan diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini kita ada 544 orang doktor asing yang

berkhidmat dengan kita dan kita telah hantar balik seramai 120 orang doktor asing kerana prestasi yang tidak memuaskan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi cabaran kekurangan doktor, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah termasuk:

- (i) melatih secara automatik doktor yang bersara wajib untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan syarat mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan serta kesihatan yang baik;
- (ii) meneruskan syarat perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi doktor;
- (iii) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambahkan kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan;
- (iv) menambah baik terma dan syarat-syarat perkhidmatan doktor seperti mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik;
- (v) pada masa yang sama kita melanjutkan doktor asing yang berprestasi baik selepas tamat kontrak perkhidmatan mereka.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebagai doktor perubatan yang dahulu berkhidmat di dalam kerajaan zaman tahun 70-an, saya pasti aduan doktor kerajaan. Salah satu aduan ialah gaji bulanan iaitu tidak cukup tetapi saya pun faham bahawa kerajaan terhad untuk memberi gaji lebih.

Lagi satu yang kerajaan boleh buat ialah peluang untuk doktor kerajaan membuat *research* dan juga seperti di universiti umum, tiap-tiap lima tahun bagi peluang doktor kerajaan cuti tiga bulan untuk mempertingkatkan kemahiran teknologi terkini. Apa pandangan kerajaan?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan gaji, gaji bulanan doktor asing adalah setanding dengan gred doktor kerajaan kita. Berkaitan dengan melanjutkan pelajaran mereka atau pengajian mereka, doktor asing ini terma kontrak mereka adalah untuk dua tahun setiap penggal kontrak itu dan apabila habis, kontrak, mereka terpaksa balik ke negara mereka.

Oleh kerana itu, kita memang tidak ada bagi peluang pengajian untuk mereka dan kedua adalah bahawa *scholarship* itu terhad, kita simpan untuk *reserve* rakyat kita dan pada masa sekarang kita tidak bagi kepada doktor asing yang berkhidmat dengan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ekoran daripada jawapan yang diberikan ingin saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah yang dimaksudkan apabila beliau menggunakan perkataan "prestasi yang kurang memuaskan". Bukankah sebelum itu kita telah membuat maklum balas dan juga peninjauan sama ada doktor-doktor asing adalah berkelayakan untuk beramal dalam negara kita. Sama ada mereka mempunyai kualiti-kualiti lain belum kita siasat ataupun macam mana? Adakah kita sendiri cuai atau dia sendiri yang cuai. Minta penjelasan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih. Berkaitan dengan isu ini kita memang ada satu kaedah bagaimana kita memilih doktor asing ini. Yang pertama mereka akan ditemu duga di negara asal mereka. Lepas itu mereka datang ke sini kita adakan satu temu duga lagi dan selepas itu mereka mesti bekerja di bawah pengawasan seorang doktor yang lebih berpengalaman iaitu doktor kita. Selepas itu dia lulus, baru kita upah dia.

Tetapi masalahnya ialah selepas kita hantar dia ke tempat pedalaman, kadang-kadang ekspektasi mereka adalah berlainan, itu yang pertama. Yang kedua, adalah berkaitan dengan aspek disiplin. Kita sudah hantar ke tempat yang kita tentukan, mereka tidak menjalankan tugas mereka dengan baik dalam segi disiplin barangkali mereka datang kerja lambat atau tidak datang kerja dan sebagainya. Ini kita tidak dapat memastikan pada masa *probation of period* mereka. Sekian, terima kasih.

4. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perbandingan kualiti lebuhraya dan jalan raya serta perkhidmatan sampingan yang disediakan di Malaysia berbanding kualiti lebuhraya dan jalan raya di negara-negara maju.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kualiti lebuhraya dan jalan raya di Malaysia adalah setanding dengan kualiti lebuhraya di negara-negara maju. Ini kerana piawaian reka bentuk, pengawalan dan pengendalian pembinaan operasi dan penyelenggaraan yang diguna pakai adalah berdasarkan piawaian antarabangsa dan praktis terbaik pada masa kini.

Ini dilaksanakan melalui pemakaian garis panduan terkini, penganjuran kursus dan seminar-seminar, di samping hasil rundingan dan kerjasama teknikal antara pakar-pakar tempatan dan luar negara. Terdapat banyak piawaian yang perlu dipatuhi di dalam pembinaan projek lebuhraya dan jalan raya antaranya buku piawaian, reka bentuk *inter urban toll express way system of Malaysia* dengan izin, arahan-arahan teknik jalan Jabatan Kerja Raya dan garis-garis panduan dari *Road Engineering Association of Malaysia* dengan izin.

Piawaian yang diguna pakai ini adalah memenuhi keperluan reka bentuk terbaik dan telah diambil kira ciri-ciri keselamatan pengguna dan jalan raya. Piawaian-piawaian ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh agensi-agensinya yang berkecuali. Lebuhraya dan jalan raya di Malaysia juga menyediakan perkhidmatan sampingan untuk keselesaan serta keselamatan pengguna. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan sampingan yang telah disediakan meliputi kawasan rehat dan rawat, surau, stesen minyak, perkhidmatan perbankan, ATM, restoran, penginapan, gerai jualan makanan, buah-buahan, kraf tangan dan perkhidmatan bantuan kecemasan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Kadang-kadang *complaint* pun banyak juga berkaitan jalan raya di negara kita ini. Tetapi dengan jawapan yang mengatakan Malaysia mempunyai rangkaian jalan raya yang agak terbaik dan juga ditambah dengan syarikat-syarikat kita sudah mula mengorak langkah untuk berjaya dalam pasaran di antarabangsa umpamanya di India dan Pakistan.

Jadi soalan saya adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan *Malaysian Road Institute* ataupun Pusat Kecemerlangan dan Penyelidikan Jalan Raya sebagaimana yang ada di negara Denmark supaya ia dapat menjadi sebuah institut yang terunggul di dalam dunia ini dalam bidang kejuruteraan jalan raya supaya dapat mendidik jurutera supaya memiliki satu keterampilan yang saintifik, pengurusan yang profesional yang serasi dengan alam sekitar dan juga menjana nilai tambah supaya perkhidmatan yang sedia ada ini dapat diperbaiki lagi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kami telah mengambil beberapa tindakan seperti apa saya jelas tadi. Walau bagaimanapun, kita menggunakan sistem-sistem yang sedia ada, dan juga mengikuti piawaian yang tertinggi digunakan. Selepas selesai pembinaan, kita kena jaga macam manakah jalan-jalan itu digunakan. Tiap-tiap jalan ada jugalah berapakah muatan akan diambil oleh kenderaan-kenderaan.

Di Malaysia kita mempunyai masalah. Masalah pertama iaitu apabila kita selesai pembinaan mana-mana satu jalan raya, atas lebuh raya kenderaan-kenderaan berat membawa lebih muatan daripada apa yang telah ditetapkan. Mereka tidak suka mengadakan *axle* yang lebih. Mereka mahu juga mengadakan dua *axle* untuk membawa muatan 40 tan walaupun berat muatan yang dibenarkan iaitu 13 tan, dia bawa 40 tan.

Jadi itulah masalahnya yang kita hadapi. Banyak tempat seperti di negeri Sarawak, negeri Sabah dan tempat di mana kita telah membina beberapa jalan raya yang baru tidak dapat bertahan lebih daripada dua tahun, oleh sebab lebih muatan kayu balak dengan muatan 60 tan - 65 tan, kita tidak ada orang untuk memantau, tiap-tiap hari untuk menjaga mereka. Kita tidak mempunyai sistem untuk mendapat tahu apakah muatan yang dibawa oleh lori dan lain-lain.

Jadi inilah masalah besar. Pada masa akan datang, seperti yang dirancang oleh kerajaan, di mana-mana jalan raya mesti diadakan satu sistem untuk menimbang berapakah muatan yang dibawa oleh lori-lori dan lain-lain. Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat baru-baru ini kami telah mengadakan satu perbincangan dengan *Australian Road Research Board*. Kami juga suka mengadakan satu *Malaysian Road Research Board*, dengan itu satu kerjasama di antara mereka dengan Malaysia boleh juga memberi lebih faedah kepada kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju kalau Yang Berhormat kata lebuh raya kita memenuhi piawaian antarabangsa, tapi saya kurang bersetuju dengan jalan raya. Di kawasan saya Jalan Gemas – Ayer Hitam, jalannya keadaan jalan 'tauhu'. Pelebaran jalan itu, tiba-tiba pembahagi jalan dekat sungai daripada setiap arah itu, satu lorong, bila tiba di kawasan sungai itu dia terbahagi kepada dua. Itu hanya satu reka bentuk yang hanya didapati di Malaysia.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, itu piawaian apa digunakan oleh pakar-pakar, sama ada ini masalah kontraktor, ataupun bagaimana lencongan itu direka bentuk sampai lori terhumban ke dalam sungai di Labis. Itu adalah antara keadaan ataupun situasi yang berlaku di kawasan kita. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat. Apakah masalah dengan projek

yang 'sakit' ini, masalah reka bentuk atau masalah kontraktor? Kalau masalah kontraktor apa yang perlu di'ubati'?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau masalah reka bentuk kita boleh juga mengambil tindakan ke atas jurutera-jurutera yang telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja. Jikalau masalah kontraktor, kita boleh juga mengambil tindakan untuk membatalkan kontraktor itu. Walau bagaimanapun, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya percaya saya kena siasat tempat ini. Perlu menyiasat untuk mendapat tahu apakah masalah sebenarnya dan apakah cadangan yang boleh dibuat kepada Jabatan Kerja Raya untuk memperbaiki keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nak berikan ubatlah, yang berkenaanlah. Nak bekalkan ubat untuk...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Banyak kematian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...untuk menyelesaikan masalah itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bolehlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Alor Star.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan ini penting. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua mengizinkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya mana tahu soalan Yang Berhormat akan dikeluarkan?

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: ...Oh...mestilah....

Beberapa Ahli Dewan: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya anggap semuanya mesti...

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:mesti panas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:mesti penting

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi memandangkan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, tadi beliau kata jalan kita memang cukup bagus sampai piawaiannya itu memang *world standard*, antarabangsa. Masalah ialah oleh sebab keuntungan, kerana hendak mencari lebih keuntungan, memuatkan lori-lori kenderaan mereka dengan lebih banyak, melebihi muatan yang dibenarkan.

Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bukankah ini satu masalah kerajaan? Sebab apa kita hendak *blame*, hendak kata orang lain salah, sedangkan penguatkuasaan kita pun lemah sangat.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri pun beritahu telah pun mengadakan perhubungan dengan *Australian Road Institute* lah, macam-macam. Dah banyak tahun dah. Satu demi satu, cadangan ini, cadangan itu, sampai hari ini apa pun tak ada. *Take for example*, misalan Yang Berhormat Menteri; Yang Berhormat Menteri kata tidak cukup mesin timbang. Sebab apa kita sudah begitu lama tidak ikut apa yang dibuat di negara Barat. Di tempat-tempat tol itu mereka ada mesin timbang. Kenderaan berat yang harus guna jalan itu sampai tol, kita tahu sama ada dia ini telah pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:melebihi berat atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan sesi untuk berucap.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tidak, tidak. Ini cuma mukadimah sedikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah pendapat saya ini, munasabah atau tidak. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kepada beliau, beberapa rancangan untuk membina stesen untuk menimbang kenderaan-kenderaan itu sudah dibina. Tugas kami adalah untuk membina sahaja, tetapi untuk menguatkuasakan itu diletak dalam kementerian-kementerian yang lain. Jadi, seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat tadi, ini saya kena bincang dengan Kementerian Pengangkutan untuk mereka menimbang, untuk mengadakan kawasan dan juga stesen menimbang kenderaan di tempat-tempat yang lebih strategik selain daripada kita bina sahaja, tetapi tidak digunakan. Jadi, ini satu masalah, masalah itu kita kena bincang untuk mengatasinya. Terima kasih.

[Soalan No.5 – Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] tidak hadir]

6. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah untuk menyekat masalah-masalah penyalahgunaan antibiotik di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk menyekat masalah penyalahgunaan antibiotik di kalangan masyarakat. Tindakan penguatkuasaan diambil di atas premis yang menjual antibiotik tanpa lesen dan ahli profesional yang membekal antibiotik tanpa mengikut perundangan semasa. Pemeriksaan juga dijalankan ke atas penumpang dari luar negara yang disyaki membawa antibiotik untuk jualan di negara ini. Pada tahun 2005, tindakan telah diambil ke atas 22 premis tidak berlesen yang didapati memiliki antibiotik untuk jualan dan sehingga Julai tahun ini, sebanyak 32 premis telah diambil tindakan kerana didapati memiliki untuk jualan antibiotik tanpa lesen.

Semua kes disiasat di bawah Akta Racun 1952 untuk tindakan mahkamah. Tindakan juga telah diambil ke atas ahli farmasi yang didapati membekal antibiotik oral tanpa preskripsi doktor. Pada tahun 2005 dan sehingga Julai 2006, seramai lima ahli farmasi masing-masing telah dikenakan tindakan di bawah Akta Racun 1952. Pemeriksaan ke atas penumpang juga mendapati terdapat beberapa pelancong yang didapati membawa antibiotik untuk jualan. Sehingga September tahun ini, sejumlah 162 perkara antibiotik bernilai RM24,067 telah dirampas dari 70 orang penumpang di KLIA dan LCCT. Sekian.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu antibiotik ini selalu menyebabkan *drug addiction*, *sensitivity* dan juga kadang-kadang sakit datang dengan [*Steven Johnson Syndrome*](#). Masalahnya sekarang ini berlaku bukan sahaja di tempat-tempat ubat ataupun kedai-kedai farmasi ataupun kedai-kedai ubat. Tetapi berlaku di

kedai-kedai runcit dan juga tepi-tepi jalan. Ini yang menjadi masalah kepada masyarakat kita. Terutamanya kalau kita lihat di kampung-kampung, ubat macam MB, disebut MB, sebenarnya itu adalah penisilin boleh dapat di kedai runcit untuk mengubat kudis atau sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya bagaimanakah penguatkuasaan dijalankan oleh kementerian terhadap kedai-kedai yang tidak menjual ubat secara khusus ini bukan farmasi, tetapi kedai runcit dan juga tepi-tepi jalan misalnya dibuka kain sahaja, jual ubat di situ. Inilah tempat-tempat yang agak sukar untuk kita menentukan kesahihan sama ada antibiotik itu tulen ataupun tidak tulen, itu satu.

Yang keduanya, antibiotik itu memberi reaksi sensitiviti ataupun tidak misalnya penguatkuasaan yang dijalankan oleh kementerian ini.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan antibiotik ini dia adalah satu racun yang diklasifikasikan di bawah Akta Racun dan dia tidak boleh dijual oleh sesiapa pun tanpa preskripsi doktor. Ini adalah jelas di bawah undang-undang. Tetapi, berkaitan dengan penjualan haram iaitu di merata-rata tempat ini, kita memang sentiasa ada menjalankan penguatkuasaan dengan serbuan mengejut. Tetapi, masalahnya adalah kita juga hendak mendapat maklumat-maklumat daripada orang ramai supaya kita boleh dapat menjalankan penguatkuasaan kita dengan lebih meluas dan juga mengesan dengan lebih berkesan.

Satu aspek lagi adalah kita sentiasa menjalankan kerja pendidikan, program pendidikan untuk orang ramai, bahawa janganlah beli ubat-ubatan tanpa preskripsi doktor. Ini adalah sangat penting kerana ubat-ubatan di dalam pasaran ini memang banyak dan kesan dia, kita pun tidak tahu melainkan dia *diprescribe* oleh doktor. Sekian.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, sekiranya seseorang membeli antibiotik dari kedai biasa dan penggunaannya mengakibatkan sesuatu penyakit atau *side effect* kepada mereka, saya ingin tahu mana satu pihak yang bertanggungjawab dalam kejadian ini penjual atau pembuat, *manufacturer* dan bolehkah mereka mendakwa penjual atau pihak yang berkenaan ini ke mahkamah, minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Dari segi undang-undang, penjual itu memang bersalah di bawah Akta Racun dan yang kedua itu, tindakan mahkamah boleh diambil oleh pembeli itu kerana dia telah mengalami masalah kesihatan.

Berkaitan dengan pengilang pula, kadang-kadang kalau ubat ini dia ubat palsu atau ubat haram, barangkali kita tidak ada nama langsung. Kalau dia ada nama, kita kena juga tengok bahawa kadang-kadang antibiotik ini walaupun dia *diprescribe* oleh doktor, kadang-kadang dia pun ada reaksi sakit itu barangkali berlainan dan itu bukan masalah ubat, tetapi masalah individu orang itu bagaimana dia *react* kepada ubat-ubatan yang diberi kepada dia. So, kita kena tengok dari beberapa segi dan kita kena tengok siapa yang bertanggungjawab sebelum tindakan boleh diambil. Sekian.

[Soalan No.7 – Y.B Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

8. **Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah orang merempat dan peminta sedekah yang didaftarkan di seluruh negara mengikut negeri-negeri. Apakah terdapat sindiket-sindiket tertentu di belakang peminta-peminta sedekah ini dan apakah tindakan ke atas sindiket tersebut serta berapa orangkah yang telah didakwa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandangkan serius akan isu peminta sedekah dan orang merempat di seluruh negara. Kewujudan golongan peminta sedekah dan orang merempat ini boleh menimbulkan kegusaran di kalangan orang ramai yang lazimnya mengunjungi sesuatu tempat. Bagi mengelakkan sebarang implikasi negatif yang mungkin timbul, kementerian ini dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa tempatan Jabatan Imigresen dan Polis menjalankan operasi dari semasa ke semasa bagi membendung sebarang masalah berhubung kait dengan peminta sedekah dan orang merempat.

Pada tahun 2005, terdapat 911 kes orang papa atau pengemis yang diselamatkan di seluruh negara. Kebanyakan kes ini dilaporkan di bandar-bandar besar di Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor dan Sabah. Pecahan terperinci bilangan orang papa atau pengemis yang diselamatkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Orang
Perlis	0
Kedah	50
Pulau Pinang	158
Perak	0
Selangor	83
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	203
Negeri Sembilan	47
Melaka	29
Johor	205
Pahang	41
Terengganu	16
Kelantan	7
Sarawak	0
Sabah	72
Labuan	0
Jumlah Besar	911

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan orang papa atau pengemis yang diselamatkan di seluruh negara telah berkurangan berikutan operasi bersepadu antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bilangan kes orang papa atau pengemis di seluruh negara mengalami penurunan yang berterusan daripada 1,449 orang pada tahun 2003 kepada 1,224 orang pada tahun 2004, dan seterusnya kepada 911 orang pada tahun 2005. Dasar kementerian adalah untuk menempatkan orang-orang papa dan pengemis yang diselamatkan di rumah-rumah kebajikan di bawah JKM iaitu di rumah Seri Kenangan dan Desa Bina Diri. Mereka yang berusia di bawah 60 tahun dan

berada dalam keadaan sihat akan ditempatkan di pusat pemulihan pengemis iaitu Desa Bina Diri di Mersing dan di Jerantut.

Di pusat-pusat ini, mereka akan menjalani program pemulihan dan latihan vokasional. Latihan vokasional yang diberikan adalah dalam bidang jahitan, menggunting rambut, pertukangan kayu, pembuatan roti, kraf, ekonomi rumah tangga, pertanian dan penternakan. Bagi orang papa atau pengemis yang didapati sesuai dan berpotensi untuk menjalankan aktiviti perniagaan, mereka akan diberikan modal bantuan oleh JKM dalam bentuk geran pelancaran sebanyak maksimum RM2,700.00. Orang papa atau pengemis yang berumur 60 tahun ke atas dan uzur pula, diberikan perlindungan di rumah Seri Kenangan. Di sini mereka diberikan perlindungan dan jagaan supaya tidak kembali kepada aktiviti berkeliaran di tepi jalan.

Mengenai sindiket-sindiket tertentu di belakangan peminta sedekah, adalah sukar untuk pihak kerajaan memperoleh bukti yang kukuh bagi mendakwa mereka di muka pengadilan. Setakat ini belum ada sesiapa yang didakwa kerana menjalankan sindiket peminta sedekah. Walau bagaimanapun, kementerian ini sedang di peringkat akhir untuk mencadangkan pindaan kepada Akta Orang-orang Papa 1997, supaya Akta ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

Akhir sekali saya ingin menjelaskan bahawa hasil kerjasama bersepadu agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, telah dapat membendung bilangan orang papa dan peminta sedekah di seluruh negara. Kementerian mengalu-alukan laporan daripada orang ramai mengenai sebarang kemunculan orang papa dan peminta sedekah di kawasan masing-masing supaya ia dapat diatasi dengan segera. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya, daripada 911 orang papa, peminta sedekah ini, saya pasti mesti ada terdapat peminta-peminta sedekah yang terdiri daripada orang asing, bukan warga negara. Sebab kadang-kadang, kita jumpa di jalan-jalan, di bandar-bandar dan sebagainya. Saya ingin tahu berapakah jumlah sebenar sekarang ini yang melibatkan peminta-peminta ataupun orang papa yang daripada luar negara? Apakah tindakan kerajaan ataupun kementerian dalam mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Maran. Sebenarnya, sejumlah 911 ini tidak termasuk orang-orang asing. Kerana kalau orang papa ini adalah orang asing, dia akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen dan Jabatan Imigresen akan ambil tindakan untuk menghantar mereka balik. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mendapat sedikit lebih maklumat berkenaan dengan 911 pengemis yang telah diselamatkan itu. Dalam golongan mana yang paling ramai sekali? Adakah daripada golongan yang tua, ataupun kanak-kanak ataupun golongan perempuan? Dan daripada yang diselamatkan ini, berapa telah mendapat bimbingan dan yang dilalui berapakah kembali menjadi pengemis? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. 911 ini, tidak termasuk pengemis-pengemis yang berusia lebih dari 60 tahun. Okey, *sorry*. Dia

termasuk juga, tetapi saya tidak ada angkanya. Apa yang saya boleh beri di sini ialah yang telah dimasukkan ke dalam Desa Bina Diri ini untuk tahun 2005, lelaki adalah sejumlah 485 orang dan perempuan adalah 224 orang. Kalau mengikut bangsa, Melayu 191 orang lelaki, Cina 148 orang lelaki dan India 144 orang lelaki. Untuk perempuan, 104 orang ialah bangsa Melayu, 58 orang Cina dan 61 orang India.

Kadar kejayaan sejauh saya difahami adalah lebih kurang 70% - 80%. Oleh itu, hanya lebih kurang 20% - 30%, mereka akan kembali balik menjadi sebagai orang papa. Inilah maklumat yang saya dapat memberitahu. Okey.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila berdasarkan kepada soalan ini, soalan ini menceritakan berkenaan tiga, iaitu merempat, papa dan peminta sedekah. Mereka merupakan golongan yang lain, berbeza. Jadi daripada jawapan juga, saya dapat nyatakan bahawa pelbagai latihan telah dibuat dan disediakan terutamanya kepada mereka yang papa dan peminta sedekah. Apakah hasil daripada latihan-latihan tadi? Berapa ramai yang telah dihantar berkursus atau diberi latihan yang berjaya membebaskan diri mereka daripada papa dan tidak lagi meminta sedekah?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Yang Berhormat, seperti apa yang tadi saya beritahu, kalau mengikut angka-angka yang saya ada, seramai 709 orang telah dimasukkan ke dalam Desa Bina Diri dan semua ini diberi latihan kemahiran di dalam Desa Bina Diri di Mersing dan juga Jerantut. Kadar kejayaannya iaitu, 70% - 80%. Terima kasih.

9. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kes salah laku anggota polis Malaysia yang dilaporkan dan tindakan disiplin yang diambil. Sila jelaskan mekanisme yang digunakan oleh Polis Diraja Malaysia untuk menyelesaikan aduan salah laku anggotanya dari dalaman dan dari rakyat.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes salah laku yang melibatkan anggota berpangkat rendah dan pegawai PDRM bagi tahun 2005 adalah sebanyak 886 kes. Melibatkan 615 anggota di mana 736 kes dilakukan oleh 518 anggota berpangkat rendah dan 150 kes melibatkan 97 pegawai kanan PDRM. Manakala bagi tempoh sehingga Julai 2006, jumlah kes salah laku yang dilaporkan adalah sebanyak 333 kes melibatkan 208 anggota PDRM di mana 241 kes dilakukan oleh 155 orang berpangkat rendah dan 92 kes salah laku dilakukan oleh 55 orang pegawai kanan PDRM.

Bilangan anggota yang terlibat merupakan 0.69% daripada jumlah anggota PDRM pada tahun 2005 dan 0.23% pada tahun 2006 sehingga bulan Julai. Sebanyak 36 kes yang disabit di mahkamah bagi tahun 2005, iaitu 28 kes yang melibatkan anggota berpangkat rendah dan 8 kes melibatkan pegawai PDRM. Ini melibatkan pelbagai kesalahan. Antaranya termasuklah ingkar perintah, tidak jujur, tidak amanah, cuai, salah guna kuasa dan mencemar reputasi pasukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani masalah salah laku di kalangan pegawai dan anggota, PDRM melalui urus setia KPN atau Ketua Polis Negara, Lembaga Tatatertib telah mengambil tindakan disiplin mengikut kesalahan yang dilakukan seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib 1993, Pindaan 2002. Antara

hukuman tata tertib dikenakan kepada pegawai dan anggota PDRM yang terlibat dalam kes salah laku adalah termasuk diberikan amaran, dikenakan denda, lucut hak emolumen, ditangguh pergerakan gaji, diturunkan gaji dan pangkat serta dibuang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, setiap aduan mengenai salah laku pegawai dan anggota PDRM, sama ada aduan dari dalam pasukan atau orang awam, akan dilayan dan diambil tindakan. Aduan dibuat melalui Unit Pengaduan Urus Setia, Ketua Polis Negara, Tatatertib dan disalurkan ke Unit Siasatan untuk diambil tindakan. Di samping itu, Unit Risikan Tatatertib akan membuat penyiasatan sulit sekiranya aduan tersebut memerlukan tindakan secara rahsia, sebelum tindakan tatatertib diambil. Orang awam juga boleh membuat aduan mengenai salah laku di setiap kontinjen atau daerah, di mana aduan itu akan disiasat oleh Cawangan Tatatertib, kontinjen daerah.

Pihak Urus Setia Ketua Polis Negara, Tatatertib, Bukit Aman akan membuat pemantauan terhadap aduan tersebut sehingga tindakan selesai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pulau.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]: Terima kasih. Saya amat berpuas hati dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan memang jelas bahawa PDRM memang sudah ada sistem mendisiplinkan anggotanya yang diguna pakai, yang sebenarnya baik. Dan saya juga amat bangga dengan jumlah salah laku yang kecil tadi, yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pada pandangan saya, keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya IPCMC yang baru untuk mengambil alih tugas lembaga yang ada sekarang ini untuk mendisiplinkan anggota polis ini sebenarnya tidak perlu.

Soalan tambahan saya, apakah status penubuhan IPCMC setakat ini, dan apakah hasil yang diharapkan oleh kerajaan dengan penubuhan IPCMC ini, berkenaan dengan tujuan meningkatkan disiplin anggota polis, jika di banding dengan kaedah Urus Setia Tatatertib yang diguna pakai sekarang ini?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan IPCMC adalah cadangan daripada Suruhanjaya Diraja selepas siasatan dan laporan menambah baik urusan PDRM telah dijalankan, dan kerajaan telah meneliti cadangan tersebut dan pada prinsipnya bersetuju untuk menubuhkan IPCMC. Cuma, penubuhan itu masih menunggu cadangan yang teliti daripada Peguam Negara terhadap struktur, bidang tugas dan komposisi IPCMC supaya ia tidak bertindih dengan bidang kuasa lain-lain agensi yang telah pun sedia ada seperti Pengaduan Awam, seperti Urus Setia Tatatertib yang telah wujud dalam sistem-sistem yang ada sekarang.

Jadi saya berharap semua Ahli Yang Berhormat boleh bersabar menunggu cadangan terakhir daripada Peguam Negara supaya Lembaga Jemaah Menteri akan mempertimbangkan cadangan tersebut dan sesuatu keputusan akan dibuat kelak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sistem tatatertib yang sedia ada adalah tidak *transparent* dan sistem yang sedia ada adalah nampaknya ada satu sistem di mana ia berfungsi sebagai *judge*,

jury dan *prosecutor*. Dan kekurangan kepercayaannya adalah disebabkan pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan tugasnya adalah *inferior officers*. Beberapa tempat di mana lembaga atau sistem atau mekanisme yang sedia ada, kita tahu ia macam inspektor yang ditugaskan untuk menyiasat DSP, atau ASP. Ini tidak boleh ada satu sistem yang boleh dipercayai dan kepercayaan kepadanya. Itulah sebab, dua hari lalu, Majlis Peguam dengan 300 organisasi telah pergi ke Putrajaya untuk menyerahkan satu memorandum kepada Perdana Menteri untuk meminta bahawa IPCMC ditubuhkan.

Jadi, soalan tambahan saya adalah, walaupun suruhannya telah dibuat lebih dari satu tahun, apakah masalah penubuhannya, dan bilakah ia akan ditubuhkan memandangkan perkara ini adalah satu syor yang sangat mustahak yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya telah dijawab tiga kali di Dewan yang mulia ini. Dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri, dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan dijawab oleh saya juga semasa menggulung ucapan penangguhan oleh Ketua Pembangkang pada tahun ini. Penubuhan ini perlu kita meneliti lain-lain aspek yang penting seperti tadi saya kata, struktur komposisi, bidang tugas supaya sesuatu undang-undang yang boleh meyakinkan orang ramai, supaya ia tidak bertindih dengan lain-lain badan siasatan dan supaya ia boleh dilaksanakan dengan secara lancar, apabila ia diterima oleh Jemaah Menteri dan juga diluluskan oleh Parlimen jika semua orang, Ahli Parlimen terima cadangan tersebut.

Kalau kita ingin satu undang-undang yang baru, satu kaedah yang baru untuk diterima pakai sebab ia ada implikasi yang meluas dan mendalam kepada satu pasukan, seramai 100,000 orang. Jadi kita perlu menjalankan kajian yang teliti supaya ia merupakan satu undang-undang yang terbagus dan saya tidak terima pandangan Yang Berhormat, mengatakan pihak polis buat masa kini menjalankan siasatan tidak *transparent* dan sebab itu saya rasa kita tidak boleh buat tuduhan sewenang-wenangnya, tanpa apa-apa asas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak lama dahulu Ketua Polis Negara perlu mengumumkan rombakan tenaga polis supaya lebih ramai polis akan dihantar ke tempat awam supaya kehadiran polis lebih terasa oleh orang ramai. Jadi saya nak tanya, selepas tindakan itu, adakah keadaan jenayah atau pun penanganan jenayah telah bertambah baik dan juga pihak polis, PDRM ada mengumumkan penubuhan IPD baru di kawasan-kawasan tertentu dan adakah kementerian bercadang mempercepatkan penubuhan IPD ini khususnya di Johor Baharu Selatan di mana kadar jenayah itu begitu tinggi dan rakyat di sana menunggu-nunggu pengumuman supaya IPD baru ditubuhkan. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun soalan ini terkeluar sedikit, tapi saya cuba jawablah iaitu, pihak PDRM memang telah umumkan akan menggerakkan lebih ramai lagi anggota polis supaya mereka boleh terlihat, ternampak di semua tempat untuk menjalankan kerja rondaan. Dan untuk tujuan tersebut, polis telah pun menggerakkan unit seperti FRU, Gerakan Am dan di mana ada..., *military police*, mereka juga telah diwajibkan untuk

menjalankan kerja rondaan termasuk di Kuala Lumpur, Pegawai Kanan pun diwajibkan untuk menjalankan kerja rondaan.

Dan ini telah dapat mendatangkan kesan yang positif di tempat tertentu khususnya di Kuala Lumpur. Tapi ia juga mengambil masa untuk menggunakan tenaga lain yang sebelum ini misalnya menjalankan tugas pentadbiran, kini mereka dikehendaki menjalankan tugas penguatkuasaan di barisan depan. Ini memerlukan sedikit masa untuk mengalihkan pegawai daripada merata tempat. Kerajaan akan terus pastikan usaha ini dijalankan.

Mengenai penubuhan lebih banyak lagi IPD, khususnya di kawasan Tebrau, kawasan Ahli Parlimen yang sentiasa membangkitkan isu ini, cadangan itu telah dikemukakan dan walaupun ia tidak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi oleh sebab keadaan di situ memang amat mendesak, kementerian saya sedang mengkaji cadangan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah *load factor* penerbangan MAS dalam sektor London-Langkawi-Kuala Lumpur:-

- a) untuk menentukan *viability* satu-satu penerbangan berapakah *load factor* nya; dan
- b) tidakkah MAS akan menyambung semula sektor ini dalam usaha mempromosikan Langkawi dan Malaysia dalam konteks Tahun Melawat Malaysia 2007.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Langkawi yang telah mengemukakan soalan ini. Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, *load factor* bagi penerbangan MAS untuk sektor London-Langkawi dan Kuala Lumpur adalah sebanyak 60% bagi tahun 2004, 69% bagi tahun 2005 dan 63% bagi tahun 2006.

Dalam menentukan *viability* sesuatu laluan, ianya tidak bergantung kepada *load factor* sahaja. Beberapa faktor lain perlulah diambil kira. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah kos operasi ke sesuatu destinasi, tambang yang boleh dijual oleh syarikat penerbangan dan pesaing-pesaingnya di dalam pasaran. Oleh itu, sesuatu sektor berkemungkinan mencatat keuntungan dengan hanya *load factor* sekitar 60% berbanding dengan sesuatu sektor yang lain yang memerlukan *load factor* yang lebih tinggi. Misalnya *load factor* yang diperlukan untuk membolehkan MAS menjalankan operasi secara *viable* dengan izin, bagi sektor London-Langkawi-Kuala Lumpur adalah sebanyak 121%.

Untuk soalan (b), MAS tidak mempunyai perancangan untuk menyambung semula sektor ini walaupun Tahun Melawat Malaysia dijadualkan dilaksanakan pada tahun 2007. Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Timbalan Menteri yang telah menjawab. Harapan saya sebagai negara yang berkehendakkan pelancong datang ramai, saya percaya usaha promosi hendaklah dijalankan walaupun *load factomya* rendah sedikit tetapi hendaklah dijalankan kerana kita sebagai sebuah negara berkehendakkan pelancong datang dengan ramainya. Tidakkah terfikir oleh kementerian untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pelancongan, MAS dan juga Kementerian Pengangkutan supaya sektor ini dapat dijalankan sebaik mungkin. Dan seterusnya tidakkah terfikir oleh Kementerian Pengangkutan untuk mengadakan sektor ini, katalah ke London-Langkawi-Sydney atau London-Langkawi-Auckland sebagai satu usaha untuk menarik pelancong. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Langkawi. Cadangan ini boleh saya kemukakan kepada pihak kementerian dan juga pihak MAS. Izinkan saya menjelaskan di sini bahawasanya MAS pada hari ini mengutamakan dari segi mereka cuba menjimatkan kos untuk memastikan MAS itu tidak rugi. Kerana pada hari ini kerugian kepada MAS itu amatlah besar tetapi beransur pulih dan kita melihat penerbangan MAS ini akan bertambah pulih dari satu masa ke satu masa. Saya faham dan bersimpati dengan apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tetapi perhatikan kepada keadaan pada hari ini dengan kedudukan MAS itu sendiri, kita perlu membuat satu kajian yang lebih terperinci terutamanya berkaitan dengan penerbangan antarabangsa yang mana kos ini perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya.

Dan saya juga melihat bahawasanya kemungkinan Langkawi itu sendiri bukanlah satu destinasi utama bagi pelancong-pelancong daripada Eropah. Dan itu juga, Langkawi sebagai destinasi utama juga perlu kita kaji untuk kita membuat sesuatu perubahan dalam segi mengadakan satu penerbangan ke Langkawi. Lagipun apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi antara London-Langkawi-Sydney itu adalah sesuatu cadangan yang boleh kita kemukakan tetapi saya perlu membawa perkara ini kepada pihak MAS. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, setiap kali usaha untuk mendaratkan kapal terbang-kapal terbang MAS di lapangan-lapangan terbang tertentu antarabangsa akan memerlukan banyak kos pada peringkat awalnya. Ia bukan sahaja perlukan hak pendaratan daripada negara berkenaan, malah melibatkan kos promosi yang bukan sahaja ditanggung oleh MAS tetapi juga ditanggung oleh badan-badan yang mempromosikan yang lain seperti Kementerian Pelancongan dan sebagainya. Tetapi saya dapati bahawa dalam banyak keadaan akhir-akhir ini, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, bahawa syarikat penerbangan negara membuat keputusan hanya berdasarkan kepada ingin mencari keuntungan atau mengurangkan kos atau mengurangkan kerugian semata-mata untuk menunjukkan kepada rekod bahawa mereka telah membuat keuntungan.

Keadaan ini sungguh tidak bagus baik dari segi pertimbangan ekonomi kerana MAS hanya memikirkan kos mereka sahaja. Mereka tidak memikirkan kos pengiklanan dan promosi

sebelum ini. Saya ambil satu contoh yang berlaku apabila MAS mengambil keputusan untuk membatalkan dan menamatkan penerbangan daripada Kuala Lumpur, Stockholm dan New York. Saya dapati bahawa sektor ini mendapat sambutan yang cukup tinggi walaupun kos tiketnya sangat tinggi berbanding dengan penerbangan-penerbangan lain. Tidak adakah cara lain misalnya berkongsi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya. Saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat. Tidakkah ada cari lain selain daripada terus sahaja menamatkan penerbangan sektor itu? Misalnya dengan berkongsi *coach sharing* misalnya dengan kaedah-kaedah lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat itu adalah sangat tepat. Ini adalah sesuatu yang telah dikemukakan pada MAS baik oleh menteri ataupun kedua-duanya timbalan menteri. Dalam kita menjalankan *national airline* ini, dari segi pengurusan *national airline* ini, dalam segi keuntungan itulah bukan sesuatu perkara yang kita mesti sentiasa mengutamakan. Kerana dari segi imej dan dari segi *service* itu adalah sesuatu yang juga perlu diambil kira. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini sudah kita kemukakan pada MAS. Dan kita pun sudah minta MAS mengkaji semula dari segi mereka menguruskan dan hendak memartabatkan penerbangan MAS ini termasuk juga dalam segi penghentian destinasi-destinasi utama di sebelah Eropah. Sama juga dengan menutupkan beberapa *lounges* dengan izin, di *airport-airport* terkemuka.

Contohnya baru-baru ini yang mana MAS telah menutupkan perkhidmatan dari segi servis dengan izin, *lounges* di Singapura. Dengan teguran yang dibuat oleh menteri, saya dan juga rakan saya timbalan menteri, kita mengatakan tidak sepatutnya ini berlaku. Pada bulan November ini akan dibuka balik *lounges* di Singapura. Ini adalah sesuatu yang kita sentiasa mengikuti perkembangan di MAS dan bukan saya mengatakan kita di pihak kementerian ada juga kadang kala tidak berpuas hati dengan tindakan MAS ini sendiri. Biar saya berterus-terang. Kita sentiasa meminta MAS memperbetulkan kadang kala apakah ia punya *priority* dalam ia hendak mengurangkan kos. Kerana dalam menjalankan penerbangan ataupun *national airline* ini dengan izin, ia tidak semata-matanya tertumpu kepada kos sahaja. Ia mengaitkan imej, servis dan berbagai-bagai lagi. Kita terima baik pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B. Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) tidak hadir]

12. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah peluang istimewa yang diberikan kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam mahupun swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, antara program yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk OKU ialah aktiviti pendaftaran dan penempatan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pekerjaan di sektor swasta. Manakala penempatan OKU dalam pekerjaan di sektor awam diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Bagi maklumat Dewan yang mulia ini kementerian tidak dapat menjamin pekerjaan kepada mana-mana pencari kerja termasuk golongan OKU. Namun demikian, kementerian ini sentiasa berusaha gigih untuk melaksanakan penempatan pencari kerja OKU melalui program-program promosi yang dijalankan sejak tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa usaha-usaha mempromosi pengajian OKU diperkukuhkan dengan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penggalakan Pengajian OKU di sektor swasta di peringkat kebangsaan dan negeri yang membantu melaksanakan program-program penggalakan pengajian serta penempatan OKU dalam pasaran pekerjaan di sektor swasta.

Sehubungan itu, kementerian ini pada 9 November 2001 telah melancarkan buku Kod Amalan Pengajian Orang Kurang Upaya Di Sektor Swasta. Objektif kod amalan tersebut ialah sebagai garis panduan kepada agensi kerajaan, majikan, pertubuhan bukan kerajaan, pekerja, pertubuhan-pertubuhan OKU untuk pendaftaran dan penempatan OKU. Kesedaran untuk majikan di sektor swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada OKU dan kesedaran OKU sendiri untuk menyiapkan diri dengan kelayakan, kemahiran dan keupayaan.

Sehingga bulan Jun 2006, seramai 8,429 OKU dari pelbagai kategori kurang upaya telah didaftarkan dengan kementerian ini dan 6,641 OKU telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan sektor swasta. Di samping itu Jabatan Tenaga Kerja, KSM memberi keutamaan kepada golongan ini seiring dengan aktiviti utama jabatan yang lain dengan menetapkan sasaran penempatan dalam sasaran kerja tahunan setiap pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu di dalam melaksanakan urusan pengambilan kakitangan awam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia memberi keistimewaan kepada OKU di mana mereka akan dipanggil untuk ditemu duga secara automatik sekiranya memenuhi syarat skim perkhidmatan yang dipohon. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan calon-calon lain yang mana dikenakan tapisan awal yang biasa digunakan seperti mengikut keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, diploma dan ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, tapisan yang digunakan ialah purata nilai gred keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan.

Kesimpulannya, kerajaan melalui SPA sememangnya memberi peluang istimewa kepada orang kurang upaya untuk mendapat pekerjaan di sektor awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 tahun 1998 supaya sekurang-kurangnya 1% daripada peluang pekerjaan di sektor awam diperuntukkan kepada warga OKU.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tak tahu sama ada boleh dijawab atau tidak oleh wakil daripada Kementerian Sumber Manusia ini. Tadi telah diberi statistik kepada kita

tetapi kata kunci yang penting yang tidak memuaskan hati saya iaitu tidak ada jaminan. Tidak ada jaminan yang disebut tadi itu. Jadi kalau sekiranya tidak ada jaminan ini saya kira ini agak bertentangan dengan dasar kerajaan iaitu dasar *caring society* (masyarakat penyayang) dan juga dalam masa yang sama kita sedang memperkasa sumber tenaga manusia itu yang harus diberi peluang secara setimpal dan secara adil kepada terutamanya warga orang kurang upaya ini sendiri. Dan tadi juga telah disebut bahawa ada dikatakan ura-ura untuk memberi dan mengagihkan kira-kira 1% tenaga kerja itu kepada OKU. Tetapi kita harus juga memikirkan bahawa sesetengah negara maju yang telah pun dilaksanakan contohnya di Korea dia telah menetapkan 4% daripada tenaga kerja itu adalah dikhaskan kepada golongan OKU ini.

Apakah rancangan masa depan kementerian ini untuk memastikan kita membela, kita memberi keutamaan dan juga memberi jaminan kepada OKU ini dengan di atas semangat *caring society* (masyarakat penyayang) dan juga pembangunan modal insan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. bila dikatakan tiada jaminan ini Yang Berhormat bermakna tidak 100% semua OKU ini diberi kerja. Itu bermakna tiada jaminan dan Yang Berhormat pun sedia maklum jenis-jenis OKU ini pun bermacam-macam. Bukan sahaja yang buta, bukan sahaja yang tuli tetapi bermacam-macam kecacatan.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat ada lagi satu inisiatif kementerian iaitu memperkenalkan sistem penempatan orang kurang upaya secara *online*. Pendaftaran dan penempatan boleh dilakukan melalui talian internet di dalam laman web kementerian iaitu www.mohr.gov.my atau terus melalui sistem JCS di alamat www.elx.gov.my atau menghadiri mana-mana penganjuran pesta pekerjaan atau *job fair* anjuran JTK dari semasa ke semasa.

Inisiatif ini memberi kemudahan kepada pencari kerja OKU untuk membuat pendaftaran serta mendapatkan maklumat majikan yang menawarkan pekerjaan sebab saya katakan tadi memang kita *caring society* tetapi pada masa yang sama sistem ini adalah untuk melaksanakan aktiviti penjodohan. Kementerian sentiasa hendak menjodohkan pekerjaan dan menjadi tanggungjawab OKU dan majikan juga untuk membuat tawaran dan penerimaan perkhidmatan. *Matching* ya. Namun demikian, JTK tidak pernah melepas tangan dan sentiasa memantau aktiviti penjodohan ini serta membantu melaksanakan penempatan secara manual.

Di samping itu, kementerian melalui JTK juga mengadakan seminar dan ceramah kesedaran bagi meningkatkan kesedaran OKU sendiri untuk tampil mendaftar diri selain memberi khidmat nasihat berhubung peluang-peluang pekerjaan dan undang-undang perburuhan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang misalnya di kawasan saya terdapat banyak NGO yang menubuhkan pusat OKU untuk membantu OKU dengan kutipan dari orang awam misalnya *Kiwanis Club* dan *Lions Club*. Mereka ini menubuhkan pusat-pusat untuk membantu OKU dengan memberi latihan yang diperlukan iaitu latihan kemahiran hidup kepada OKU.

Jadi saya hendak tahu adakah kementerian bercadang memberi subsidi mengikut kepala kepada NGO yang begitu baik hati dan begitu giat dalam menggerakkan usaha untuk membantu

OKU. Adakah kerajaan berprihatin tentang usaha-usaha yang dibuat oleh NGO ini dan sanggup memberi bantuan yang sepatutnya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan menjawab ini pun ada hadnya juga. Jadi maklumat yang saya terima tadi yang mana saya dapat. Tapi saya rasa Yang Berhormat yang ini memang ada pegawai mencatat dan saya melihat kawan-kawan saya di dalam kementerian yang lain dia mengangguk dan sebagainya. Tapi ini tidak profesional cara menjawab Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Ya, sekurang-kurangnya sampaikan maklumat ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Insya-Allah Yang Berhormat sebab pegawai memang ada bersama di sini dan saya rasa kawan-kawan kita yang lain di pihak kerajaan pun kita semua mengambil catatan Yang Berhormat. Terima kasih.

[Soalan No. 13 – Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] tidak hadir]

[Soalan No. 14 – Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] tidak hadir]

[Soalan No. 15 – Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

[Soalan No. 16 – Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] tidak hadir]

[Soalan No. 17 – Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] tidak hadir]

[Soalan No. 18 – Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian] tidak hadir]

[Soalan No. 19 – Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat] tidak hadir]

20. **Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Pelajaran menyatakan indikator prestasi dalam pendidikan Sains dan Matematik kesan daripada penggunaan Bahasa Inggeris untuk mempelajari Sains dan Matematik sejak ia dimulakan terutama untuk sekolah-sekolah di luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia secara berterusan memantau dan menilai keberkesanan mata pelajaran Sains dan Matematik yang telah diajar dalam bahasa Inggeris sepanjang tempoh pelaksanaan di semua sekolah jenis di seluruh negara.

Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ke atas murid-murid mendapati mereka telah dapat mengikuti program ini selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran. Tahap penguasaan murid yang mengikuti pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris semakin meningkat. Bagi murid-murid di luar bandar mereka telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dan menggalakkan di mana pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris semakin meningkat.

Guru-guru di sekolah luar bandar yang terlibat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris telah dapat melaksanakannya dengan baik dan pemantauan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mendapat kualiti pengajaran guru juga semakin meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan daripada kajian,

tahap kefahaman murid tiga tahun 2005 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 80.3% murid berjaya memperoleh markah 40% ke atas bagi mata pelajaran Sains. Manakala bagi mata pelajaran Matematik pula sebanyak 51.3% murid memperoleh markah 40% ke atas.

Di peringkat PMR, peningkatan sebanyak 2.9% telah diperoleh bagi tahun 2005. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *cohort* yang mengikuti PPSMI iaitu Tahun Satu pada tahun 2003 yang berada pada Tahun Enam pada tahun 2008. Murid-murid tersebut akan mengalami PPSMI sepenuh enam tahun di sekolah rendah dan akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah atau UPSR dengan menggunakan medium Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik untuk sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Sehubungan itu, kerajaan akan menggunakan keputusan peperiksaan tersebut sebagai penanda aras atau *benchmark* dengan izin keberkesanan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains dan Matematik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

**KENYATAAN AWAM DATUK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH BERTENTANGAN
DENGAN LEGAL PROFESSION ETIQUETTE RULES**

11.30 pagi

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya membacakan usul yang saya cadangkan, saya ingin membetulkan tarikh yang ada di dalam baris keempat iaitu dibahaskan pada bukan 15 November tetapi 16 November, iaitu hari ini. Tuan Yang di-Pertua di sini saya memberi notis selaras dengan Peraturan Mesyuarat 18 (1) mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan, yang seharusnya dibahaskan pada 16hb November 2006 iaitu hari ini, seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bukit Gelugor untuk kebenaran membahaskan sebagai satu perkara di dalam kepentingan awam yang perlu disegerakan kenyataan awam oleh Datuk Muhammad Shafee Abdullah, peguam bagi seorang penganalisis politik yang disyaki terlibat di dalam pembunuhan yang dikatakan model Mongolia, Altantuya Shaariibuu di mana beliau mengutuk lanjutan perintah reman oleh Majistret Puan Manira Mohd Nor untuk membantu pihak polis di dalam siasatannya di dalam pembunuhan yang dikatakan tersebut.

Perkara ini adalah segera oleh kerana pihak polis sepatutnya tidak diancam oleh kenyataan-kenyataan awam oleh Datuk Muhammad Shafee Abdullah semasa siasatan polis masih dijalankan khususnya pada masa pihak polis belum menyelesaikan siasatannya. Datuk Muhammad Shafee Abdullah tidak berhak di sisi undang-undang untuk membongkarkan di

kalangan awam apa yang berlaku di dalam kamar oleh seorang pegawai kehakiman. Ini adalah bertentangan dengan izin, *Legal Profession Etiquette Rules*. Ianya boleh juga merupakan ancaman seorang pegawai perundangan dalam pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab perundangannya.

Peguam tidak berhak untuk menyentuh secara awam sebab-sebab untuk melanjutkan atau tidak melanjutkan perintah reman yang dibuat di dalam prosiding-prosiding secara kamar oleh kerana ini akan secara umumnya menyentuh berkenaan siasatan polis dan merupakan penghinaan proses mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua perkara ini adalah untuk kepentingan awam oleh sebab siasatan polis tidak sepatutnya diganggu melalui ancaman seorang pegawai perundangan oleh seorang peguam ataupun mana-mana personaliti lain. Keluarga si mati juga berhak kepada keadilan seperti seorang yang disyaki di dalam prosiding jenayah. Saya juga menekankan dengan kesemua tenaga dalam kebolehan saya di dalam kes ini, negara ini juga berada di dalam fokus antarabangsa oleh kerana si mati adalah warganegara Mongolia dan pembunuhan terkejutnya di dunia dan juga memandangkan keluarganya adalah di sini untuk memerhatikan perkembangan siasatan.

Sistem-sistem siasatan polis dan kehakiman kami adalah kini juga dibicarakan dan tiada mana-mana peguam berhak, di sisi undang-undang atau tidak, untuk membongkarkan secara awam kepada pihak media siasatan-siasatan polis berkenaan apa yang berlaku di dalam prosiding-prosiding secara kamar untuk melanjutkan suatu perintah reman." Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pada hari Selasa, 14 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang di bacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh ahli Yang terhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu; perkara ini ialah perkara yang tertentu; kepentingan orang ramai, perkara ini tidak berkenaan kepentingan orang ramai kerana ia hanya menyentuh suatu kenyataan yang dibuat oleh Datuk Muhammad Shafee Abdullah, mengecam keputusan Majistret yang membenarkan, melanjutkan tempoh reman, berkehendak disegerakan. Perkara ini tidak perlu disegerakan dan terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menyiasat dan mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang.

Oleh yang demikian saya menolak usul itu di bawah peraturan mesyuarat 18 (2).

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Peraturan Mesyuarat 43. Saya hendak minta pandangan daripada Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan usul-usul yang dibawa oleh parti pembangkang apabila telah ditolak dalam Dewan yang mulia ini, mereka mengambil kesempatan untuk mengadakan sidang akhbar di luar, apakah pandangan tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini pandangan daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat, ingin saya maklumkanlah keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua di sini memang satu keputusan muktamad. Saya memang bersetuju kenyataan ada tersiar di dalam surat khabar tentang perasaan yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berkata keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua beliau berasa kesal dan tidak berpuas hati. Saya ingin memaklumkan tindakan yang dibuat sedemikian itu tidak bijak kerana keputusan Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua ini adalah keputusan muktamad.

Sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan tidak berpuas hati dengan keputusan, ada cara lain mengikut Peraturan Mesyuarat boleh bawa usul dan perlulah menghormati apa yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point Of Order* Tuan Yang di-Pertua. Bukankah benar bahawa sungguh pun keputusan itu muktamad tapi masalah timbul adil tak adil. Dan sungguh pun ada peraturan dalam mesyuarat bahawa boleh cabar keputusan itu, tetapi langsung tak timbul sebab peraturan itu boleh cabar *it's a empty*, satu yang kosong sahaja, satu peruntukan yang tidak bererti. Dan sebab itu perlulah keluar Dewan untuk membuat pendirian bahawa keputusan itu tidak adil. Selain daripada kita ikut peraturan negara-negara Parlimen yang lain di mana apa-apa usul untuk menyoalkan keputusan Tuan Yang di-Pertua, automatik perlu diputuskan, dibahaskan dan diputuskan dalam 48 jam. Sekarang *it's a empty provision*, tak guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, tak payah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna cabar kalau tak boleh bahas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah, dan kalau tak bahas kita perlu pergi luar.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Cuba buat rayuan, rayuan ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tak puas hati dengan kata Peraturan Mesyuarat ini tak boleh dipakai dan sebagainya, Yang Berhormat boleh buat cadangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk majoriti, satu majoriti yang tak fikir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Pembesar suara tidak berfungsi*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tidak benar.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [*Bercakap tanpa mikrofon*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, Tanjong, adakah Tanjong dibenarkan bercakap sekarang? Peraturan Mesyuarat kena

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Majoriti pun boleh, bila satu keputusan, semua majoriti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau kata majoriti inilah demokrasi. Tetapi kena adil kepada sesiapa yang duduk di sini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Absolute brute majority party.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketua Pembangkang ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau Peraturan Mesyuarat tidak adil oleh kerana *brute majority*, kita perlu tegurkan? Apa guna kata ada peruntukan-peruntukan kalau tak boleh digunakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekurang-kurangnya satu bukti menjelaskan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak menghormati Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana Peraturan Mesyuarat tak harus dihormati oleh kerana tidak guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tak mahu menghormati Peraturan Mesyuarat, tidak perlu masuk ke Dewan ini, boleh keluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu masuk supaya perbetulkan Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang keluar, keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, Setiausaha.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini semua cakap sajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat apa nak cakap?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya nak cakap, semua kawasan-kawasan pembangkang, apa kawasan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini isu tidak timbul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 90 ribu, 90 ribu *registered*, kawasan Barisan Nasional mana ada macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini tidak timbul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa tak timbul? Betul, itulah asas dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya yang menyelesaikan, masalah ini tak ada kaitan dengan kawasan

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Apalah ini tidak ikut Peraturan Mesyuarat? Mahu jerit-jerit macam orang gila semua.

RANG UNDANG -UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007
Jawatankuasa

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kelapan]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tiambalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.23 [Jadual] –
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita masih dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dengan ini saya meminta Yang Berhormat Menteri menyambung semula menjawab.

11.44 pagi.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato’ Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan apa yang jawab semalam. Tuan Pengerusi, semalam saya ada tanya, Yang Berhormat Menteri ada jawab mengenai *point* yang saya ada kemukakan bahawa mengenai pendirian kerajaan dan kementerian mengenai *climate change*, perubahan iklim. Dan pun sama ada kita ada satu pasukan petugas khas mengenai perkara ini, dan Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya berkata bahawa kita adalah satu negara yang sangat baik rekod kita, adalah *rectify Kyoto Protocol*. Dan tidak semacam negara US dan lain-lain, saya setuju. Tapi dia kata bahawa kita ada satu rekod baik, nampaknya dia sudah mengelirukan Dewan yang mulia ini oleh kerana beberapa hari dahulu ada mengeluarkan satu *Climate Change Performance Index 2007*, saya percaya Yang Berhormat Menteri tahulah. Yang Berhormat Menteri tahu apa dia kata semalam tidak betul, dia mengelirukan Dewan yang mulia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Mengikut *Climate Change Performance Index 2007* dan tujuan CCPI itu, dengan izin supaya boleh cepat, *help increase transparency in international climate policy compares a*

climate protection efforts of 56 industrialize and rapidly industrializing countries that together make up more than 90% of global carbon dioxide emissions. Dan negara Malaysia antara terburuk sekali, nombor dua daripada belakang. Nombor dua daripada belakang, 56 negara yang terburuk sekali ialah Saudi Arabia, oleh kerana Saudi Arabia tidak bersetuju dengan *a green house gases emissions* oleh kerana pengeluaran minyak. Tetapi negara Malaysia, rekod kita lebih buruk daripada negara Asean, Japan, Singapura, Indonesia, Korea Selatan, Thailand, kita lebih teruk, kenapa? Sebab itu saya tanya apakah, kalau kita satu parti kepada *Kyoto Protocol*, dan mahu cakap besar di sini, patutlah kita ada rekod baik. Apa usaha, apa usaha yang telah diadakan?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tolong baca di mana letaknya USA.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: USA betul, kita nombor 55, USA nombor 53. *Do we have to be proud?* Betul, kita kutuk, saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri kita kutuk USA tak *rectify Kyoto Protocol*, kenapa kita rasa bangga? Rasa bangga oleh kerana kita *the second worse* lebih buruk daripada Japan, Singapura, Indonesia, South Korea, Thailand. Bolehkah, saya tak mahu buat satu polemik di sinilah, sebab itu semalam saya tanya mengenai usaha kita dalam aspek ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ok Tuan Pengerusi, nampaknya pembangkang segala yang buruk sekali dia nak dedahkan ke dunia. Begitu juga dalam

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan saya dedah, ini sudah dedah bukan oleh saya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya akan jawab, saya akan jawab. Kita berada dalam protokol, sebenarnya yang meng *emit* kan karbon yang terbanyak adalah negara-negara yang banyak industrinya. Negara-negara yang mengeluarkan arang batu, yang mengeluarkan petroleum dan sebagainya. Negara Indonesia terlebih baik daripada kita oleh kerana *industrialization* nya tidak begitu pesat. Kenapakah Yang Berhormat tidak bandingkan negara yang penuh hutan yang tidak ada langsung *industrialization*? Sebenarnya pengeluaran karbon ada kait mengena dengan *industrialization* dan kita telah maju beberapa tahun sejak merdeka dahulu atas dasar meng *industrialize* kan negara kita daripada kebergantungan daripada getah dan kelapa sawit, kita telah mengubah.

Hari ini 80% daripada ekonomi kita bergerak di atas landasan *industrialization*. Ya, kita mengetahui hari ini dunia mengetahui bahawa *carbon emission* itu amat serius. Kita berada bersama-sama dunia yang sedang mencari jalan mengatasi masalah. Tetapi hendak mengatasi dalam tempoh setahun, dua tahun, itu tidak praktikal. Yang Berhormat, bukan tidak ada masalah, sebaiknya kita berada dalam golongan masyarakat yang mahu membantu mengurangkan karbon. Kita berada di kalangan mereka yang menandatangani *Kyoto Protocol*, kita bekerjasama. Dan hari ini kita mewujudkan satu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, menggabungkan semua jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan alam sekitar supaya kita dapat dalam jangka masa panjang mengurangkan segalanya ini, kita sedang berusaha sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Sebab itulah saya tanya apakah usaha kita? Dan bolehkah gariskan apa usaha-usaha, langkah-langkah? Dan tadi Yang

Berhormat Menteri kata apa kedudukan USA, USA lebih baik daripada Malaysia sungguhpun lebih *industrialized* daripada Malaysia. Itulah kita, lebih *industrialized* daripada Malaysia tapi lebih baik, patut lebih rendah. Ha, itu realistiklah, jangan *denial syndrome*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, cuba bandingkan dengan keluasan tanah. USA, keluasan tanahnya besar, berapa puluh ribu kali ganda kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak apalah, usaha-usaha, usaha kita.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, usaha kita, kita menyertai 20 lebih protokol di dunia. Adakah itu tidak cukup? Dan kita mewujudkan sebuah kementerian khas sejak dua tahun yang lalu. Jangan pula Yang Berhormat mahu, buat sekarang, jadi sekarang. Ini bukan tuhan, Allah saja mengatakan "*kunfayakun*", manusia tak boleh, berusaha dan kita sedang berusaha. Karbon *emissions* kita nak menutupkan ini *open lands* dikatakan *dump side*. Dua ratus lebih *dump side* yang mengeluarkan *methane* gas, juga menghasilkan karbon dan sebagainya.

Kita berusaha hari ini menutup. Wang tak cukup nak menutup - 16, sekarang kita sedang mencari jalan nak menutup semua dengan cara-cara yang lebih berkesan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada *master plan*? Ada *master plan*?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: *We are planning now - immediately*. Bukan itu saja banyak lagi benda yang sedang kita rancang. Tapi janganlah Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang terhormat, bagi peluanglah Menteri menjawab.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang terhormat nak saya *spell out* satu persatu? Satu persatu. Kita telah menyertai protokol 20 lebih protokol di dunia. Jangan harap hari ni buat esok jadi. Kita buat *follow up action*. Ini nak menutup dengan *open dumpsite*. Daripada 16, kita tak bersetuju dan kita nak semua ditutup. Dan belanja pun kalau tidak daripada RM160 juta kita nak izinkan *private sector* nak mengambil alih, kerana kerajaan tidak mempunyai wang. Kita hendak tutup sekarang juga. Kalau boleh. Tetapi satu *dumpsite* makan masa 10 tahun untuk ditutup. Janganlah pula karbon hari ini hendak ditutup besok jadi. Jadi Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, pindahkan....

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya pindah ke arah lainlah. Okey, Yang Berhormat memang mencari-cari sebab. Ya, saya tahu. Cuba tengok dalam senarai yang paling buruk dalam *index* yang disebutkan ialah negara-negara *industrialize*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yalah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, dulu Yang Berhormat ini *Champion Capital Control*. Dia kondem kerajaan kerana kita....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Dulu saya ingat zaman, tahun, dia bangun macam ini juga. Dia hentam kita...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor duduklah. Yang Berhormat Menteri, tajuk lainlah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya tak mahu bahas. Saya bagi contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri pergi tajuk lainlah. Tidak payah layan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey, saya teruskan kepada tajuk. Tuan Pengerusi, seramai 14 Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu banjir. Sama ada banjir kilat atau banjir monsun. Ini membayangkan bahawa memang masalah banjir di seluruh negara menjadi lebih serius dari dulu dan satu daripada sebabnya ialah dalam *atmosphere* kita sendiri lebih banyak air. Oleh kerana *global warming* dan juga oleh sebab kutub utara dan selatan kita hari ini, kontinen-kontinen yang menjadi ais dahulu sudah cair dan banyak air dalam *atmosphere*, maka hujan lebih banyak pada hari ini daripada dulu dan juga ada sebab lain yang menyebabkan banjir kilat iaitu pembangunan yang pesat.

Pembangunan yang dibuat secara yang biasa. Antara lain ialah cara-cara pemaju mengendalikan urusan pembangunan tanah dengan sistem *cut and fill*, di mana saluran-saluran air dikambus, ditimbun tanah dan sebagainya maka air mencari jalan lain untuk mengalir.

Jadi Tuan Pengerusi, ujian ada dan kerajaan pun telah meluluskan satu sistem dikatakan sistem MASMA iaitu Manual Saliran Air Mesra Alam. Manual ini pada hari ini hanya dipakai sebagai *guideline* ataupun panduan untuk semua pemaju, semua pembangunan menggunakan sistem ini. Satu daripada matlamatnya ialah untuk mengurangkan pengairan air daripada kawasan-kawasan tanah tadahan, padang dan sebagainya turun ke sungai dan dengan melambatkan air ini turun ke sungai, melambatkan juga air turun ke mana-mana, maka akan mengurangkan banjir-banjir kilat yang berlaku.

Ada dua cadangan, satu ialah bagi kemajuan tanah yang akan dilaksanakan, yang sedang dicadangkan, kita cadangkan digunakan sistem MASMA. Bagi yang telah pun dibangunkan kita mencadangkan untuk digunakan satu cara bagi mengatasinya dengan juga menggunakan sistem MASMA. Kedua-duanya ini memerlukan masa yang panjang. Tetapi bagi projek-projek yang baru akan dikendalikan semua pemaju akan diminta melaksanakan sistem MASMA.

Cuma pada hari ini, didapati ini hanya merupakan *guideline* ataupun panduan...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam Yang Berhormat, bagi jalan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Seri Menteri. Saya rasa memang kita setuju bahawa garis panduan MASMA itu digunakan. Kita

dapati garis panduan itu dipatuhi sepenuhnya oleh jurutera perunding sekarang. Tetapi masalahnya kita mereka bentuk bangunan atau kawasan-kawasan pembangunan berdasarkan 'i-100' iaitu kekerapan banjir dalam 100 tahun.

Tapi masalah secara makronya, kita tak dapat selesaikan masalah. Sebab itulah semalam saya ada mengatakan bahawa kita perlukan satu pendekatan yang *holistic*. Saya rasa kalau kita setakat selesai setakat kawasan pembangunan, itu tidak cukup. Saya menyokong sekiranya kementerian hendak peruntukan yang jauh lebih tinggi. Sebab masalah itu kena selesai di semua peringkat tidak boleh selesai secara secebis sini, secebis sana.

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, adakah kementerian ini bercadang kepada Kabinet supaya kita buat satu pendekatan yang *holistic* termasuklah bagaimana kita menyekat sampah *Gross Pollutant Trap, trash rack* - kesemuanya untuk sampah masuk ke sungai dan apabila sungai kita dapat mengalir dengan baik, semua parit itu direka bentuk dengan sempurna, saya rasa di kawasan Lembah Klang masalah itu tidak akan berlaku.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat sebab apa yang saya khuatir sekarang, di bahagian sungai saya ingat tidak sampai kita hendak tanggung 'i-5' jangan kata 100 tahun. Jadi saya hendak mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat apa penyelesaian jangka panjang yang ada. Daripada kita membelanjakan RM2 bilion di sini, RM2 bilion di sana, baik kita membelanjakan lebih banyak untuk menyelesaikan secara *holistic* dan sekali harung kita dapat selesaikan masalah. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana penyelesaian dengan cara yang menyeluruh ini adalah lebih penting untuk jangka panjang. Kabinet telah bersetuju dengan cadangan supaya diadakan *river basin management*. Ini pun telah dipersetujui dan pada peringkat awal ini, kita mencadangkan satu negeri memilih sebatang sungai untuk dikatakan *one state one river*, untuk kita mengurus secara *river basin*. Sekarang pun sudah dilantik *consultant* atau perunding-perunding untuk mengkaji sungai-sungai yang telah dipilih oleh kerajaan negeri. Ini jangka panjang.

Yang keduanya ialah dari segi sampah yang turun ke bawah dan sebagainya, ini juga adalah satu pendekatan yang *holistic*, yang disebutkan oleh Kuala Terengganu semalam kita perlu mengadakan pendidikan secara menyeluruh. Pendidikan formal dan tidak formal bagaimana mendidik orang-orang awam untuk tidak membuang sampah di kawasan masing-masing untuk mengurangkan segala sampah-sampah yang mengalir ke sungai yang menjadikan masalah di sungai-sungai.

Tetapi, yang kita kata sistem MASMA ini ialah bagi pembangunan yang akan datang. Kita sekarang ini, permintaan untuk pembangunan kian meningkat di seluruh negara. Oleh kerana rakyat kita kian bertambah dan di mana-mana sahaja di setiap negeri ada sahaja permohonan untuk membangun. Dengan.....

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Krai Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Biar saya selesai. Jadi sistem MASMA ini kita dapati amat praktikal dan sudah pun dipraktikkan dan kita semua.. untuk makluman Yang Berhormat, kalau

kita ada masa kita akan melawat. Saya akan membawa Ahli Parlimen melawat satu kawasan yang telah pun menggunakan sistem ini. Kita tidak menggunakan parit-parit secara konkrit. Kita menggunakan parit yang masih kekal dengan rumput. Tetapi di bawahnya digunakan ada cara-cara untuk mencari jalan untuk melewatkan air turun ke sungai dan juga air yang keluar itu adalah air yang bersih, yang jernih yang turun ke sungai. Memang kualitinya lebih baik daripada yang ada.

Tetapi ini sebahagian daripada *holistic approach*. MASMA bukannya *approach* yang *holistic*, tetapi sebahagian daripada *holistic approach* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya terpanggil juga mengenai dengan sungai dan kawasan-kawasan yang takung air. Saya dapati semua ini terdedah kepada kerajaan negeri umpamanya di negeri Kelantan. Jadi kerajaan negeri bertanggungjawab mengenai dengan sungai, bukit yang telah ditebang, pelbagai balak dan sebagainya. Sekarang musim banjir di Kelantan, musim tengkujuh. Jadi saya hendak tahu menteri sejauh manakah campur tangan Kerajaan Pusat yang boleh bekerjasama ataupun memberi arahan kepada kerajaan negeri umpamanya dalam masalah air ada penubuhan SPAN, Suruhanjaya Air Negeri dan juga ada yang ditubuhkan untuk Persekutuan. Adakah tidak pihak kementerian mengenai dengan sungai dan kawasan-kawasan bukit yang ditebang dan sebagainya ada campur tangan daripada Kerajaan Pusat untuk dapat melegakan keadaan di negeri masing-masing. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, Dalam Perlembagaan kita ada bidang-bidang kuasa yang khusus, ada bidang-bidang kuasa di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan ada juga bidang kuasa di bawah tanggungjawab Pusat tetapi dalam urusan pembangunan dan apa sahaja yang berkaitan dengan tanah dan sebagainya termasuk.. Yang Berhormat sendiri telah sedia maklum. Jadi Kerajaan Pusat hanya dapat memberi satu panduan dan garis panduan kepada kerajaan negeri termasuklah Kelantan. Jadi setiap tiga bulan sekali ada mesyuarat antara menteri-menteri besar dengan Perdana Menteri, di situ dibangkitkan perkara-perkara yang penting daripada Pusat untuk dipertanggungjawabkan kepada kerajaan negeri.

Kerjasama antara negeri dengan Pusat adalah penting oleh kerana ada kalanya bantuan amat perlu daripada Pusat untuk mengatasi masalah-masalah di peringkat negeri. Seperti di Kelantan, kerajaan Pusat telah pun membuat keputusan membantu mengatasi masalah banjir di kawasan Slow Machang,

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Dekat Pasir Mas.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Dekat negeri Kelantan, di dalam bahasa baku Slow Machang, jadi saya terpanggil dengan berbahasa Kelantan, maka 'Selur Mache!' Itu 10 juta....

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kenapa tidak di kawasan lain Yang Berhormat? Kawasan-kawasan lain?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ah, kita tunggu dahululah, jadi wang yang terhad itu kita belanja untuk yang kita lihat. Saya sendiri dan juga banyak kawan-kawan yang lain melihat dan

kita dapati kawasan ini perlu dibantu dengan segera maka kita cari jalan biar yang ini dahulu tidak boleh dibuat semua sekali kerana wang adalah terhad. Terima kasih.

Tuan Pengerusi...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Pasir Mas bangun dengan Kuala Terengganu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Pasir Mas lagi? Semalam tidak cukupkah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sedikit sahaja lagi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kawasan dia yang dapat itu Yang Berhormat, Machang.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan terima kasih kerana membawa RM10 juta ke kampung saya, kampung Slow Machang, kawan sayalah, kampung hamba. Cuma mu tidak tengok lagi, mana sebenarnya lokasi Slow Machang itu terpaksa dengan belanja RM10 juta, walau bagaimana pun Alhamdulillah. Hamba meminta kepada Yang Berhormat Menteri menghantar pegawai-pegawai untuk membuat pemantauan.

Baru-baru ini kerajaan meluluskan RM250,000 untuk mengindahkan sebuah masjid, masjid di kampung saya, di hadapan rumah saya sendiri. Masjid itu dahulunya, bapa saudara saya menjadi imam dan selepas dia mati, dia ganti-ganti, tiga gantian sekarang ini imam sudah dua, tiga kali imam ganti, dibuat dengan RM200, diperuntukan sebanyak RM250,000. Yang dibaikinya tidak lebih daripada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak kena.....Yang Berhormat, kena-mengena dengan saluran Yang Berhormat, masjid punya cerita.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak, itu di antara lain, pembangunan. Di baiki sedikit rusuk di kanan kiri.....

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Masjid lain itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kemudian diganti dengan atap zink, saya tidak fikir RM250,000 dengan atap zink, minta buat pemantauan itu, satu. Yang kedua, Kelantan dikaitkan banjir, saya mengucapkan terima kasih dengan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa banjir ini disebabkan dengan air turun, air hujan yang begitu banyak dan sebagainya.

Tetapi saya dukacita dengan sesetengah kenyataan yang mengatakan sebab pembalakan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, banjir tahun 1926 bukan baru, tahun 1926, apakah berlaku pembalakan atau tidak? Dan berlaku banjir pada tahun 1978 hingga 1982 di zaman UMNO memerintah, apakah boleh dikaitkan dengan pembalakan? UMNO memerintah 12 tahun, balak tebang banyak tetapi duitnya tidak banyak, tebang balaknya banyak tetapi duitnya dapat tidak banyak, banjirkah tidak banjir pada waktu itu? Di waktu PAS memerintah

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payahlah berucap Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Balak juga tebang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah ucapan Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Banjir juga berlaku, maknanya banjir ini berlaku di semua musim kerana itu adalah suatu ketentuan Allah SWT yang berlaku di kawasan kita, di kawasan pantai timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya adil dalam memberi suatu jawapan dan jangan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah, saya dukacita, saya ingat Yang Berhormat bagi Tanah Merah ini boleh membantu kerana dia orang cerdik tetapi nampaknya tidak boleh tumpang cerdiknyanya, dia cerdik tetapi tidak boleh tumpang cerdiknyanya, yang bagi mengelirukan Dewan ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Dia buat ucapan ini, dia buat ucapan ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya minta Yang Berhormat Menteri beri suatu yang saksama dalam menentukan banjir dan bagaimana hendak mengatasi banjir dan oleh kerana itulah Yang Berhormat Menteri saya sebut ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, Menteri hendak jawab ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang akhir saya ucap ini, akhir untuk ini. Di Sungai Golok bukan sekadar kita hendak membendung air tetapi kelihatan tidak indah, hendak tarik pelancong daripada Golok daripada Thailand, datang ke Malaysia. Apabila kita melihat di sebelah Goloknya indah, perbatasannya indah, tebingnya indah tetapi apabila kita melihat daripada Golok ke Rantau Panjang terlalu buruk sekali kerana apa? Kerana benteng kita tidak dibuat dan sekali gus keadaan itu kacau bilau di situ. Jadi saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri supaya sekali gus mendesak supaya benda ini dapat diatasi dengan segera untuk kepentingan semua rakyat bukan sahaja PAS tetapi rakyat UMNO dan negeri dan negara kita, insya-Allah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Itulah.....terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ini wakil PAS ini dia keliru sedikit, dia terlupa bahawa segala pembangunan, segala apa yang hendak dibuat perlu wang tetapi apabila hendak dibina jalan tol di Terengganu, PAS juga mengatakan dia tidak mahu pula izinkan kutip tol, maka macam mana pembangunan hendak datang.

Begitu juga dengan PAS dahulu apabila menang pilihan raya buat kempen kepada rakyat Malaysia - katanya kalau menang PAS tidak akan dikenakan *road tax*! Dimanakah wang untuk kita belanja kalau tidak ada *tax* dan sebagainya? Jadi dari segi sama ada balak, balak juga menyumbang kepada banjir, cuma banjir yang besar yang datang sekali-skala. Macam banjir tahun lalu adalah banjir yang terbesar oleh kerana air yang terlalu banyak yang datang daripada

atas langit yang dicurahkan daripada langit atas anugerah Allah tetapi itu bukan datangnya selalu. Tetapi yang sebenarnya yang saya sebutkan ialah kita hanya dapat mampu mengatasi masalah banjir, bukan semua kawasan dapat dibelanjakan kerana wang amat terhad, kita memilih kawasan-kawasan di mana yang kita rasa wajar diberi perhatian dahulu dan ada yang kemudiannya.

Tuan Pengerusi, kita beralih kepada tajuk yang lain, iaitu tajuk Akta Hak Milik Strata. Akta Hak Milik Strata ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya mungkin tidak dapat catit semua sama ada ada Yang Berhormat lain juga telah membangkitkan.

Tuan Pengerusi, pindaan kepada Akta Hak Milik Strata akan dibentangkan untuk bacaan pertama pada bulan Disember tahun ini dan akan dibahaskan untuk dibaca kali yang kedua pada awal tahun 2007. Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian yang ada cadangan atau ada apa-apa yang hendak diberi perhatian dan Yang Berhormat sekalian diminta membaca dengan teliti kerana bacaan pertama akan diedarkan akhir pada bulan depan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, hendak tanya yang pindaan itu adakah ia merangkumi *gated community* seperti mana yang diperdebatkan?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, Tuan Pengerusi memang antara sebab yang melewatkan pindaan akta, melewatkan pengeluaran Akta Hak Milik Strata ialah oleh kerana pada hari ini banyak pemaju telah membina perumahan mereka secara *gated community* dan ini menjadi masalah besar. Maka pegawai-pegawai di kementerian saya telah melawat di banyak negara asing untuk melihat bagaimanakah mereka mengatasi masalah ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dan begitu juga dengan pihak Peguam Negara yang telah membantu mempercepatkan pindaan akta ini yang akan dibaca pada bulan Disember.

Ini kita percepatkan pada hari ini oleh kerana masalah hak milik strata ini menimbulkan isu bantuan bank. Bank enggan memberi pinjaman kepada pemaju. Begitu juga bank enggan memberi pinjaman kepada pembeli dan ini telah mewujudkan apa yang dikatakan *slow down in the building industry*, dengan izin. Maka dengan *slow down* ini telah menjejaskan industri binaan dan ada juga impaknya kepada perkembangan ekonomi semasa.

Oleh kerana itu, walaupun ada satu lagi akta yang berkaitan iaitu yang akan dibentangkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi mereka juga bersetuju supaya pindaan Akta Hak Milik Strata ini dipercepatkan dan mereka juga akan mempercepatkan akta yang lagi satu iaitu akta yang berkaitan dengan *Common Property (Management and Maintenance) Act*. Kedua-duanya ini perlu dilaksanakan dengan bersepadu cuma di bawah dua kementerian. Maka dua kementerian ini telah bekerjasama untuk mengemukakan bagi pertimbangan Parlimen bagi tahun depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang pemaju yang tidak bertanggungjawab oleh kerana mereka tidak mengemukakan permohonan hak milik strata walaupun CF telah dikeluarkan. Dalam undang-undang, Akta Hak Milik Strata 1985 ada peruntukan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mendakwa mana-mana pemaju yang tidak bertanggungjawab di mahkamah. Saya ingin tahu sejauh manakah ada mana-mana pemaju didakwa di mahkamah sepanjang tahun ini? Adakah ini tanggungjawab kerajaan khususnya kementerian Yang Berhormat Menteri bahawa pemaju yang tidak bertanggungjawab ini haruslah didakwa di mahkamah oleh kerana mereka tidak memberi perlindungan kepada pemilik-pemilik yang membeli unit kondominium ini? Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, sebenarnya sebab itulah kita akan bantangkan pindaan akta oleh kerana didapati akta ini yang telah melambatkan beberapa urusan termasuk dalam urusan pengukuran itu sendiri lambat. Jadi semuanya menyumbang kepada kelewatan pengeluaran strata *title* tetapi Yang Berhormat, saya rasa lebih baik kita tunggu dan kita lihat ke depan. Jangan kita lihat ke belakang apa yang menjadi kelemahan kita, apa yang kita tidak buat sebab ini telah pun sampai ke tahap di mana kita akan timbang di dalam Parlimen untuk membantu kita mempercepatkan segala urusan.

Tuan Pengerusi, saya akan teruskan kepada satu lagi topik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Yang Berhormat bagi Bagan iaitu hakisan pantai. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, seluruh Semenanjung Malaysia sepanjang 1,800 kilometer pantai yang telah dan amat terancam seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas semalam, katanya enam batu kawasan tanah telah diambil oleh laut di Kelantan.

Di negara saya, negeri kecil saya kata negaralah. Negeri saya, Perlis, empat batu berada dalam laut. Begitu juga Kedah dan banyak lagi tempat lain. Jadi kian lama kian kecil tanah yang ada pada kita. Ini membawa masalah kepada jangka panjang. Kalau dianggarkan kos untuk hendak memulihara pantai, jumlah kos ialah lebih kurang RM800 juta pada keseluruhannya tetapi bajet yang ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah RM288 juta. Maka ini tidak mencukupi dan kita pada hari ini sedang mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini dalam jangka panjang dengan cara apa sahaja, dengan cara kita mencari pembiayaan dalam bentuk PFI atau apa yang ada supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa yang lebih cepat.

Masalah pantai ialah kita ada tempat-tempat kita mengambus pantai. Tetapi dalam laut, airnya sebanyak itu juga. Jadi apabila pantai yang digunakan oleh air itu ditimbus, maka air kena cari tempat lain untuk ia bertempat. Maka ia cari tempat lain. Jadi di mana ia ditimbus, di kawasan sebelah akan dimakan air. Jadi ini semua adalah isu-isu teknikal yang perlu diatasi oleh pihak-pihak teknikal yang tertentu.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam mengatasi masalah hakisan pantai yang berterusan, saya difahamkan FRIM, Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia ada menjalankan satu kajian untuk membina satu model atau teknik bagi mencegah pukulan ombak ke pantai yang mana satu pembinaan dibuat tidak jauh daripada pantai ke laut untuk menahan ombak bagi mengurangkan masalah hakisan. Apakah kedudukan kajian ini dan adakah ia boleh menjadi satu kaedah kekal untuk mengatasi masalah hakisan di seluruh negara.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya sebenarnya tidak dimaklumkan mengenai kajian ataupun penemuan oleh FRIM tetapi yang saya tahu ialah apa yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan dengan kerjasama FRIM iaitu menanam pokok-pokok bakau di pantai yang telah didapati amat bersesuaian. Setelah kita melihat apa yang berlaku di sesetengah kawasan akibat tsunami di mana dengan adanya pokok-pokok bakau, kawasan-kawasan berkenaan telah terselamat daripada tsunami dan banyak nyawa telah selamat. Saya akan periksa balik Yang Berhormat, tentang apa yang dimaksudkan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Menteri, mungkin *pilot project* ini sedang berjalan atau sudah dilakukan sama ada di Langkawi dan yang terakhir di Sungai Nibong. Asalnya ia hendak dilaksanakan di Pantai Jeram, di pantai yang saya sebutkan tadi. Tetapi oleh kerana peruntukannya sudah kena "culik", [Ketawa] dipindahkan, saya minta peruntukan yang khusus dibawa juga ke Pantai Jeram. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih. Saya akan semak semula, Yang Berhormat. Terima kasih.

Izinkan saya Tuan Pengerusi, mengarah kepada isu yang satu lagi yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat iaitu mengenai isu jerebu. Isu jerebu ini ialah satu isu yang hangat yang dibincangkan di peringkat ASEAN dan juga menarik perhatian dunia kerana jerebu yang tebal dan yang berlaku setiap tahun pada musim kering, di mana tempat-tempat yang berlakunya kebakaran terbesar ialah di Kalimantan dan di Sumatera.

Lima negara mengambil perkara ini secara serius iaitu Singapura, Malaysia, Thailand dan Brunei termasuk Indonesia. Kelima-lima negara ini berbincang secara serius dan baru-baru ini seluruh negara ASEAN berbincang dengan cara serius bagaimana untuk mengatasi masalah ini dan ada beberapa cadangan yang telah pun diutarakan. Antaranya ialah selain daripada mewujudkan dana untuk membantu mengatasi masalah, ada juga cadangan untuk negara-negara yang berjiran dengan Kalimantan dan Sumatera mengambil beberapa kawasan dan wilayah sebagai anak angkat untuk membantu masalah yang mewujudkan jerebu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Antara masalah terbesar ialah masalah pembakaran tanah gambut. Ini adalah satu perkara yang serius, di mana kononnya kita tidak tahu dengan secara

detail, 60% daripada kebakaran berlaku di tanah-tanah gambut yang mana pada dahulunya adalah kawasan yang lembap tetapi apabila diwujudkan pengairan, maka tanah-tanah gambut ini kekeringan dan apabila kering, tanah gambut amat mudah terbakar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sabak Bernam ingin merakamkan penghargaan terima kasih kerana antara kawasan yang di tanam semula dengan pokok kayu bakau. Saya ingat lebih daripada 100 ekar ataupun dalam lingkungan 40 hektar begitu. Jadi ini wajar diteruskan hanya Sabak Bernam kalau boleh ingin Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian. Di dalam kawasan pantai antara kawasan yang saya jaga ialah kawasan pantai, kawasan sungai. Jadi ada dua kampung yang mempunyai satu keadaan kawasan pantai yang berbeza. Satu pantainya terhakis, satu lagi kawasan pantai itu bertambah sehingga sungainya sebu iaitu kawasan Beting Kepah dengan kawasan Sungai Lang. Jadi saya harap dalam *itinerary* tugas Yang Berhormat Menteri dapat kawasan Sabak Bernam diberi perhatian dalam konteks hakisan pantai dan pertambahan pasir dan tanah di kawasan yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat kita akan ambil perhatian. Tahniah kepada Sabak Bernam sebahagian tanah terhakis sebahagian tanah mereka dapat kembali. Ini yang saya maksudkan di mana dihakis di mana kita tambun tempat lain pula dihakis. Jadi kita akan ambil perhatian, kementerian saya akan ambil perhatian tentang Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada perkara-perkara khusus yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pertamanya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang mengutarakan tentang Hutan Simpan Kekal Bukit Nanas. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan supaya Bukit Nanas.....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi minta maaf Yang Berhormat Menteri saya hendak mencelah tentang masalah jerebu tadi tentang cadangan saya adakah kementerian ada cadangan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mengadakan sistem mengesan amaran awal punca kebakaran supaya tidak merebak dan mencipta satu alat bagi tujuan yang berkenaan seperti tsunami.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi sememangnya di antara perkara yang dibincangkan ialah *early warning system* yang akan diwujudkan di peringkat ASEAN. Maka menteri-menteri ASEAN yang berkaitan dengan alam sekitar akan bertemu setiap 3 bulan sekali untuk memantau supaya satu rangka kerja yang lebih komprehensif akan dapat diwujudkan dan dilaksanakan termasuklah *early warning system*. Kita dapati bahawa *early warning system* yang datang daripada satelit iaitu yang mengesan *hotspot* rupanya bukan semua yang nampak merah di atas peta yang di bawa dari satelit itu benar-benar kawasan terbakar tetapi hanya mengesan *temperature* sahaja yang meningkat tetapi tidak semestinya terbakar. Jadi kita perlukan alat-alat

yang lain untuk memberi amaran secara cepat supaya pembakaran itu dapat diatasi dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat .

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan Hutan Simpan Kekal Bukit Nanas disimpan dengan cara yang teratur dan juga tidak mengizinkan pembangunan di sekitar kerana ia akan menjejaskan satu kawasan hutan dalam bandar yang begitu lama hutannya begitu tua yang merupakan satu dikatakan khazanah bukan sahaja untuk pelancong bahkan untuk negara sendiri. Saya bersetuju kerana kementerian juga ada mencadangkan untuk sememangnya kawasan ini tidak akan diizinkan diterokai dan dibuat apa sahaja bahkan apa sahaja pembangunan untuk diperbaiki akan dibuat secara mesra alam khusus oleh kerana kawasan ini memang menjadi tarikan pelancong. Dan kita ada cadangan untuk mempertingkatkan aktiviti pelancongan di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai SMART Tunnel ataupun terowong canggih yang kita buat yang berharga lebih kurang RM2.1 billion. SMART Tunnel ini akan siap pada bulan Julai tahun 2007. Sehingga hari ini 90% kerja sudah siap. Dan tidak ada pertukaran kontraktor tidak ada pertukaran tangan antara satu kontraktor dengan kontraktor yang lain. Ada soalan lagi? Ok Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tentang ini Hutan Simpan Kekal di Bukit Nanas saya rasa adakah kementerian Yang Berhormat bercadang berhubung dengan DBKL untuk memastikan apa-apa projek yang baru yang boleh menjejaskan hutan ini dielakkan. Kalau jika tidak, apa yang kita kenal pasti bahawa DBKL akan meluluskan apa rancangan-rancangan projek bangunan bertingkat berhampiran hutan simpan ini. Adakah bercadang berhubung dengan DBKL memastikan tidak ada projek-projek yang boleh menghancurkan ini hutan simpan kekal ini? Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Ini saya rasa akan kalau belum ada lagi kita akan memperketatkan lagi. Saya tidak tahu sama ada sememangnya apabila ada hutan simpan memang Jabatan Perhutanan terlibat dan juga oleh kerana kawasan ini telah digazetkan sebagai hutan simpan kekal maka adalah menjadi tanggungjawab DBKL menjaganya. Cuma sama ada kawasan sekeliling kawasan persekitaran yang hendak dibangunkan dikawal supaya ia tidak menjejaskan kawasan hutan ini. Kita akan lihat dengan mendalam perkara itu. Terima kasih cadangan itu kita terima dan kita akan buat susulan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang SMART Tunnel saya telah jawab. Tetapi untuk makluman SMART Tunnel hanya akan menyelesaikan hanya 50% daripada masalah banjir di Kuala Lumpur. Oleh kerana ada sebelah lagi ada dua bahagian Kuala Lumpur satu bahagian Barat satu bahagian Timur yang ini hanya menyelesaikan bahagian Timur. Yang lagi sebelah barat akan diselesaikan dengan cara menggunakan kawasan-kawasan takungan untuk melewati air keluar ke sungai-sungai dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah bertanya mengenai Projek Petronas Co Generator yang menggunakan gas sebagai bahan bakar. Apa yang telah dapat dikaji oleh Jabatan Alam Sekitar, penggunaan gas tidak akan mengakibatkan pencemaran. Namun

demikian kementerian akan terus membuat pemantauan supaya semua peraturan pencemaran dapat diselaraskan. Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga membangkit mengenai peruntukkan memperbaiki dan mengindahkan Sungai Melaka. Ini juga untuk maklumat Yang Berhormat kelulusan peruntukkan telah diperolehi daripada Perbendaharaan iaitu untuk pembaikan sungai Fasa 3 yang akan siap dalam tahun 2007 membolehkan Melaka menerima pelancong di kawasan berkenaan. Dan saya juga sokong cadangan Yang Berhormat supaya biawak-biawak di simpan sebagai bahan tarikan pelancong. Itu saya sokong dan juga kementerian ini memang mengambil perhatian oleh kerana dia merupakan habitat. Dan habitat alam sekitar itu ada sebabnya wujudnya satu habitat maka kalau pupusnya satu habitat akan pupus yang lain. Dia ada rangkaian *symbiotic relationship* antara satu dengan lain.

Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan isu lombong emas. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini tidak ada lagi aktiviti perlombongan emas kerana apa-apa sahaja aktiviti perlombongan telah pun ditutup pada pertengahan tahun 2006. Jabatan Mineral dan Geosains sentiasa memantau keadaan ini. Tetapi jika Yang Berhormat mengesan aktiviti yang haram saya minta Yang Berhormat sebagai seorang yang bertanggungjawab di kawasan berkenaan membangkitkan perkara ini dengan kementerian saya dengan secepat mungkin. Mungkin ada aktiviti lain yang berkaitan dengan pembinaan jalan, pembalakan tanah dan sebagainya yang membantu ke arah pencemaran sungai di kawasan berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh habiskan 10 minit ke jawapan?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Allah.....banyak lagi Yang Berhormat ini. Akta Perlindungan Hidupan Liar sedang dipinda, Yang Berhormat bagi Lipis telah membangkit mengenai cara kita menjaga gajah dan sebagainya untuk mempertingkatkan perlindungan dan konservasi sumber kepelbagaian biodiversity negara.

Jadi, apa-apa yang masih tidak, kalau Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat boleh bangkitkan apabila kita membentangkan akta pindaan ini.

Mengenai pelancongan di Taman Negara, kita sedang mencari jalan

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sik.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Yang Berhormat, oleh kerana saya diberi amaran untuk menamatkan dalam tempoh, bolehkah saya teruskan kerana saya diberi 10 minit sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Aktiviti pelancongan di Taman Negara, kita sedang mencari jalan untuk kita menambahkan pengisian aktiviti. Oleh kerana banyak yang ada di Taman Negara yang belum dinikmati secara menyeluruh, belum dimanfaatkan secara menyeluruh kerana banyak yang boleh diketengahkan tetapi masih tidak dijadikan sebagai satu bahan ataupun satu perkara yang boleh kita ketengahkan dalam aktiviti pelancongan.

Yang Berhormat bagi Gombak bertanya mengenai sensitiviti *environment* di kawasan beliau iaitu masalah banjir dan sebagainya, saya pun telah maklumkan tadi mengenai masalah

banjir. Masalah banjir di seluruh negara memang bukan sahaja di kawasan Gombak tetapi di merata-rata dan antara perkara yang saya sendiri lihat di Gombak ialah kecenderungan rakyat membuang sampah, plastik dan sebagainya ke dalam sungai. Ini akan kita rangkumkan dalam sistem rangkaian penyelidikan yang akan juga kita meminta.

Kementerian telah pun mengesan beberapa kawasan yang amat sensitif dalam negara mengenai alam sekitar dan kita akan mencari jalan mengupayakan semua Yang Berhormat termasuk ADUN dan Ahli-ahli Parlimen untuk menjawab bagi kawasan masing-masing untuk membantu Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar akan membantu Yang Berhormat masing-masing dan kita akan menstrukturkan semula barisan-barisan penguat kuasa di Jabatan Alam Sekitar supaya dapat bekerjasama dengan Yang Berhormat semua dan sama ada bantuan kewangan dan sebagainya itu akan saya lihat semula kemudian nanti.

Tetapi kita telah pun mengesan beberapa kawasan yang sensitif untuk kita laksanakan secara menyeluruh. Oleh kerana Yang Berhormat bersama JKKK amat dekat dengan kawasan masing-masing dan kita tidak dapat mengharapkan hanya kepada pihak penguasa Jabatan Alam Sekitar dan jabatan-jabatan lain, maka sumbangan dan kerjasama Yang Berhormat dalam perkara ini amat diperlukan. Begitu juga dengan masalah tanah runtuh.

Tanah runtuh sebenarnya pada hari ini ada satu *guideline*, di mana dikatakan kawasan lebih tinggi daripada 300 meter dan cerunnya 30 *degree*, tidak boleh dimajukan. Tetapi kita dapati tidak banyak kawasan dalam negara yang lebih tinggi daripada 300 meter, maka akan dicadangkan supaya walaupun bawah daripada 200 meter tetapi kalau cerunnya 35 *degree* tidak akan diizinkan. Di mana sahaja ada cerun yang 15 *degree* ke atas, yang di bawah 35 *degree* akan diminta laporan geoteknik. Keputusan ini telah dibuat, telah dipersetujui oleh di peringkat Jawatankuasa Kabinet dan telah pun dibentangkan dalam Kabinet. Ini juga akan dijadikan panduan sahaja dahulu. Kalau perlu pada jangka panjang kita akan menjadikan iini sebagai undang-undang.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan Sungai Juru. Masalah sungai saya pun telah pun menyebutkan tadi tetapi Sungai Juru adalah antara 17 batang sungai yang amat tercemar di seluruh Malaysia, *the worst river in Asia*. Saya sendiri telah melawatnya dan bukan sahaja Sungai Juru tetapi juga sungai-sungai yang lain memang kita bersetuju dan kita sedang mencari jalan. Oleh kerana sebatang sungai sahaja untuk dirawat memakan belanja RM2 bilion. Ini adalah suatu perkara yang amat, satu bebanan yang begitu berat kepada kerajaan, jadi kita akan cari jalan bagaimana hendak mengatasinya dengan cara yang cepat tetapi dengan bebanan wang yang tidak begitu menekankan.

Motor pintu kawalan air rosak dan hilang. Ini pun saya tidak tahu bagaimana berlaku. Terima kasih kerana Yang Berhormat telah memaklumkan kepada kita tetapi sebenarnya motor itu telah diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan. Mereka sebenarnya yang bertanggungjawab untuk menjaga, menyelenggara dan sebagainya. Kalau hilang dan kalau orang yang menjaganya tidak ada di situ, ini saya rasa adalah satu perkara yang perlu dibuat siasatan yang lebih lanjut. Ini kerana tidak sewajarnya satu motor itu hilang dan tidak sewajarnya kalau seseorang itu ditugaskan, dia tidak ada di tempat yang berkenaan. Ini satu kesilapan yang

serius dan kita akan minta pihak berkuasa tempatan berkenaan yang bertanggungjawab untuk menjaga peralatan berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Penjelasan sedikit sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, saya sudah....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada, ini tentang Sungai Juru. Ia bukan sahaja dicemarkan, ia menyebabkan banjir. Saya minta supaya ia dikorek supaya dalam. Bolehkah itu dibuat? Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, itu perkara spesifik, Yang Berhormat. Kita tahu Sungai Juru antara sungai yang paling tercemar di Malaysia. Oleh kerana saya sebutkan tadi 17 sungai itu kita beri perhatian serius, cuma perbelanjaannya begitu banyak dan kita akan mencari jalan bagaimana mengurangkan bebanan kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah membangkitkan mengenai kekurangan pegawai untuk urusan pembahagian harta. Perkara ini akan dibangkitkan dengan JPA. Memang benar ada kekurangan jumlah kakitangan, ada yang telah ditransfer, ada yang telah pencen dan sebagainya, kita akan ambil perhatian, Yang Berhormat.

Mengenai akuakultur, memerlukan kajian EIA. Pada ketika ini semua kemajuan di mana-mana kawasan yang seluas 50 hektar ke bawah tidak memerlukan kajian EIA. Tetapi kita akan melihat semula perundangan untuk kita merangkumkan apa sahaja pembangunan, apa jenis industri, walaupun kurang daripada 50 hektar kita akan rangkumkannya di bawah kajian EIA.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyebut mengenai masalah *strata title* ataupun hak milik strata yang mana saya telah menyebut tadi.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga ada membangkitkan soal banjir, yang mana saya telah pun menggariskan tadi tetapi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan mengenai garis panduan EIA yang di bawah 20 hektar ataupun 20 ekar. Saya telah juga menyatakan tadi bahawa kita sedang melihat garis panduan ini, yang akan dicadangkan supaya menjadi undang-undang.

Oleh kerana masalah banjir, masalah alam sekitar ini, kita tidak boleh, saya sendiri tidak puas hati kerana sekadar ia menjadi garis panduan tidak cukup. Ini kerana pemaju masih menganggapkan itu sebagai garis panduan, begitu juga pihak-pihak lain. Jadi, lebih baik kita jadikan ia sebagai undang-undang.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga membangkitkan.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat!

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf, saya tidak izinkan. *I need to go very fast.*

Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan mengenai penguasaan Jabatan Alam Sekitar dengan Akta Politik Alam, dia menyatakan EIA Lapangan Terbang Kota Kinabalu ada masalah. Sebenarnya memang Lapangan Terbang Kota Kinabalu perlu diperbesarkan. Ini

kerana kita terdesak memandangkan tumpuan pelancong meningkat dengan mendadak pada dua tahun lalu, maka kerajaan telah buat keputusan untuk membesarkan lapangan terbang, bukan sahaja untuk membolehkan kapal terbang yang lebih besar turun, bahkan juga lapangan terbang itu sendiri, ataupun *airport* untuk penerimaan pelancong dan penumpang diperbesarkan. Dalam urusan mempercepatkan itu, EIA telah tidak dikemukakan dengan cepat, maka pihak pemaju telah pun pada 9 Oktober lalu mengemukakan EIA. Ini sedang dikaji oleh pihak Alam Sekitar

Berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya minta maaf.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tapi ini kena tanya Yang Berhormat. Kalau alasan dipercepatkan sesuatu projek kerajaan, lain kali kalau satu projek mahu dipercepatkan tidak perlulah EIA dan boleh dimulakan. Kita faham kita di Sabah perlu ...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya faham.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tetapi ini soal integriti, Yang Berhormat, integriti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar. Ini yang dipersoalkan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat, industri pelancongan adalah industri strategik yang amat penting. Ia membawa keuntungan lebih besar kepada negeri Sabah. Jadi, yang mana dahulu, hendak mempercepatkan kedatangan pelancongan ataupun hendak dilewatkan kerana EIA tidak siap?

Saya rasa kedua-dua belah pihak perlu kita imbangkan. Saya tidak mengatakan kelewatan laporan EIA itu baik tetapi memandangkan yang mana dahulu kita ambil perhatian. Memang di sudut undang-undang kita boleh ambil tindakan, *there is no problem* tetapi saya rasa kepentingan ekonomi negeri Sabah lebih penting.

Berkaitan dengan kerosakan hutan simpan oleh penduduk selama 20 tahun, ada masyarakat setempat yang meneroka hutan selama 20 tahun tinggal di situ. Perkara ini berlaku dalam hutan simpan kekal di mana Jabatan Perhutanan Negeri Sabah telah mengambil tindakan memusnahkan rumah-rumah dan menebang pokok-pokok yang ditanam secara haram di bawah Akta Enakmen Perhutanan Negeri Sabah 1968 atas kesalahan meneroka hutan simpan tanpa kebenaran.

Sebelum tindakan berkenaan diambil Jabatan Perhutanan telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan peneroka berkenaan dan mereka juga telah diberi nasihat supaya keluar daripada kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, nasihat ini tidak memberi kesan yang positif. Oleh yang demikian jabatan telah mengambil tindakan seperti mana yang berlaku walaupun notis telah diberi tetapi mereka telah tidak menghiraukannya.

Ini soal moral, sama ada wajar atau tidak rumah-rumah dibakar dan sebagainya tetapi saya rasa Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan, oleh kerana kalau diizinkan hutan simpan kekal diteroka dan dimasuki secara pencerobohan begitu dan juga rakyat tidak mengendahkan apa sahaja amaran, maka ini saya rasa akan menjadi satu pengajaran kepada orang lain supaya tidak mengambil tindakan yang sama.

Yang Berhormat bagi Batu Kawan juga membangkitkan mengenai sungai Juru yang telah pun saya bincangkan tadi.

Yang Berhormat bagi Kepong bertanya mengenai di sekitar kawasan FRIM di Kepong iaitu kawasan yang pada hari ini merupakan satu kawasan yang cantik dan indah, dan pokok-pokok yang ditanam selama 70 tahun dalam kawasan FRIM dan sudah menjadi seolah-olah itu kawasan hutan yang semula jadi. Sebenarnya seluas 8,000 hektar tanah atau hutan simpan di sebelah utara kawasan FRIM masih dikekalkan sebagai hutan simpan. Hanya kawasan-kawasan lain di sekitar telah dibangunkan dengan rumah-rumah kawasan perumahan. Walau bagaimanapun 8,000 hektar di kawasan utara masih kekal sebagai hutan.

Yang Berhormat bagi Putatan bertanya mengenai *scenic beach* di kawasan berkenaan yang telah diizinkan oleh kerajaan untuk diswastakan. Ini perkara yang spesifik yang saya akan memberi maklumat secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah mencadangkan supaya kawasan-kawasan rizab sungai dikekalkan sebagai rizab sungai dan tidak diterokai untuk perumahan sama ada haram atau tidak. Kementerian memang bersetuju dan cadangan sedang dibuat untuk semua kawasan rizab sungai di gazet ataupun diwartakan supaya tidak ada pencerobohan atau pembinaan rumah haram atau tidak haram di kawasan-kawasan rizab sungai. Oleh kerana ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa banyak banjir berlaku di kawasan-kawasan ini disebabkan oleh kawasan-kawasan sungai rizab sungai itu dibina dengan rumah-rumah haram ada kalanya mengganggu laluan air di situ dan menyebabkan banyak lagi masalah alam sekitar.

Yang Berhormat bagi Cheras membangkitkan salah satu perkara iaitu mengenai Sungai Kerayung yang dikatakan setiap kali hujan menyebabkan banjir kilat. Sungai Kerayung memanglah sebuah sungai yang penting di Kuala Lumpur. Sebenarnya ada beberapa cara untuk mengatasinya yang sedang diusahakan oleh JPS iaitu membina kolam-kolam takungan di kawasan Takungan Sri Johor untuk menampung air dan juga kerja-kerja mendalam dan membaiki tebing-tebing sungai berkenaan supaya ia dapat mengurangkan banjir.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras iaitu pembangunan sebuah kawasan yang dikatakan kawasan hutan yang dahulunya hutan simpan tetapi hari ini katanya telah dicadangkan untuk dibina banglo-banglo. Perkara ini telah pun dibawa kepada kementerian saya dan saya pun telah membawa kepada kerajaan negeri dan untuk makluman Yang Berhormat...*[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Cheras]* yang tidak ada di sini, saya dimaklumkan pemaju berkenaan belum lagi mendapat lesen daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam membangkitkan masalah harta pusaka

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sudah berbalik-balik itu, Yang Berhormat. Tadi sudah cakap.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: *[Memandang ke arah jam dinding Dewan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Harta pusaka itu tadi sudah cakap, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey. Ada lagi. Tapi tidak apa... Ahli-ahli Yang Berhormat, semua yang lain itu oleh kerana saya tidak ada masa untuk menjawabnya saya akan memberikan jawapan bertulis. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, *allocation fund* untuk Sarawak di bawah 9th Malaysia ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia akan beri secara bertulis nanti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bila? Saya akan balik malam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia akan beri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bila?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya akan beri jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM790,860,400 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM790,860,400 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,347,800,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,347,800,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.24 [Jadual] –
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2007] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

Ada yang hendak bahas? Kalau tidak ada kita luluskan.... Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kementerian apa? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak ada kita bersetuju?

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM357,480,600 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM357,480,600 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM622,450,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM622,450,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.25 [Jadual]-
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala P.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk di bahas. Bagan.

12.51 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan. Saya ingin tahu sama masalah-masalah pembekalan gula yang pada suatu masa iaitu dua bulan yang lalu sampai sekarang diheboh-hebohkan kekurangan bekalannya sudah dapat diselesaikan dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu jumlah pengeluaran tempatan dan jumlah penggunaan tempatan sama ada ia dapat diseimbangkan atau pengeluaran berkurangan tetapi penggunaan (*demand*) dengan izin lebih dari apa yang dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya sama ada harga barang-barang runcit iaitu harga-harga penggunaan seharian seperti sayur-sayuran, daging, ayam sama ada harganya meningkat dalam masa-masa tiga bulan yang lampau ini, ia meningkat atau ia menurun dan juga harga indeks pengguna sama ia dalam satu kadar yang stabil di dalam kawalan atau ia meningkat kian hari.

Tuan Pengerusi, juga berkenaan dengan Butiran 030000 – Penguatkuasaan. Ini berkenaan dengan barang-barang tiruan (*branded goods*) dengan izin. Negara kita ini sebenarnya kalau tempoh hari kami baca dalam surat khabar bahawa negara kita memang disenaraikan sebagai antara sebuah negara yang ada banyak barang-barang tiruan seperti VCD, CD dan juga yang lain-lain.

Sama ada barang-barang tiruan ini menjejaskan reputasi negara kita dan sekiranya ya, apakah tindakan yang drastik diambil supaya membanteras perkembangan barang-barang tiruan ini. Saya ingat setakat itu sahajalah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

12.53 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, nampaknya kecewa sungguhlah Ketua Pembangkang tidak dapat berbahas jawatankuasa MITI sebentar tadi. Tidak apalah ada tempat lain juga hendak masuk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan tak ada yang nak berucap, kita tunggu juga kalau pembangkang berucap, kita berucaplah.

Tuan Pengerusi, saya bercakap tentang Butiran 030000 – Penguatkuasaan. Saya pohon supaya pihak kementerian memberikan sedikit penekanan terhadap bidang pengawalan dan penguatkuasaan ini ketika musim-musim perayaan (*festive season*) di mana pada Hari Raya Puasa dan sambutan Deepavali yang lepas, kita dapati minuman yang begitu popular iaitu minuman soda ini sama ada Coca Cola, F&N, Pepsi dan sebagainya.

Minuman ini kalau kita dapat lihat janjinya adalah satu setengah liter. Tetapi kalau kita ukur dengan penyukat, kita tuangkan kita tidak dapat 1.5 liter. Ini adalah suatu pembohongan yang nyata. Lebih-lebih lagi di musim-musim perayaan apabila pengguna-pengguna membeli minuman dalam jumlah yang begitu besar.

Saya kira Tuan Pengerusi, kalau satu botol itu kita tuang tidak dapat 1.5 liter. Dia potong dalam 50 atau 100 mililiter. 15 botol sahaja, dia sudah dapat satu botol lagi percuma. Cuba bayangkan kalau berjuta-juta botol di seluruh negara. Kalau ini berlaku, ia adalah suatu pembohongan yang besar secara terang-terang, ini *the broad day light*. Biasanya pada musim-musim perayaan Tuan Pengerusi, kita tidak akan pertikaikan kerana kita hendak beli dalam jumlah yang banyak, kita hendak segera, hendak kena beratur lagi dengan panjang di kaunter-kaunter perkhidmatan pembayaran dan sebagainya.

Jadi inilah, pastikan setiap pengeluar ataupun pengedar yang suka mengambil kesempatan apabila pengguna-pengguna alpa disebabkan ada musim-musim perayaan seperti ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh! Minat juga Bagan ya?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hah! Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bagan sudah berucap tadi.

Beberapa Ahli Pembangkang : *[Bercakap sesama sendiri]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya minta penjelasan berkenaan dengan

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak sokong ke atau hendak bangkang?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya mahu sokong.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hah! Sokong *okay*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan ke tidak Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak apa, Ipoh Timor pun saya bagi, tak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan silakan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan sahaja minuman *soft drink* dengan izin kekurangan isian, tidak tepat tetapi juga berlaku kepada pembasuh-pembasuh cecair terutama sekali apabila *supermarket-supermarket* ada memberi tawaran harga murah (*sales*) selalunya suri rumah *complain* bahawa isi kandungan pembasuh cecair ini kurang daripada musim-musim yang tidak *sales*. Bersetujukah Yang Berhormat? Pernah mendengar cerita ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Masalahnya Tuan Pengerusi, bila tiba kepada peringkat sukatan ini, ia adalah suatu yang sangat objektif. Maknanya di antara ya atau pun tidak. Antara mencapai isi padu ataupun tidak, jadi apa yang berlaku hari ini ialah kita tidak tahu mungkin pengedar-pengedar ini menggunakan jangka ataupun penyukat yang berbeza piawaiannya dengan piawaian antarabangsa. Mungkin satu sentimeter padu ataupun satu milimeter padu bagi pengedar-pengedar dengan satu milimeter padu standard antarabangsa ini berbeza. Saya tidak tahu, tetapi pihak kementerian kena berikan perhatian yang terperinci kerana penipuan ini, pembohongan ini berlaku secara terang-terang.

Yang anehnya pula, bila musim-musim bukan perayaan ia kembali seperti sedia kala. Adakah telah ada satu arahan ataupun *standing order* daripada pihak-pihak pengedar mengatakan bila musim perayaan sahaja orang minum air dia tidak perasaan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Lihat Tuan Pengerusi. Pandang Tuan Pengerusi jangan pandang saya. Saya bukan Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya pandang Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pandang Tuan Pengerusi, bukan saya. Saya bukan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sanalah [*Ketawa*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini kena pakai peraturan ini Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, itulah aturan [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Itu sudah tarik dua minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarik dua minit ya? Tuan Pengerusi, saya minta supaya di bawah butiran ini pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga memberikan perhatian.

Yang kedua Tuan Pengerusi, di bawah bidang penguatkuasaan ini juga saya minta supaya satu kajian dibuat oleh pihak kementerian supaya kedai-kedai mudah ataupun kedai-kedai 24 jam ini tidak menjual minuman-minuman keras apatah lagi menjual minuman keras kepada *minors* atau kepada anak-anak remaja yang berumur di bawah 21 tahun.

Di Amerika Selatan iaitu di Peru, Tuan Pengerusi, saya baca satu majalah secara terang-terang satu *billboard* iaitu papan kenyataan menyatakan penjualan arak atau minuman keras kepada *minor* ini adalah merupakan suatu *offend* yang besar kepada negara mereka dan mereka akan mengambil tindakan sehingga menarik balik lesen sama ada ia berbentuk *français* ataupun berbentuk lesen individu.

Saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini supaya memberikan perhatian seserius-seriusnya kepada stor-stor ataupun kedai-kedai yang

dibuka 24 jam seperti *mini market*. Saya sebutkanlah, tak apa - *7Eleven, Circle Care* dan sebagainya yang hari ini secara nyata menjual minuman keras ini dan kuasa yang diberikan kepada penjaga di kaunter itu kadang-kadang yang baru lepas belajar SPM dan sebagainya tidak begitu kuat untuk menghalang anak-anak remaja ini dari membeli barang-barang yang sememangnya mereka tidak boleh miliki.

Tuan Pengerusi, saya percaya kementerian boleh melakukannya tetapi ia perlu secara berterusan bukan secara *reactive* ataupun secara *ad-hoc*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat, Ipoh Barat.

1.00 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian ini adalah suatu kementerian yang mustahak. Tajuk yang saya hendak bahas adalah Butiran 00300 dan Butiran 00800 mengenai Pejabat Suruhanjaya Syarikat..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung petanglah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

1430/ima

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat bagi Ipoh Barat untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pagi tadi baru saya mulakan hujah-hujah saya yang berkaitan dengan Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Tuan Pengerusi, yang mustahak adalah kegiatan mereka setakat ini. Saya hendak tahu berapa *complain* yang telah mereka terima setiap tahun, dalam lingkungan 10 tahun ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat yang tidak mematuhi MNA syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan dan berkaitan dengan ini, saya difahamkan MAIKA Holdings Bhd Tuan Pengerusi, di mana pada tahun 1983, sebanyak RM106 bilion telah dipungut dari masyarakat umum termasuk 100% adalah masyarakat India. Pada masa itu syarikat ini

yang dikatakan akan membawa kebaikan, akan meningkatkan pelaburan masyarakat India dalam negara ini. Dari 1% pada masa itu ke 7%, tetapi bukan sahaja ia tidak memainkan peranan tersebut dalam proses untuk menolong kerajaan untuk mencapai cita-cita masyarakat India, tetapi niat dan perniagaan yang telah dijalankan adalah sebaliknya. Apa terjadi?

- (i) Telekom skandal di mana dikatakan RM9 juta syer telah di *highjack*kan;
- (ii) pelaburan mereka di TV3 dan di United Asia Bank, semuanya sudah rugi dan juga kegiatan di mana syarikat itu telah membeli Tumbuk Estate; dan
- (iii) tahun lepas, harta yang dinilai satu ekar RM67 ribu telah dijual dengan harga RM49 ribu tahun ini.

Saya difahamkan bahawa laporan mengenai beberapa kegiatan yang tidak seimbang dengan undang-undang telah dilaporkan kepada Pejabat Suruhanjaya Syarikat. Ini adalah pertubuhan pejabat yang sangat mustahak. Jadi, soalan saya adalah apakah tindakan yang telah diambil supaya syarikat ini mematuhi undang-undang dan tidak menyeleweng dari sebab ia ditubuhkan. Saya difahamkan *prospector* nya apabila ia dimulakan pada tahun 1983, sangat dengan satu ekspresi kepada masyarakat India bahawa syarikat ini akan menolong masyarakat India tetapi masyarakat India terus terpinggir juga sampai sekarang. Apakah terjadi kepada ini? Apakah tindakan yang telah diambil kementerian ini? Pengguna-pengguna telah melaporkan perkara ini kepada kementerian, kementerian semestinya tahu mengenai perkara ini.

Perkara ini satu perkara yang sangat hangat dibincangkan di antara masyarakat India dan banyak di surat khabar-surat khabar dan di surat khabar-surat khabar Inggeris pun membawa mengenai apa yang telah terjadi *the wrong doings of MAIKA Bhd*. Di antara pihak-pihak yang melabur di MAIKA Bhd Tuan Pengerusi adalah 6,000 masyarakat India dan mereka menggunakan wang sendiri dan meminjam dari bank dan melabur di sini dengan harapan apa yang dikatakan dalam tempoh satu dua tahun mereka akan mendapat dividen-dividen seperti Amanah Saham. Tetapi, ini tidak ditunaikan. Bukan sahaja ia tidak ditunaikan, tetapi RM106 juta ini telah, saya difahamkan sekarang, pada masa sekarang lebih kurang liabiliti adalah RM222 juta.

Apakah kawal selia yang dibuat oleh Pejabat Suruhanjaya Syarikat? Tuan Pengerusi, di England ada satu *special board, The Board of Trade* yang mengendalikan perkara-perkara ini yang ada kuasa-kuasa yang khusus untuk mengambil tindakan susulan dan juga terhadap pegawai-pegawai yang menyeleweng. Dalam hal ini di mana masyarakat India yang telah terpinggir dan penipuan telah terjadi dan mereka telah dianiayai dan setakat ini apakah tindakan atau apakah syor-syor oleh kerajaan?

Saya berpendapat memandangkan bahawa masyarakat India adalah masyarakat yang terpinggir di negara ini, memandangkan mereka telah memberi kepercayaan kepada syarikat ini, satu syarikat yang ditubuhkan oleh Malaysian Indian Congress yang diketuai oleh Menteri Kerja Raya dari Sungai Siput, pada masa itu telah memberi harapan kepada masyarakat.

Bukankah masa sudah tiba supaya kerajaan mengambil alih dan memberi seperti beberapa tahun dahulu, memberi *a dollar to dollar, indemnified* kepada pemegang-pemegang syer MAIKA Holdings Bhd. Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang sangat ditunggu-tunggu oleh masyarakat India di mana bukan sahaja pelaburan mereka tidak ada apa-apa harapan untuk mendapat balik kapital mereka, tetapi dividen-dividen sepuluh tahun ini tidak ada satu sen pun dibayar balik Tuan Pengerusi. Pada 31 Oktober, saya sendiri telah menghadiri mesyuarat Agung tersebut dan saya bukan sahaja *was threatened, I was nearly bitten up* dengan izin Tuan Pengerusi. Saya telah melaporkan perkara itu kepada pihak polis dan kalau orang-orang macam saya tidak dibenarkan menyoal penyelewengan yang dibuat oleh MAIKA Holdings Bhd, siapa lagi yang berani pergi. 6,000 masyarakat India pada tahun 1983 telah melabur lebih kurang RM106 juta dalam syarikat ini.

Yang mustahak, adakah kerajaan rela dan bukannya kewajipan kerajaan memandangkan menteri telah memberi syor-syor yang tertentu kepada masyarakat India untuk memberi *encouragement* supaya mereka melabur dalam syarikat ini. Jikalau tidak dengan janji-janji kosong yang dibuat oleh menteri berkenaan, semestinya masyarakat India ini tidak mungkin melabur di syarikat ini. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak di mana kemungkinan besar bahawa masyarakat India, saya telah mengadakan beberapa ceramah di seluruh negara dan saya dapat *feed back-feed back* yang mengatakan bahawa mereka memerlukan *return back the capital*. Jadi, ini adalah satu perkara yang mustahak di mana kementerian boleh mengambil tindakan susulan dalam perkara ini.

Berkaitan dengan ini Tuan Pengerusi, saya ingin tahu kenapa dalam Bajet Persekutuan, anggaran ini tidak dinyatakan statistik-statistik yang menunjukkan... Ini adalah satu peranan yang mustahak yang dimainkan oleh Pejabat Suruhanjaya Syarikat. Akan tetapi, tidak ada apa-apa yang dinyatakan di buku ini, berapakah dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil? Ini saya rasa, satu perkara yang sangat unik di mana sangat mustahak. Kalau kita pergi ke internet dan tengok kepada *Board of Trade* di England, di mana *Board Of Trade* adalah serupa dengan SSM, di Malaysia. Tetapi telah memainkan peranan yang sangat mustahak di mana ia merangkumi bukan sahaja sebagai kawal selia semua syarikat yang ditubuhkan di satu-satu negara, tetapi juga mengambil tindakan-tindakan berkaitan dengan ini. Jadi, saya hendak bertanya apakah sebab perkara-perkara ini tidak wujud dalam buku ini? Adakah kerajaan rela, dan adakah kerajaan sudi untuk mengambil tindakan dalam penyelewengan yang telah berlaku di sini?

Tuan Pengerusi, ditulis di sini, "*disappointed investors taking ways to get the dues. Asset insufficient to meet liabilities. High debt to equity ratio, cause of concern. MAIKA fail to achieve mission. Show us the money*". Ini adalah di antara perkara-perkara yang sangat mustahak. Saya rasa perkara ini adalah di antara yang saya harap satu jawapan yang munasabah dan jawapan yang teliti boleh diberi.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin bangkitkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan *Consumer Tribunal*. Tuan Pengerusi, di beberapa tempat seperti di Ipoh. Kita hendak tahu *ability* dari mana jika ada apa-apa *complaint* mengenai *consumerism*. Ramai di

antara mereka tidak dapat tahu di manakah pejabat tersebut? Saya harap tindakan, satu *advertisement*, satu publisiti dibuat supaya masyarakat tahu hak-hak mereka untuk mengambil tindakan. Saya hendak tahu juga apakah kerumitan-kerumitan yang ternyata, yang dihadapi oleh pihak-pihak yang melaporkan kepada *Consumer Tribunal*?

Saya difahamkan, bila mereka mendapat *award*, mereka tidak dapat pergi ke *Civil Court* untuk mengimplementasikan *award-award* tersebut kerana ada kekurangan dan kecacatan yang tertentu, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin tahu, berapakah setakat ini, *complaint-complaint* yang telah masuk ke *Complaint Tribunal* dan peranan yang dimainkan oleh NGO-NGO, dan berapakah wang yang telah diagihkan, telah diberi oleh kementerian ini kepada NGO-NGO? Sila beritahu, apakah dan berapakah setiap NGO telah diberi dan apakah sebab satu-satu NGO hanya diberi RM3,000, RM5,000 tetapi satu-satu NGO diberi RM50,000, RM100,000 dan lebih? Apakah kriteria yang digunakan oleh kementerian? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

2.43 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 00100 - Program Latihan Perdagangan dan Kepenggunaan. Sekarang ini untuk makluman Tuan Pengerusi, banyak di luar bandar ini kadang-kadang dijual *carpet*, gores dan menang dan sebagainya. Jadi, banyak masyarakat di luar bandar tertipu.

Jadi saya cadangkan kalau boleh, sekarang ini dipertingkatkan usaha untuk memberikan pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat. Saya difahamkan ada Majlis Pengguna Daerah, tetapi tidak begitu aktif. Mungkin dengan penglibatan Ahli-ahli Parlimen boleh diadakan kursus-kursus dan juga seminar yang lebih berkesan, supaya dengan itu masyarakat luar bandar tidak tertipu oleh mereka ini. Sebab saya mendapat aduan, kadang-kadang mereka yang menjual barangan secara *direct selling* ini kadang-kadang dia tak hendak bayar. Tidak hendak menerima bayaran secara *cash*. Dia lebih suka cara bayaran bulanan sebab itu mungkin lebih menguntungkan orang yang menjual.

Tetapi dari segi pembeli, ia merugikan sebab kita sedia maklum, kalau dibeli secara *cash* mungkin jauh lebih rendah. Sebab itulah saya harap, kalau boleh pihak kementerian memberi peruntukan lebih kepada Majlis Pengguna Daerah khususnya di kawasan-kawasan luar bandar supaya usaha-usaha untuk mendidik masyarakat mengenai kepenggunaan hak-hak mereka sebagai pengguna akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Dengan itu kalau boleh, dirombak, dilihat semula keanggotaan Majlis Pengguna tadi supaya ia boleh berjalan dengan lebih berkesan lagi. Kemudian, dalam masa yang sama juga melalui program ini boleh didedahkan kepada masyarakat, isu-isu semasa berkaitan dengan soal kenaikan harga minyak, dan juga isu-isu lain yang berkaitan dengan masyarakat setempat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

2.45 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 020100, yang menyentuh tentang Perdagangan Dalam Negeri

di mana objektifnya adalah untuk menetapkan harga barang-barang perlu, memantau, mengawal selia dan meluluskan pelesenan, perdagangan petroleum, jualan langsung, cereka optik serta meningkatkan kesedaran keselamatan barangan petroleum untuk pengguna.

Dalam menyentuh tentang menetapkan harga-harga barang perlu ini Tuan Pengerusi, saya suka untuk menyentuh tentang bagaimana gagalnya pihak penguatkuasaan dalam menjalankan tugas memantau barang-barang keperluan hari raya baru-baru ini khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah suara yang saya bawa daripada bawah yang mewakili rakyat, yang mahu saya bercakap dalam Parlimen, bahawa kadang-kadang tidak ada langsung pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk memantau harga-harga barang-barang keperluan menjelang dan semasa perayaan hari raya baru-baru ini.

Sebagai contoh, harga-harga sayuran yang perlu pada waktu itu seperti kubis, kacang panjang, naik sehingga 50% dan ada yang naik sehingga 100%. Ini dijual di kedai-kedai runcit di kampung-kampung, di pedalaman-pedalaman di mana kita melihat rakyat terpaksa membeli harga sayur ini dengan harga yang begitu mahal. Begitu juga dengan ikan yang sangat diperlukan semasa musim perayaan, iaitu ikan tenggiri dan juga ikan parang yang dijual pada sekitar RM40 hingga RM50 satu kilo di kawasan-kawasan atau di kampung-kampung pedalaman.

Ini realiti yang berlaku pada Hari Raya Puasa yang lalu, yang menyebabkan rakyat di kawasan luar bandar sangat tertekan dengan sikap penjual ataupun pekedai-pekedai yang mengenakan dan menaikkan barangan sesuka hati mereka yang mengambil kesempatan di musim perayaan. Jadi saya mengharapkan dalam Dewan yang mulia ini supaya pegawai-pegawai penguat kuasa tidak hanya menumpukan aktiviti mereka hanya di kawasan-kawasan bandar sahaja, tetapi mestilah sampai juga di peringkat akar umbi, iaitu di kampung-kampung pedalaman di mana sikap ini berterusan setiap tahun dan terpaksa dihadapi oleh rakyat sepanjang tahun, di setiap tahun bila datangnya musim-musim perayaan ini.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, tentang pemantauan pihak penguatkuasaan terhadap aktiviti jualan langsung. Di sini satu lagi rungutan yang sering kali dilahirkan oleh masyarakat khususnya juga di luar bandar ialah tentang kualiti. Kualiti ubat-ubatan, kualiti barang-barang minuman ataupun makanan yang dijual secara langsung ini. Jadi apabila lesen ini diberikan kepada mereka, di bawah premis manakah mereka ini boleh masuk ke dalam setiap rumah rakyat dalam negara ini dan mempromosikan barang-barang mereka dan di manakah jaminan dari segi keselamatan bahan-bahan ini semua? Adakah kementerian ini telah benar-benar memantau dan memastikan barangan-barangan ini selamat untuk digunakan sama ada daripada jenis kosmetik, ataupun barangan-barangan yang digunakan oleh suri rumah, ubat-ubatan yang diberikan, yang dijual kepada pengguna? Sedangkan yang menjual itu kadang-kadang bukanlah berlatar belakangkan mereka memiliki pengetahuan dalam bidang farmasi ataupun dalam bidang perubatan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin sentuh ialah tentang pembangunan perniagaan. Di sini menyentuh tentang Butiran 020200 tentang program promosi produk PKS iaitu pengusaha kecil dan sederhana bumiputera ke *hypermarket* dalam negara kita.

Di sini sekali lagi ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa terdapat masih ramai lagi pengusaha-pengusaha PKS ini yang barangan-barangan mereka tidak dapat menembusi *hypermarket* dalam negara kita.

Dan satu kes, dua kes yang saya nak bawa masuk dalam Dewan pada hari ini ialah tentang satu kes yang berlaku dalam sebuah *hypermarket* di Kuala Lumpur ini adalah bila saya sendiri melihat barangan ataupun produk PKS ini diletakkan di bahagian belakang, diletakkan di bahagian yang sulit untuk dilihat ataupun sangat sulit untuk dibeli oleh orang ramai dalam *hypermarket* tersebut. Dan perkara ini saya lihat telah berjalan dan apakah ada suatu pemantauan yang serius daripada pihak kementerian iaitu melalui pegawai penguatkuasaan untuk mereka memastikan semua *hypermarket* ini menjalankan tanggungjawab mereka dengan memastikan barangan daripada PKS ini mendapat tempat yang sama dan adil di rak di semua tempat-tempat dalam *hypermarket* dalam negara kita.

Isu ini masih lagi berterusan. Ini rungutan yang saya bawa ke dalam Parlimen ini, rungutan daripada pengusaha-pengusaha PKS yang memang barangan-barangan mereka ini dianaktirikan dalam *hypermarket*. Jadi saya mengharapkan pihak kementerian dapat melihat dengan serius tentang perkara ini dan diharapkan perkara ini dapat diatasi pada masa-masa yang akan datang. Yang kedua ialah tentang bagaimana sikap sebuah *hypermarket*, saya nak sebut di sini *hypermarket* yang berada atau yang terdapat di Wangsa Maju iaitu Jaya Jusco yang pada bila-bila masa mereka boleh mengeluarkan dan memberhentikan peniaga-peniaga khususnya bumiputera yang menyewa di tempat mereka.

Ini sikap yang sangat tidak adil dan bila rakan saya ini membuat pengaduan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di kementerian ini, pegawai ini telah telefon kepada pihak Jaya Jusco ini. Hasilnya adalah memang permohonan ataupun rungutan ini memang tidak dilayan oleh pihak pengurusan Jaya Jusco ini. Jadi saya mengharapkan supaya kes-kes yang seperti ini tidak berlaku pada masa yang akan datang di mana kita melihat bahawa mereka boleh bertapak dalam negara kita, mereka boleh melabur dalam negara kita tetapi kepentingan peniaga-peniaga dalam negara kita ini juga mestilah diambil satu perkiraan yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi yang hendak saya sampaikan dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa tentang kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

4.53 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020000 di bawah tajuk Perdagangan Dalam Negeri. Isu yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan PPM dan juga MACP yang selama ini merupakan dua daripada beberapa organisasi yang memegang lesen di bawah Akta Hak Cipta. Saya bangkitkan isu ini Tuan Pengerusi, kerana saya telah pun difahamkan oleh peringkat akar umbi peniaga-peniaga kecil yang mana mereka enggan memainkan lagu-lagu masa perayaan disebabkan oleh satu permintaan daripada PPM dan juga MACP yang mengenakan syarat-syarat supaya mereka membayar lesen-lesen yang tertentu.

Ini telah pun sebenarnya melenyapkan suasana yang cukup baik masa perayaan dalam negara kita. Sebelum ini saya telah pun mengemukakan satu memorandum kepada kementerian mewakili Pemuda MCA dan saya ingin tahu apakah kedudukan sekarang? Apakah perkembangan dan juga pendirian bagi kementerian sama ada kita hanya akan menjaga kepentingan peniaga-peniaga yang besar iaitu seperti pemegang lesen di bawah Akta Hak Cipta ini ataupun kita haruslah mencari satu keseimbangan yang mana apabila kita menjaga hak dan juga obligasi bagi negara kita di bawah *Berne Convention*. Tetapi pada masa yang sama, kita haruslah menjaga juga kepentingan dan juga hak bagi peniaga-peniaga kecil untuk memastikan bahawa kita dapat menceriaikan lagi suasana masa perayaan dalam negara kita.

Sebenarnya cadangan-cadangan yang telah pun saya kemukakan termasuklah supaya wujudnya kelonggaran dari segi kriteria dan juga *exception* kelonggaran bagi undang-undang di bawah Akta Hak Cipta tersebut terutama sekali bagi tujuan kebajikan ataupun bagi tujuan keagamaan yang mana kelonggaran haruslah diberikan. Dan tidaklah kita suruh pula peniaga-peniaga kecil untuk membayar lesen kepada PPM ataupun MACP.

Selanjutnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 di bawah tajuk Konsumerisme. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian Tuan Pengerusi, setakat manakah keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dalam membendung aktiviti bagi gores dan menang. Ini kerana saya difahamkan nampaknya walaupun kita anggarkan, kita beri anggaran peruntukan dalam tahun 2007 lebih kurang RM25 juta untuk penguatkuasaan undang-undang, tapi saya rasa baru-baru ini masih lagi wujud kes-kes yang berkait rapat dengan corak gores dan menang ini.

Ia telah pun banyak menyebabkan kesengsaraan dalam kalangan pengguna-pengguna dalam negara kita. Jadi saya ingin tahu sedikit-sebanyak daripada pihak kementerian setakat mana kita dapat membendung aktiviti gores dan menang ini dan selama ini berapa banyak kes yang telah pun dilaporkan? Dan apakah *success rate* dengan izin, berapakah yang telah pun diheret ke mahkamah dan berapakah yang mana perintah telah pun diberikan oleh mahkamah dan sebagainya?

Selanjutnya saya ingin merujuk Dewan yang mulia ini kepada Butiran 030300 di bawah tajuk Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya ucapkan tahniahlah kepada pihak kementerian kerana saya tahu bahawa kementerian ada mencetak Majalah Konsumerisme. Saya pun ada terima. Saya rasa ia merupakan inisiatif yang cukup baik kerana Majalah Konsumerisme ini memberikan pendidikan kepada orang-orang awam berkenaan dengan penjimatan elektrik, api, air dan sebagainya. Tapi pada masa yang sama, saya memberi cadangan kepada pihak kementerian supaya kita dapat memperbaiki lagi kualiti dan juga tahap pendidikan kepada warga kita ke atas Majalah Konsumerisme ini iaitu bagi seksyen Tribunal Tuntutan Pengguna selain daripada memberikan perangkaan dan juga kes-kes di mana kita telah pun menang bagi tribunal itu, tapi saya rasa yang penting juga kita haruslah memberikan fakta-fakta kes juga dalam majalah itu.

Kerana fakta-fakta kes itu yang sepatutnya akan menjadi garis panduan kepada pengguna-pengguna kita. Kerana bukanlah apabila kita hanya setakat memberikan satu nombor kes dan sebagainya dan juga dengan keputusan. Tetapi jika kita tidak memberikan sedikit latar belakang kes dan fakta kes, maka kita tidak akan mendidik warga-warga kita ataupun pengguna-

pengguna kita dari segi konsep kepenggunaan atas mana ataupun di bawah manakah syarat-syarat mereka dapat menuntut daripada peniaga-peniaga dan sebagainya.

Dan saya rasa itu adalah cukup penting kerana ia dapat memberikan satu konsep kepenggunaan secara menyeluruh kepada pengguna-pengguna kita. Akhirnya di bawah Butiran 010300 - Dasar dan Perancangan. Saya ingin tahu apakah perkembangan ke atas garis panduan *Distributive Trade* yang telah pun dicadangkan dengan izin Tuan Pengerusi, kerana baru-baru ini satu angka telah pun dikeluarkan oleh pihak kerajaan yang menyatakan bahawa FDI iaitu *Foreign Direct Investment* dalam negara kita telah pun menurun lebih kurang 17% jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini.

Tetapi saya difahamkan bahawa di bawah *distributing trade guideline* garis panduan ini ia telah pun mensyaratkan kepada pelabur-pelabur asing bahawa kena wujudnya satu kuota untuk 30% untuk ekuiti bumiputera dalam negara kita. Dan ini saya difahamkan telah pun menakutkan pelabur-pelabur asing kerana misal kata peniaga-peniaga di bagi *hypermarket* apabila mereka menyediakan pelaburan dalam negara kita dan jika kita kenakan satu syarat. Saya tidak pasti sama ada dari segi pentadbiran pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri telah pun tahu wujudnya masalah sebegini. Dan saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

3.01 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya cuba menimbulkan satu Butiran yang kira pentinglah 030100 iaitu dalam soal penguatkuasaan. Pada beberapa bulan yang lalu kita dapati rakyat khususnya di kawasan Pasir Puteh, Parlimen saya menghadapi masalah gula tetapi alhamdulillah kebijaksanaan kerja keras pihak penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selamat kira selesai hari ini gula tidak ada masalah. Cuma saya hendak tahu apakah kita dapat buktikan penyeludup ataupun kebocoran gula itu telah diambil tindakan sekeras-kerasnya. Dan juga masalah diesel - minyak, kita dapat tahu bahawa banyak yang bocor di sempadan, apakah tindakan telah diambil dan berapa kes yang terlibat?

Kemudian saya hendak menyentuh sedikit mengenai dengan halal. Kerana kita tahu bahawa soal halal ini JAKIM hanya kuasa mengeluarkan sijil halal. Penguatkuasaan bergantung kepada Akta Perihal Dagangan. Maka dalam soal penguat kuasa ini barangkalilah saya dapat tahu bahawa Kementerian Perdagangan ada kuasa boleh menurunkan kuasanya kepada Jabatan Agama Agensi Agama Negeri-Negeri dan JAKIM untuk membantu dalam penguat kuasa. Apakah kita kenal pasti premis-premis tempat penyembelihan. Ini saya ada rungutan daripada rakyat masih ada kekhawatiran. Kita tengok ayam yang dibeli itu apakah dia pasti tempat premis penyembelihan itu ikut syarat kita. Kalau yang import apakah ikut benar-benar syarat yang halal yang kita beri.

Kadang-kadang kita tengok Tuan Pengerusi ayam itu tidak ada kepala mula kita timbul keraguan. Tetapi oleh kerana penguatkuasaan ini kita ada bersama dengan jabatan ataupun

pihak Agensi Agama Negeri dan JAKIM turut membuat pemantauan di bawah *research* mengenai halal haram ini. Saya rasa hendaklah kita beri keyakinan kepada rakyat dan masyarakat benar-benar perkara yang dibuat itu mengikut garis panduan yang kita tetapkan halal. Dan juga kita tengok di pasar yang besar. Saya cuba menyelidik sambil-sambil yang kita lihat di pasar-pasar besar kadang-kadang dia tidak cukup tukang sembelih. Dia ambil yang sembelih itu kadang-kadang kena bayar jadi apabila dia hendak untung sembelih sendiri, ini kita fahamlah. Jadi kita hendak supaya kepastian penguat kuasa ini melihat premis dia, orang yang menyembelih tadi kalau kilang buat siasatan secara *ad hoc* secara tindakan serta-merta. Jangan kita beritahu kita hendak pergi siasat. Kalau kita beritahu kita hendak pergi siasat mungkin dia sudah *prepare* sudah, dia akan jaga kita tunggu kita layan kita dengan minum tehnya kuihnya. Kita pun rasa lembut hati.

Jadi sebab itulah kita hendak supaya buat *spot check*, *spot check* ini perlu. Kalau di Kuala Lumpur ini kita tahu tempat-tempat yang besar itu kita buat *spot check* sekali-sekali untuk memberi penjelasan di samping kita menguatkuasakan tetapi rasa untuk memberi pendidikan kepada mereka-mereka walaupun dia itu taukenya bukan orang Islam orang Cina tetapi kita hendak beri penjelasan tentang pentingnya kita tanda halal itu pastikan barang-barang yang dijual itu dan dimasukkan itu ialah halal. Inilah bagi saya, saya rasa kita hendak supaya menjaga bukan sahaja keperluan barang-barang tadi pengguna tadi puas hati tetapi kerajaan juga akan berpuas hati dengan tindakan ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tebrau.

3.05 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah tajuk 020000 iaitu di bawah perdagangan dalam negeri. Saya hendak menonjolkan masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemadu teksi di Johor Bahru tentang keperluan stesen NGV yang agak mendesak oleh mereka. Persatuan-persatuan teksi Johor Bahru telah pun meminta saya menyampaikan rayuan dan keperitan mereka untuk kementerian mengambil tindakan supaya lebih banyak stesen-stesen NGV boleh ditubuhkan di Johor Bahru. Kerana pada masa ini hanya terdapat satu dua tempat stesen NGV bagi sebanyak 4,800 buah teksi di Bandar raya Johor Bahru. Saya difahamkan lebih kurang 80% daripada teksi-teksi di Johor Bahru itu menggunakan gas NGV. Oleh sebab itu pemandu-pemandu teksi telah menghadapi kesulitan besar untuk mengisi gas NGV dan sering kali terpaksa beratur dan menunggu lama untuk mengisi gas NGV.

Dengan sebab itu saya ingin meminta kementerian mempercepatkan penubuhan sekurang-kurangnya lima atau enam buah kalau boleh lebih banyak lagi stesen NGV di bandar raya Johor Bahru supaya pemandu-pemandu teksi tidak payah menghabiskan terlalu banyak masa kerana perlu mengisi gas NGV. Dan masalah ini telah menjejaskan mata pencarian pemandu teksi di bandar raya Johor Bahru. Sekian terima kasih.

Beberapa Ali: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jasin.

3.07 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya pergi kepada Butiran 020000 - Perdagangan Dalam Negeri dan 030000 - Konsumerisme. Tuan Pengerusi kita lihat pada hari ini negara kita sedang berkembang maju, perdagangan begitu hebat dan mestilah banyak masalah-masalah berkenaan dengan konsumerisme ini timbul. Malangnya kita lihat kebanyakan negeri kementerian kita ini punya pejabat di ibu negeri sahaja dan di peringkat-peringkat daerah tidak ada pejabat. Dan kalau kita lihat pada hari ini banyak di antara peniaga-peniaga mengambil kesempatan membawa barangan-barangan yang begitu di kawal ketat di dalam ibu negara ke luar bandar. Barangan-barangan CD pun hari ini yang dicetak rompak di luar bandar dijual begitu berleluasa sekali, barang-barang tiruan. Dan hari ini *target* mereka luar bandar.

Tetapi malangnya apabila masyarakat luar bandar tertipu bila kita hendak beritahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dia di ibu negeri lambat hendak sampai, lambat hendak ambil tindakan. Oleh demikian saya berharap supaya kementerian ini dapat diperbesarkan supaya masyarakat luar bandar bagaimana yang dilaporkan oleh rakan-rakan tadi tidak tertipu. Dan saya hendak juga kementerian ini mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat-syarikat jualan langsung. Memang banyak bagaimana disebutkan kawan tadi, memang banyak tertipu syarikat jualan langsung yang gores dan menang ini. Dia pergi ke luar bandar selalunya dia *attack* orang-orang kampung kita dekat-dekat waktu maghrib. Dia datang *attack* menunjukkan barangan dia sampai beribu-ribu harganya. Dia adakan satu rangkaian, satu *vacuum cleaner*, satu apa lagi barang-barang elektrik ini dengan harga RM3,000.

Walhal kalau hendak ikutkan Tuan Pengerusi ketiga-tiga barang itu tak lebih daripada RM1,000. Yang bijak cara dia ini dia minta deposit RM1,000 dahulu dan ada di kalangan orang-orang tua tertipu soal-soal macam ini dan saya pernah membawa mereka yang tertipu itu kepada syarikat jualan langsung ini bersama-sama dengan pegawai kementerian. Tetapi denda yang dikenakan minimum, tak beri serik kepada syarikat ini. Dan syarikat ini masih beroperasi lagi. Saya minta kementerian yang mana syarikat-syarikat yang menipu orang ini kalau boleh batalkan lesennya. Batalkan sahaja.

Saya juga hendak menegaskan dari segi dasar sedikit Tuan Pengerusi. Baru-baru ini kita menghadapi perayaan, banyak tempat tak ada gula, kekurangan gula dan banyak menuduh kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya hendak cakap sekali lagi dalam Dewan ini pernah saya buat gesaan ini supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini diberi kuasa untuk mengeluarkan AP import gula ini. Sekarang ini kuasa ini duduk di tangan MITI. Yang menguatkuasakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang mengeluarkan AP pula MITI. Berkenaan dengan barang-barang kegunaan dalam negeri seharusnya kerajaan serahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dia tahu berapa banyak yang hendak digunakan oleh orang ramai.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Silakan Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak sentuh sedikit tentang gula. Di tempat saya ada ladang gula yang agak besar di negara Malaysia, yang paling besar agaknya. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Jasin, pihak pengurusan gula Padang Terap akan tidak menanam lagi tebu pada tahun 2004. Ini mengakibatkan mungkin kita terpaksa mengimport gula. Status tanah diberi untuk tanam tebu dijadikan gula. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Jasin tentang perkara ini. Yang kedua sedikit lagi, tentang penguat kuasa yang tidak proaktif.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak menanam tebu lagi 2004?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tak.

Tuan Pengerusi: Bila?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: 2004 Tuan Pengerusi. Akan diubah tanaman lain seperti tanam pisang....

Tuan Pengerusi: 2004?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *Sorry*, lagi empat tahun akan datang tak akan tanam tebu lagi. Yang kedua, pegawai penguat kuasa ini tidak proaktif. Bila kita buat laporan harga yang diletak sewenang-wenangnya pegawai di Alor Star lambat untuk pergi ke Kuala Nerang, jauh. Letak harga ini bukan sahaja untuk menyambut Aidilfitri tetapi tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan tanda harga jauh lebih tinggi diletakkan. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini. terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Padang Terap. Itulah saya sarankan kalau boleh diadakan pejabat cawangan di peringkat daerah kerana yang selalu tertipu ini orang kampung kita. Dengan barang tiruan, dengan harga ikut suka yang lebih tinggi daripada harga pasaran.

Berkenaan dengan gula itu Tuan Pengerusi, saya pun tahu di Padang Terap tak akan tanam tebu lagi malah kilang FELDA di Cuping pun tak akan tanam tebu lagi. Hari ini semua syarikat gula Central Sugar baik, gula Padang Terap baik hanya mengimport *raw sugar* dengan izin daripada luar negara lebih murah. Kalau dia hendak tanam dalam negara kita dengan kos buruh, *maintenance cost* dan sebagainya dia rugi. Jadi dia import *raw sugar* dan secara kebetulan Tuan Pengerusi *raw sugar* ini kita ada *long term* kontrak daripada negara-negara pembekal *raw sugar*. Itu sebab sekarang kilang-kilang gula kita tak akan tanam gula kerana kosnya tinggi.

Harga pasaran gula sekarang lebih tinggi, lebih kurang RM2 sekilo. Tetapi oleh kerana kebijaksanaan kerajaan kita, kita telah mengikat daripada luar negara, *raw sugar* ini dengan harga lebih kurang RM1 tapi *long-term* kontrak. Saya difahamkan kita ada empat hingga lima tahun ini yang kita dapat bekalan harga yang murah. Akan datang harga akan melambung tinggi. Tetapi apa yang saya pertikaikan hari ini ketika kita masih kekurangan gula dalam negara, masih lagi gula-gula dieksport. Gula Padang Terap dieksport sampai ke Indonesia, sampai ke Timor Timur. Dieksport. Mengapa jadi macam ini?

Kalau AP ini di tangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dia tahu masalah kekurangan gula dalam negara kita mengapa harus kita eksport gula yang ada pada kita. Tapi oleh kerana sekarang ini lain kementerian yang pegang AP, maka kementerian itu mengeluarkan AP eksport gula kepada kilang-kilang ini. Kilang-kilang seronoklah kerana dapat menjual dengan harga RM1.80 sehingga RM2 di Indonesia. Kalau dalam negeri baru RM1.40. Itulah sebabnya saya minta supaya kerajaan kaji balik dasar.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan penguatkuasaan juga. Kalau dahulu orang kampung kata mata-mata timbang, *Calibration Unit* dalam kementerian. Pun tak cukup kakitangan. Pengusaha-pengusaha pam minyak pergi *renew* lesennya untuk *calibrate* pamnya setahun sekali Tuan Pengerusi. Kadang-kadang kalau misalan kata pam itu kalau kita beli minyak satu liter dia keluar minyak satu liter okey, satu tahun boleh tahanlah dan dia ada *renewal* satu tahun. Tetapi apa yang berlaku kadang-kadang kita pergi beli minyak di stesen minyak kita tuang minyak RM100 biasa kereta kita, kita faham. Kalau RM100 itu macam kereta saya satu *line* lagi boleh penuh. Tapi kadang-kadang kita berhenti di pam minyak yang lain, kita tuang RM100 ada satu setengah *line* baru penuh.

Bermakna pam itu mengeluarkan minyak yang tidak sama. Kalau kita beli satu liter itu mungkin hanya 0.9 liter. Tetapi oleh kerana *Calibration Unit* ini pergi membaharui pam setahun sekali, kalau yang menjual minyak ini Tuan Pengerusi ia tahu yang pam dia itu mungkin sudah diusik ataupun rosak sedikit dan dia mengeluarkan minyak tak cukup satu liter ini hanya keluar 0.9 liter ini, untung kepada penjual. Jadi dia tunggu setahun lagi baru dia *calibrate* pamnya. Tapi kalau minyak yang dia jual rugi, satu orang beli satu liter dia keluar 1.01 liter, wah cepat-cepat dia panggil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahagian *Unit Calibration* ini datang *calibrate* pamnya.

Oleh yang demikian saya minta supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna besarkan unit ini dan *calibration* pam-pam minyak ini paling tidak pun *quarterly*, tiga bulan sekali supaya pengguna-pengguna tidak tertipu oleh penjual-penjual. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

3.18 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, program dua mengenai penjualan secara langsung seperti yang diperkatakan Yang Berhormat bagi Jasin, gores dan menang (*scratch and win*). Saya hendak tanya kepada kementerian mengenai cara penjualan ini sama ada ia boleh di *consider* sebagai *direct sales*, kerana kalau kita jual secara langsung ia tak ada unsur perjudian. Di sini ia ada unsur perjudian. Dia kata *lucky draw*, "You boleh *draw* satu seperti baucar dan *you* gores dan tengok apa yang awak dapat". Dan begitulah dia menarik orang ramai bukan sahaja di kampung-kampung tetapi juga di bandar-bandar. Di Pulau Pinang dan Johor Bahru pun ramai juga. Ramai yang boleh dikatakan tertipu. Selepas

mereka mengeluarkan RM3,000 hingga RM5,000 untuk membeli barangan yang mereka bawa balik dan tengok harganya terlalu mahal jika dibandingkan dengan yang dijual di kedai.

Jadi saya rasa ini dia telah mengguna pakai *loop holes* di dalam undang-undang dan mengapa *electrical goods* ini dia mahu dibenarkan menjual dalam cara ini kerana kita tahu selepas menjual barangan ini dia perlu juga memberi *guarantee warrant* dan juga perkhidmatan selepas jualan. Kalau dia jual begini di mana pengguna akan carinya kalau barangan elektrik ini telah rosak dalam satu minggu atau satu bulan? Jadi saya rasa adalah tanggungjawab kementerian ini untuk melindungi kepentingan pengguna dengan tidak membenarkan penjualan seperti ini untuk tutupkan ataupun tarik balik lesen seperti ini kerana ini tidak akan menguntungkan pengguna.

Ini untuk lebih *more towards* untuk menipu pengguna. Jadi saya rasa ada kementerian ataupun Kerajaan Barisan Nasional kalau peka kepada kepentingan pengguna, patutlah dia melihat dari penguatkuasaan dan melihat daripada pengeluaran lesen. Kalau tidak apa gunanya hendak memberikan pendidikan pengguna tetapi pada masa yang sama meluluskan, memberi, mengeluarkan lesen seperti ini untuk menipu pengguna. Jadi saya harap kementerian ataupun Timbalan Menteri nanti akan memberi satu jawapan yang menguntungkan pihak pengguna.

Tuan Pengerusi saya juga ingin menyentuh kepada konsumerisme iaitu Tribunal Tuntutan Pengguna. Di negara India, dia mempunyai satu akta untuk melindungi pengguna juga, *Consumer's Protection Act* di mana ia juga termasuk kes-kes aduan rawatan ataupun *medical complaints*. Di sini, Tribunal Tuntutan Pengguna tidak termasuk apa-apa aduan terhadap aduan perubatan atau aduan terhadap hospital atau aduan terhadap klinik dan doktor dan tidak ada mekanisme yang lain untuk melindungi pengguna-pengguna perubatan kerana perubatan ini pun merupakan satu konsumerisme. Kita juga pengguna dalam sektor perubatan ini tetapi pada waktu sekarang tidak ada undang-undang untuk melindungi pesakit yang disalah diagnosis, yang disalah beri ubat ataupun dilalaikan, kecuai dalam perubatan.

Jadi saya ingin mencadangkan sekiranya boleh membenarkan Tribunal Tuntutan Pengguna ini juga mengambil ataupun mengendali aduan perubatan. Sekiranya ini tidak boleh terima, saya harap Kerajaan Barisan Nasional di bawah mana-mana kementerian dapat mengadakan satu mekanisme untuk mengendalikan atau menerima aduan mengenai kecuai perubatan ataupun apa-apa aduan tentang perubatan ataupun terhadap hospital, terhadap klinik. Sekiranya kita tidak, apa gunanya untuk mengadakan pendidikan pengguna tetapi pada masa yang sama tidak mengadakan satu mekanisme untuk melindungi hak-hak pengguna ini.

Saya pun pernah mencadangkan bahawa Tribunal Tuntutan Pengguna ini perlu diadakan di peringkat daerah supaya dia lebih senang untuk pengguna menentukan apa-apa atau membuat aduan kerana sekarang hanya di bandar-bandar besar sahaja. Umpamanya di Pulau Pinang hanya di Georgetown yang ada satu Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya berpendapat bahawa Tribunal Tuntutan Pengguna ini sangat berfaedah kepada pengguna. Ia senang untuk tuntutan apa-apa ganti rugi yang dialami oleh pengguna tetapi kerana *it's not very accessible*, kerana dia hanya di bandar besar. Kalau di Kampung Permatang Pauh, katanya orang

kampung, katanya dia mahu tuntutan sedikit ganti rugi takkan dia hendak pergi ke Georgetown, dia mesti berbelanja lebih banyak mungkin untuk menuntut ganti ruginya.

Jadi saya cadangkan kalau boleh kalau tidak boleh setiap hari dia adakan tribunal itu di Bukit Mertajam umpamanya mungkin dia boleh adakan satu hari, tetapkan satu hari dalam satu bulan dia akan diadakan di Bukit Mertajam umpamanya sekiranya ada keperluan, ada kes. Ini ialah untuk memudahkan rakyat khasnya mereka yang di luar bandar. Tuan Pengerusi saya ingin bertanya mengenai pembangunan perniagaan. Dia objektifnya di sini mengatakan untuk meningkat dan memantapkan penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor perdagangan pengedaran dan untuk mewujudkan komuniti pengedar bumiputera yang berdaya saing.

Saya juga difahamkan bahawa sekarang kerajaan ingin memanjangkan ekuiti 30% ini kepada sektor perdagangan pengedaran, *detering sectors* di mana dikatakan garis panduan mengatakan bahawa kalau kedai pengedaran ini dia mempunyai 15% ekuitinya ialah dari luar negeri, jadi dia mesti mengadakan 30% ekuiti untuk bumiputera. Saya ingin tahu sama ada garis panduan ini betul dan akan dilaksanakan? Kalau dia akan dilaksanakan saya ingin tahu bagaimana ini akan membantu untuk mewujudkan komuniti pengedar bumiputera yang berdaya saing kerana ini ialah konsep perlindungan.

Kalau kita memberi perlindungan itu maksudnya dia tidak boleh bersaing. Jadi cara ini saya rasa tidak akan membantu untuk meningkatkan daya saing pengedar bumiputera. Ini satu bidang yang senang pengedaran bukan satu perdagangan yang senang. Dia seperti runcit juga perdagangan runcit, dia sangat memakan masa dan dia sangat *labour intensive*. Jadi dia bukan satu perdagangan yang senang, dia memerlukan tekun, sangat kerja keras dan bukan senang dia boleh berjaya. Baru-baru ini saya pergi *shopping* pada sebelum hari raya puasa dan saya lihat dia ada gerai-gerai di *supermarket*, di *hypermarket* yang dikendalikan oleh bumiputera, mereka jual baju-baju raya.

Sehari sebelum Hari Raya itu mereka masih buka dan saya tanya besok akan buka lagi kah? Dia kata buka lagi sekarang ada *business* mesti rajin kerja. Henti berapa hari, dia kata henti dua hari. Jadi saya rasa kalau ada bumiputera yang berniaga seperti ini dia boleh berjaya kerana ini kalau tanya peniaga-peniaga orang Cina, kedai runcit dia tidak rehat punya tidak tutup satu tahun 365 hari tidak tutup, Tahun Baru Cina pun dia buka punya kerana Tahun Baru Cina ada orang datang beli juga.

Hari pertama tahun baru sepatutnya tidak kerja tapi pun sedia berniaga. Itulah semangatnya, barulah boleh berjaya. Sama juga dengan perdagangan pengedaran, dia sangat label intensif dan sepanjang masa. Dan ia juga mesti berniaga tiap-tiap hari, satu tahun kalau tidak 365 hari pun, 363 hari mesti berniaga. Itu yang *distribute* ikan itu pun hanya rehat dua hari untuk hari raya puasa sahaja. Ada rehat pada waktu, dia mesti rehat kerana pada masa itu tidak ada ikan.

Jadi saya dengar, saya baca surat khabar, banyak yang dikatakan dalam perhimpunan UMNO, dikatakan jangan mempersoalkan Melayu, hak Melayu dan juga hak bumiputera. Saya rasa kita perlu lebih bersikap berdaya saing sekiranya kita terus ingin juga nak 30% ekuiti. Dan sekarang bukan sahaja di korporat, dan nak dipanjangkan kepada semua sektor.

Tuan Pengerusi, saya khawatir kita tidak akan mencapai negara maju, wawasan 2020. Jadi saya merayu supaya kita lebih bersikap terbuka. Bukan senang untuk berjaya dalam perniagaan.

Tuan Pengerusi: Dasar sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu, dan bukan untuk memberi 30% ini boleh berjaya. Dia mestilah dilatih dan ingin bekerja keras barulah itu akan berjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua lagi ya, tiga. Ayer Hitam sila.

3.33 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 050000 mengenai Dasar Baru, di bawah tajuk 050100 Penyusunan Semula. Saya dapati sejumlah peruntukan RM31 juta diberikan di bawah tajuk Penyusunan Semula. Tetapi saya tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan penyusunan semula. Dan saya rasa kalau kita hendak menentukan sesuatu dasar, kita memang mengharapkan butiran ataupun perihai yang lebih jelas tentang perkara ini. Seperti mana rakan-rakan yang telah membawa beberapa isu, saya rasa termasuklah *distributive trade guideline* dan sebagainya, saya rasa apa yang perlu kita lakukan di negara kita, kita sedar usaha kerajaan membantu bumiputera tetapi dalam MAPEN 1, laporan MAPEN 2 pula itu tidak pernah menyebut tentang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Harap tidak payah bangkitkan perkara dasar.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak, tidak, saya dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebut kepada peruntukan yang dimohon.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ya betul, sebab ini di bawah tajuk penyusunan semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: 050100.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu peruntukan untuk apa?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ini saya sebut penyusunan semula. Jadi ia tidak pernah menyebut tentang mikro *restructuring*. Saya berharap ianya tidak melibatkan mikro *restructuring* di bahagian pengagihan, itu yang kita harap-harapkan.

Yang kedua, saya rasa dari segi penyusunan semula. Apa yang kita nak lihat di negara kita, situasi yang lebih membawa keharmonian. Di mana *genuine partnership* yang disuarakan oleh begitu ramai dan juga mantan ataupun bekas Perdana Menteri, saya rasa itu mungkin patut dijadikan sebagai satu realiti kalau kita hendak menentukan satu dasar. Kerana dalam negara kita, kalau kita sama-sama kaya, saya rasa kita akan maju ke hadapan dan itulah harapan kita tentang dasar baru kalau hendak diterap oleh kerajaan.

Yang keduanya, Butiran 060100 - Bertugas di Luar Negara. Saya rasa saya tidak dapat membayangkan bagaimana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu bertugas di luar negara dan melibatkan peruntukan RM2 juta. Dan saya hendak dapatkan butiran apa tugas yang ada di luar negara dan secara spesifiknya apakah manfaat yang akan diterima oleh negara ini. Begitu juga dengan kenderaan. Saya tidak tahu kenapa ianya di bawah tajuk *one off* dan peruntukannya sebanyak RM1.7 juta. Apa tujuan kita mengadakan peruntukan begitu banyak dan apakah fungsi kenderaan ini, untuk tujuan apa?

Saya juga hendak menyentuh tentang konsumerisme, di bawah tajuk 030100 - Penguatkuasaan. Tadi beberapa Ahli Parlimen telah menyebut tentang "gores dan menang". Di sini saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri kerana kita sudah banyak kali sebut, berbuihlah kita cakap tentang "gores dan menang" tapi masalahnya dari segi koordinasi dengan Kementerian Kewangan, dengan polis, saya tidak nampak. Jadi saya minta kementerian ini, dalam hal penguatkuasaan, kita kena melakukan secara bersepadu. Kerana mereka ini licik, mereka yang mengendalikan "gores dan menang" ini boleh tukar syarikat sampai 10, 11 tetapi masih lagi beroperasi. Itulah caranya mereka menipu bukan sahaja orang di bandar, di luar bandar pun terperangkap.

Jadi saya meminta sangatlah, kementerian ini, mereka dah berjuta-juta kayanya tetapi mereka masih lagi beroperasi. Saya rasa apa lesen yang telah diberikan atas nama cabutan bertuah oleh Kementerian Kewangan patut kementerian ini memantau dan menasihatkan kementerian itu jangan bagi. Kalau bagi juga, akhirnya ditolak ke sana, sana tolak ke sini, kita tidak dapat membanteras penjenayah ini. Saya minta penguatkuasaan ini dapat memikirkan, mengadakan satu anjakan paradigma bagaimana kita cara mengenakan atau memperketatkan penguatkuasaan yang berkesan.

Dan akhir sekali tentang Tribunal Tuntutan Pengguna Butiran 030300. Ada dua perkara yang ingin saya bertanya kepada kementerian. Dua bidang kuasa, adakah ianya boleh dibawa kepada tribunal ini? Yang pertama, kita dapati ada segelintir pelajar mereka mengikuti kolej swasta. Dan akhirnya mereka mendapat sijil yang tidak diiktiraf. Tidak sama dengan apa yang diiklankan. Malahan ada yang mengatakan pada mulanya sesi pengajian, katanya akan mendapat satu ijazah daripada luar negara, akhirnya sekeping ijazah atau diploma yang dikeluarkan oleh kolej tersebut. Apakah kes ini boleh dirujuk sedangkan ada pula unit penguatkuasaan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Saya hendak bertanya sama ada tribunal ini mempunyai bidang kuasa ini?

Dan kedua, saya rasa ini adalah bagi mereka yang membeli insurans. Mereka ini kebanyakan adalah orang tua. Mereka membeli insurans dan mendapat insurans perubatan, misalan 10 tahun yang lalu mereka tidak menghadapi penyakit diabetes dan sebagainya. Tetapi apabila mereka mendapat usia mereka meningkat dan didapati ada penyakit kencing manis dua atau tiga tahun yang lalu. Akhirnya orang ini menjadi pesakit kanser. Dan apa yang berlaku sekarang, kebanyakan syarikat seperti '**Medicsave**' atau mana-mana syarikat mereka akan menggunakan oleh kerana pesakit ini tidak memberitahu mereka ini ada penyakit kencing manis. Sebenarnya kencing manis dengan kanser tidak ada kena mengena tapi dengan cara itu mereka

boleh terlepas untuk tidak membayar sebarang kos perubatan. Adakah ianya tertakluk di bawah bidang kuasa tribunal ini? Saya rasa itu satu perkara yang serius atas kepentingan orang ramai dan saya rasa kementerian ini sepatutnya mengambil inisiatif untuk menyiasat perkara ini dan bolehlah kita melindungi pengguna bagi mereka yang membeli insurans. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

3.39 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian Butiran 030000 iaitu Konsumerisme, Butiran 030100 - Penguatkuasaan, dan Butiran 030200 - Hal Ehwal Pengguna. Di sini satu perkara yang cukup penting, pelbagai ikhtiar dilakukan oleh orang-orang yang cuba "menanggung di air yang keruh" ataupun untuk mendapat keuntungan dan laba yang besar, macam-macam cara. Baru-baru ini saya melihat peniaga-peniaga di musim perayaan hari raya dan juga Deepavali iaitu peniaga emas. Peniaga emas menggunakan satu alat penimbang yang cukup sensitif. Dan saya lihat di tempat perniagaan emas itu mereka pasang kipas dan mereka pasang kipas itu *full blast*, begitu kuat sekali. Dan sudah pasti kipas dan tiupan angin yang begitu kuat itu akan memberi kesan kepada timbangan terutama perniagaan emas ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri pun kalau boleh prihatin tentang perkara ini. Harus melatih pegawai penguatkuasaan, bagaimanakah putar belit yang dimainkan oleh orang-orang yang mencari keuntungan di musim di mana orang berebut-rebut untuk mendapat emas ini. Ini merupakan satu penganiayaan mendapatkan keuntungan yang besar dengan cara penipuan serupa ini. Pelbagai macam dan pelbagai kaedah mereka gunakan.

Oleh yang demikian, dalam konteks kita memberi kesedaran kepada pegawai penguat kuasa dan kesedaran kepada ahli masyarakat ini, mereka benar-benar harus diberi tahu tentang kaedah, tentang teknik strategi yang diguna pakai oleh mereka ini untuk menanggung keuntungan dan meraih keuntungan dengan melihat kesengsaraan pihak yang menggunakan yang memerlukan itu.

Selain dari itu juga, saya melihat ketika mana pegawai penguat kuasa hendak membuat serbuan, kadang-kadang berlaku pembocoran rahsia. Meskipun ada kerahsiaan mereka. Saya juga pernah mengikuti pegawai-pegawai ini untuk membuat serbuan mereka. Saya memberitahu, laporkan kepada pejabat penguatkuasaan tentang penjualan CD cetak rompak. Betul saya nampak dia ada. Tetapi tiba-tiba ketika hendak dibuat serbuan itu, sudah tidak ada bekas-bekas perniagaan - lari lintang-pukang entah macam mana. Ini menunjukkan bahawa tidak ada kerahsiaan. Ini satu perkara juga saya kira pihak kementerian harus ambil perhatian supaya pembocoran, rahsia, penyiasatan yang hendak dilakukan, serbuan yang hendak dibuat, tidak berlaku. Ini adalah merupakan satu perkara yang penting.

Saya juga ingin menyentuh tentang hal ehwal pengguna iaitu pendidikan pengguna ini. Sekarang ini kita melihat melalui televisyen telah dibuat satu promosi yang baik untuk mendidik, mengasuh pihak pengguna dan rakyat tentang kesedaran dan juga penipuan-penipuan yang berlaku. Ini adalah merupakan satu perkara yang patut dipuji. Saya sanjung tinggi. Perlu

perbanyak lagi. Malah perlu diadakan lagi dalam rancangan televisyen yang lain. Barangkali dalam ruangan televisyen swasta pun perlu di adakan kesedaran serupa ini.

Ini memang dapat menarik perhatian terutamanya masyarakat di desa, di kampung yang selalu melihat telatah-telatah yang ada kejenakaan unsur tetapi mengena sasarannya. Ini cukup menarik dan saya kira perlu diperluaskan lagi.

Saya juga hendak tanya kepada kementerian ini setakat manakah kita telah menjayakan satu program pendidikan. *Education for sustainable consumption* yang ini untuk kita menyedarkan kepada rakyat terutama di peringkat kanak-kanak sekolah lagi supaya mereka berbelanja berdasarkan kepada keperluan sahaja. Berdasarkan kepada kelestarian perkara-perkara yang amat diperlukan sahaja iaitu *Education for sustainable consumption*, dengan izin.

Saya juga ingin mengesyorkan bahawa peruntukan yang lebih besar diberi kepada pihak-pihak tertentu untuk mereka melipatgandakan usaha-usaha promosi dan juga pendidikan. Kalau boleh melibatkan pemimpin-pemimpin peringkat akar umbi, ketua-ketua kampung, JKK, semuanya harus didedahkan dari semasa ke semasa. Kalau boleh pada setiap bulan itu, perlu dipanggil memberi ceramah, penjelasan tentang pelbagai kerenah yang dilakukan oleh pihak yang hendak menanggung di air yang keruh. Selain daripada itu, memberi kesedaran kepada mereka, ke seluruh peringkat akar umbi ini tentang pelbagai macam kerenah dan penipuan yang hendak dilakukan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya peruntukan yang besar diberi kepada persatuan pengguna peringkat negeri. Kadang-kadang saya melihat wujud sahaja persatuan pengguna peringkat negeri tapi hidup segan, mati tak mahu. Tidak ada aktiviti-aktiviti yang memberi kesan dan bekas. Kadang-kadang kegiatannya itu sebagai bermusim sahaja. Peruntukan yang diberi yang ... saya menghubungi tadi pengarah jabatan ini sama ada peruntukan yang dimohon oleh Persatuan Pengguna Negeri Terengganu sudah sampai atau belum? Ia menyatakan dan memberitahu kepada saya tidak ada lagi peruntukan itu. Ini memberi satu kesan negatif bagaimanakah persatuan ini boleh aktif untuk memberi sumbangan kesedaran kepada masyarakat dalam konteks pendidikan dan kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat itu.

Saya juga ingin bertanya tentang seminar-seminar pendidikan kepenggunaan yang dibuat di sekolah setakat manakah ianya berkesan? Ataupun ia sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja, *one off* sahaja. Ia perlu difikirkan dengan lebih teliti dari segi kurikulumnya, dari segi penyertaan sekolah-sekolah itu sendiri. Saya kira murid-murid sekolah perlu digalakkan, diberi pengalaman secara *hands on* pergi sendiri ke pasar barangkali melihat telatah pengguna-pengguna, melihat telatah peniaga-peniaga supaya murid-murid dan anak-anak sekolah ini benar-benar memahaminya. Bukan dalam bentuk seminar bercakap banyak sahaja. Tidak memberi bekas kepada ingatan kanak-kanak ini. Ini adalah merupakan saya kira perkara-perkara yang penting selain daripada kem kepimpinan Kelab Pengguna Sekolah.

Sejauh manakah ia telah dilaksanakan dan berkesan dari segi memberi bekas kepada murid-murid kita untuk memastikan peringkat akar umbi itu. Mereka sedar tentang kepenggunaan, tentang hak mereka sebagai pengguna. Tapi dalam masa yang sama, saya

menyokong tadi apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyentuh mengenai polisi-polisi penguatkuasaan, dalam masa yang sama juga pihak kementerian juga harus bertegas dengan kerenah-kerenah yang telah dilakukan oleh pihak peniaga ini. Dalam masa yang sama juga pendidikan itu diberi, kesedaran itu diberi kepada pelajar-pelajar melalui sistem pendidikan dan melalui kursus-kursus yang secara *integrated*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dijawab selepas Tanjong.

3.48 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Jangan risau Tuan Pengerusi tahu dia buat apa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, *respond* kepada....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya, ya, dia risau saya tidak dapat peluang. Saya kata Tuan Pengerusi tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selalu cakap tidak mahu bangun...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Butiran 060400 - Peningkatan Program Perdagangan dan Kepenggunaan. Saya rasa Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini, sejumlah RM115 juta diperuntukkan di bawah butiran ini dan ini merupakan hampir 30% dari kesemua peruntukan di bawah Maksud Bekalan 25. Satu jumlah yang agak besar, tetapi butirannya tidak ada langsung selain daripada ada tajuk yang berhubung dengan program perdagangan dan kepenggunaan.

Jadi saya berharap kementerian dapat memberi sedikit sebanyak penjelasan tentang apakah peningkatan Program Perdagangan dan Kepenggunaan yang memerlukan satu peruntukan yang begitu besar.

Seterusnya Butiran 020000 - Perdagangan Dalam Negeri. Saya ingin kementerian memberitahu Dewan ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mewujudkan satu alam sekitar yang lebih sesuai bagi menggalakkan persaingan yang sihat dan memajukan amalan-amalan perdagangan yang lebih baik.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, saya mengalami satu masalah berhubung dengan stesen pam minyak ESSO dan Mobil, di mana akibat daripada pertikaian di antara stesen-stesen minyak ini dengan syarikat minyak. Wujudnya satu keadaan di mana terdapat beberapa buah stesen minyak di seluruh negara tidak dapat membekalkan minyak kepada para pengguna. Saya rasa secara tiba-tiba ini berlaku akan menjejaskan pengguna-pengguna yang terdesak untuk mengisi tangki minyak kereta mereka khususnya di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan.

Jadi saya ingin penjelasan dari kementerian apabila berhadapan dengan keadaan sedemikian. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat minyak mahupun pengusaha-pengusaha stesen minyak yang tiba-tiba memberhentikan perkhidmatan mereka. Seolah-olahnya mahu melakukan satu tindakan boikot terhadap syarikat-syarikat minyak yang ingin mengkaji semula syarat-syarat perjanjian di antara dua pihak ini.

Jadi saya berharap kementerian boleh memberi perhatian kepada amalan-amalan perdagangan yang tidak begitu baik ini.

Dan seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin kementerian juga memberitahu Dewan ini, apakah bantuan yang diberikan kepada *homegrown franchisor* di negara ini untuk mengembangkan perniagaan, dan merampas peluang-peluang perniagaan yang diwujudkan oleh AFTA ataupun FTA, dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Australia. Sepanjang masa kita dengar pihak kerajaan mengatakan, begitu baiknya untuk kita menjalan perhubungan FTA dengan negara-negara maju, dan jika terjalin FTA dengan Amerika Syarikat dan Australia, dan negara-negara lain, sememangnya kita mengharapkan ini membuka peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan ataupun *homegrown franchisors* di negara ini tetapi sebaliknya kesan-kesan negatif juga akan wujud selepas negara kita menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat dan Australia, yang akan membawa impak yang amat besar kepada perniagaan, harga-harga barangan khususnya apabila terjalinnya perjanjian ini, Malaysia mungkin perlu mengambil langkah-langkah untuk potong atau pun kurang tarif kepada satu tahap yang sifar, untuk barangan-barangan import seperti beras, alkohol, tembakau dan sebagainya.

Jadi saya rasa ini sememangnya akan membawa impak kepada perniagaan dalaman negara ini sama ada syarikat besar mahupun peruncit-peruncit yang kecil, yang sama-sama akan menerima impak dalam satu rangkaian, ekoran daripada perjanjian FTA. Jadi saya rasa amat perlulah kementerian ini melakukan satu kajian impak terhadap kesan-kesan FTA kepada negara ini, khususnya dengan impak kemasukan atau kebanjiran barangan-barangan yang murah terhadap industri-industri perniagaan-perniagaan tempatan.

Seperti dua orang Ahli Yang Berhormat ada menyentuh tentang garis panduan untuk perniagaan pengedaran, saya juga berharap kementerian akan memberi maklumat yang terkini berhubung dengan garis panduan ini yang menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan peniaga yang terbabit dalam sektor pengedaran ini.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyeru kementerian agar memberitahu Dewan ini tentang satu pengumuman yang dilakukan oleh Suruhanjaya Syarikat baru-baru ini berhubung dengan tindakan untuk membatalkan pendaftaran melebihi 1000 syarikat yang *dormant*, yang tidak aktif ataupun tidak melakukan perniagaan, yang perlu dibatalkan pendaftaran untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas. Pada keseluruhannya, peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat di negara ini khususnya ia menjadi satu ukuran yang menyumbang kepada pengiraan ekuiti, yang menjadi satu isu yang amat hangat dibahaskan baru-baru ini.

Jadi saya ingin tahu, apakah insentif yang akan diberikan kepada pihak-pihak yang tidak lagi menjalankan perniagaan tetapi masih dikekalkan pendaftaran syarikat-syarikat mereka itu untuk menyambut inisiatif yang dilakukan oleh Suruhanjaya Syarikat supaya syarikat-syarikat yang *dormant* ini dapatlah mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran dan mengelak dari apa-apa tindakan perundangan oleh pihak Suruhanjaya Syarikat.

Saya juga ingin tahu, apakah perkembangan berhubung dengan kursus-kursus yang dijalankan oleh Suruhanjaya Syarikat untuk ahli-ahli lembaga pengarah syarikat dari segi mengetahui tentang etika perniagaan, urus tadbir yang baik dan sebagainya.

Akhirnya, sebagai seorang pengguna, saya ingin mengkritik adanya wakil di Perhimpunan Agung UMNO yang sanggup menyuarakan kesediaan UMNO untuk mengorbankan nyawa dan bermandi darah sekiranya hak-hak Melayu dan agama mereka terjejas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini adakah berkaitan dengan apa.....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini sebagai satu pengguna, saya rasa terjejaslah. Saya berharap pandangan yang amat sensitif ini, yang menghasut ini dapatlah diberi perhatian oleh Presiden...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada butiranlah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: ...Dan Perdana Menteri negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran tidak adalah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Setiausaha Parlimen sila.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ancam keselamatan pengguna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Setiausaha Parlimen, jawab.

3.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 13 orang Ahli Parlimen yang berbahas.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 13 kah?

Tuan Yew Teong Look: Ada 13, ya! Sebanyak 13 orang Ahli Yang Berhormat yang membahaskan di dalam Peringkat Jawatankuasa kementerian ini dan saya walaupun banyak perkara telah pun ditimbulkan, saya boleh rumuskan perkara-perkara mungkin di bawah..., lebih kurang 10 tajuk yang saya akan jawab. Perkara-perkara yang mungkin saya tidak sentuh, banyak merupakan pandangan, cadangan dan juga segala kritikan yang mungkin kementerian akan ambil tindakan dan untuk menjadi satu..., bagi kita menjalankan tugas pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya boleh rumuskan lebih kurang 10 tajuk ini. Yang pertama tentang bekalan gula dan juga permintaan gula, sama ada negara kita cukup untuk 'memberi' gula kepada pengguna di dalam negara kita ini.

Yang kedua tentang, ExxonMobil yang ada sedikit berkaitan dengan perjanjian, dan yang ketiga, tentang garis panduan pengedaran yang melibatkan warga asing. Seterusnya mungkin dari segi pemantauan dan mengawal harga barangan seharian. Seterusnya tentang kegiatan cetak rompak. Bagaimana *watch list* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Program mendidik pengguna dan juga aktiviti pendidik pengguna. Isu tentang *hypermarket*. Perkara mengenai perniagaan jualan langsung di mana gores dan menang menjadi satu isu yang dibahaskan. Seterusnya tentang NGV dan akhir sekali tentang isu penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, mengenai bekalan dan juga permintaan gula di negara kita ini, saya ingin maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya negara kita mempunyai empat kilang

gula iaitu MSN, CSR, Gula Padang Terap dan juga 'Felcapolis'. Empat kilang yang ada di negara kita mengeluarkan gula lebih kurang 1, 247 juta tan metrik setahun, dan kalau ikut angka yang saya ada di sini, pada tahun 2005, memang jumlah pengeluaran ialah 1,247 juta tan metrik, Permintaan pada tahun 2005 ialah 926,000 tan metrik. Pada tahun 2006, sehingga Oktober ini, jumlah pengeluaran ialah 1,158 juta tan metrik dan permintaannya ialah 918, 000 tan metrik.

Ini bererti bekalan gula negara kita memang cukup bagi kegunaan rakyat Malaysia. Saya akui tiga, empat bulan dahulu ada berlaku sedikit gangguan bekalan ini. Ini melibatkan banyak faktor dan atas kerjasama semua pihak dan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sendiri pun telah berusaha untuk sama-sama mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini dan saya percaya kalau ikut jumlah pengeluaran dan juga permintaan ini, memang kita tidak perlu bimbang sangat tentang gula yang ada di negara kita. Kementerian berjanji akan terus memantau keadaan jika berlaku sebab-sebab yang tertentu, kementerian akan ambil tindakan dan memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, tentang perjanjian Exxon Mobil dengan pengusaha-pengusaha stesen minyak ini, sebenarnya pada tahun ini sejak bulan Ogos dan September sebanyak 235 stesen minyak telah pun tamat tempoh perjanjian mereka. Sebenarnya ada 164 stesen minyak telah pun menangani perjanjian yang baru. Cuma 71 stesen minyak yang masih ada permintaan yang lain. Dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri telah pun berusaha sedaya upaya untuk mengadakan perbincangan dan juga mesyuarat dengan dua pihak dan saya percaya perkara ini dapat diselesaikan dalam masa yang singkat ini.

Mengenai garis panduan pengedaran yang melibatkan warga asing ini, ini masih dalam peringkat yang akhir dan walaupun banyak pandangan dan cadangan melalui memorandum dan sebagainya kepada Yang Berhormat Menteri sendiri dan Yang Berhormat Menteri sedang mengkaji perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya percaya dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri, perkara-perkara yang dibangkit dan juga cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan akan diambil kira supaya garis panduan ini dapat kita laksanakan dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, mengenai cara memantau dan juga mengawal harga barangan seharian, ini merupakan satu tugas utama kementerian ini dan saya sukacita memaklumkan sebenarnya dalam usaha ini di semua peringkat pegawai dan juga kakitangan kementerian memang bekerja sekeras-kerasnya supaya isu kenaikan harga ini dapat kita kawal dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sebenarnya kita ada 63 pusat, untuk kita kutip harga barangan yang diperlukan seharian di mana 255 jenis barangan harian telah pun diambil kira dan kita sentiasa memantau harga mana yang kadang-kadang meningkat dan apa sebabnya. Kita cuba selain daripada memantau dan mengawal harga di 63 pusat pungutan harga ini, kerajaan juga menetapkan 12 jenis barang yang merupakan kawalan harga sepanjang masa di mana 12 jenis barangan ini ada harga ataupun *ceiling price*.

Selain daripada itu pada musim perayaan, misalnya pada tahun ini mulai 24 September hingga 31 Oktober, sebanyak 15 *item* ataupun 15 jenis barangan telah pun ditetapkan di bawah barangan kawalan musim perayaan dan pada 11 Februari tahun hadapan sehingga 25 Februari tahun hadapan di mana musim perayaan Tahun Baru Cina juga mungkin 11 *item* akan juga kita tetapkan supaya kita dapat memantau harga-harga yang pada musim perayaan di mana barang keperluan yang banyak diminta oleh pihak pelanggan ataupun pengguna, kementerian akan sentiasa memantau perkara ini.

Selain daripada itu, kita menjalankan banyak pemeriksaan. Misalnya pada tahun ini sejak musim perayaan ini, 24 September hingga 31 Oktober, kementerian telah pun menjalankan sebanyak 114,378 kali pemeriksaan kepada premis-premis perniagaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dengan kegiatan yang seumpama ini kita dapat mengawal perkara-perkara untuk kita mencegah kenaikan harga. Cuma lima kes sahaja yang kita nampak ada menjual harga lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas sebanyak 52 kes. Kali ini cuma lima kes.

Ini telah membuktikan bahawa ada kesan melalui penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak kementerian kita. Selain daripada itu, saya masukkan isu penguatkuasaan ini iaitu kementerian memang mengambil serius tentang kakitangan ataupun pegawai penguatkuasaan kita selain daripada kita telah pun menambah jumlah anggota penguatkuasaan di kementerian. Dahulu kita mempunyai 1,429 dan dalam tahun ini kita telah pun menambah anggota penguat kuasa kita seramai 745 orang. So ini bermakna kita akan tambah sampai 2,100 lebih orang anggota penguatkuasaan. Walaupun kita telah menambah anggota dan juga pegawai penguat kuasa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat baru masuk?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baru masuk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak tanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Adalah sedikit hendak tanya pasal sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah tanya, kami pun tahu kehadiran Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan soal itu, Tuan Pengerusi. Soal penguat kuasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk sahaja, hendak tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penguat kuasa ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen suka saya tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan tujuan lain ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan tujuan lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk mencatatkan kehadiran yang pada hari ini.

Beberapa Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau saya tidak cakap pun, kita punya Bentara semua tahu saya datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya difahamkan bahawa Kementerian akan melantik lagi beberapa penguat kuasa dan mungkin jumlahnya agak ratusan penguat kuasa, daripada seluruh Parlimen ke, saya tidak berapa faham sangat. Cuma hendak tanya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak faham kerana Yang Berhormat tadi tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak faham jumlahnya itu, Tuan Pengerusi. Itu sebab saya bertanya, Tuan Pengerusi. Kalau saya faham, saya tidak perlu bertanya. Saya cuma hendak bertanya ada tidak sagu hati atau elaun? Kalau ada, berapa dibayar oleh Kementerian? Soalan yang tidak pernah orang soal saya rasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setakat ini mungkin belum ada orang soallah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, soalan saya relevan jugalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baiklah, sila duduk.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ini saya akan masuk dalam isu program mendidik pengguna sebentar nanti. Saya akan masuk topik ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, minta Yang Berhormat jangan keluar cepatlah, tunggu jawapan itu.

Tuan Hoo Seong Chang: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tadi kata selain kita menambah anggota ataupun pegawai penguat kuasa di Kementerian, kami juga sangat berharap maklum balas ataupun *information* yang dapat disampaikan kepada Kementerian selain daripada kita menjalankan pemeriksaan di premis-premis perniagaan. Maka saya ingin sekali lagilah walaupun saya pernah jawab di Parlimen ini tentang cara untuk kita melaporkan kepada Kementerian melalui talian bebas tol ataupun *toll free* 1-800-886-800 ataupun melalui SMS – 36663 dan juga boleh melalui *emel* ataupun e-aduan – kpdnhep.gov.my.

Ini saya berharap dapat kita sama-sama membantu Kementerian supaya dapat kita menjalankan tugas dengan lebih sempurna untuk memastikan kepentingan pengguna di negara kita ini. Selain daripada itu saya ingin mengingatkan kepada para peniaga iaitu di bawah Akta Kawalan Harga 1946, kalau sesiapa yang melanggar peraturan ini akan didenda RM15,000 dan juga penjara 2 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Kadang-kadang kita boleh juga mengenakan kompaun tidak lebih dari RM7,500. Maka ini merupakan satu penalti yang cukup berat, maka saya berharap semua pihak dapat memberi

kerjasama untuk memastikan keadaan negara kita dapat kita menikmati harga barangan yang lebih munasabah.

Tuan Pengerusi, mengenai kegiatan cetak rompak di mana salah seorang Ahli Yang Berhormat telah bertanya, bagaimana kesannya dan juga *watch-list* bagaimana? Ingin saya mengatakan di sini sebenarnya kalau ikut *skill* untuk kita mengukur *priority watch-list* ataupun keseluruhan *watch-list* ini ada kemajuan sebenarnya. Kalau kita lihat *watch-list* yang telah pun diedarkan di satu agensi antarabangsa di mana ia ada empat kategori iaitu:

- (i) *special priority*;
- (ii) *second priority*;
- (iii) *priority watch-list*; dan
- (iv) *watch-list*

Bererti kalau *watch-list* di bawah, *priority watch-list*, *special watch-list*, *special attention watch-list* kepada negara-negara yang tertentu. Sukacita dimaklumkan bahawa di beberapa tahun yang lalu, kita pun telah memberi banyak tumpuan kepada perkara ini dan usaha yang telah pun kita jalankan nampak ada kesannya. Maka tentang *watch-list* ini, negara kita dikategorikan pada kategori yang bawah iaitu dalam perkara *watch-list* sahaja dan bukan *priority watch-list* ataupun *special watch-list* dan sebagainya.

Jadi, ini adalah satu tanda di mana negara kita telah mencapai sedikit kejayaan dalam perkara ini. Selain daripada kita menjalankan pemeriksaan seperti biasa dan sekarang kita di *airport* ataupun *checkpoint* untuk kita eksport dan juga kita import kita ada satu mekanisme ataupun satu cara untuk kita *scan* semua barang-barang yang akan keluar dari negara kita dan akan masuk dalam negara kita. Saya percaya dengan cara ini, tentu sekali kita dapat bantu untuk kita menjaga imej negara kita supaya aktiviti cetak rompak ini dapat kita kurangkan lagi. Saya akui kita tidak dapat selesaikan 100% tetapi kita sudah cuba mengurangkan kadar ini dan saya percaya dengan adanya kerjasama dari semua pihak, kementerian dapat mengatasi masalah ini dengan lebih berjaya.

Seterusnya tentang Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada ramai sebenarnya yang telah bangkitkan tentang keberkesanan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini dan saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya Tribunal ini ditubuhkan pada 15 November 1999. Walaupun kita ada di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan kerajaan melalui kementerian ini memikirkan supaya mengadakan satu saluran tambahan kepada pengguna supaya kita dapat memberi pengguna satu saluran yang tambahan untuk mereka mendapat keadilan apabila berlakunya penipuan ataupun yang berlaku tidak puas hati. Kalau kita lihat dari segi angka yang ada, kita tubuhkan Tribunal ini pada November 1999. So, mulai daripada tahun 2000, saya nampak kes yang dikemukakan oleh pengguna kepada Tribunal cuma 291 kes pada awalnya sebab ramai yang belum tahu ada wujudnya Tribunal ini.

Dan tahun yang berikutnya iaitu tahun 2001, ia bertambah kepada 1,155 kes. Tahun 2002 berjumlah 2,649 kes, tahun 2003 berjumlah 4,150 kes, tahun 2004 bertambah lagi sampai 5,076 kes dan seterusnya tahun 2005 berjumlah 6,106 kes dan tahun ini juga bertambah

angkanya. Saya sebut angka ini untuk menunjukkan bahawa kementerian telah pun memberi banyak cara untuk kita memberitahu kepada pengguna supaya ada satu saluran yang cukup mudah untuk kita membuat aduan di mana kalau berlakunya penipuan ataupun perkara-perkara yang tidak puas hati tentang perniagaan tersebut, maka mereka boleh melalui Tribunal ini untuk mendapat keadilan.

Dan melalui cara ini, bukan setakat cuma memerlukan RM5 sahaja untuk kita *fail in* satu kes dan melalui Tribunal ini, memang cukup berkesan sebab dalam 60 hari kita harus selesaikan semua perkara ini. Dan dalam tempoh 14 hari selepas perbicaraan, *award* yang kita bagi, peniaga harus membayar balik apa yang dituntut oleh pengguna yang membuat aduan tersebut. Saya ingin mengatakan bahawa sampai hari ini memang banyak kes telah pun diselesaikan dan tidak ada *backlog* yang berlaku di kementerian ini.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya sedikit berkenaan Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya rasa wujudnya Tribunal ini Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukannya kerana ia merupakan satu cara di mana kita boleh memberikan satu kemudahan dan juga perkhidmatan kehakiman dengan begitu cepat kerana seperti kata orang, peguam-peguam dalam negara kita, *justice delayed meaning justice denied* dengan izin. Iaitu apabila berlaku kelewatan dalam mendapatkan keadilan dari segi undang-undang, maka wujudnya ketidakadilan pula. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Persoalan saya ialah berkenaan Pengerusi Tribunal Tuntutan pengguna ini. Setakat manakah daripada beribu-ribu kes yang telah pun kita dapat selesaikan? Saya cuma ingin tanya setakat manakah Pengerusi-pengerusi Tribunal ini memberikan keputusan bukan sahaja memberikan keputusan kepada setiap kes yang telah pun didaftarkan dan dibicarakan. Tetapi setakat manakah pengerusi-pengerusi ini dapat memberikan alasan-alasan keputusan itu? Kerana saya difahamkan bahawa wujudnya keraguan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa kadangkala keputusan yang cepat diberikan saya ucapkan tahniah, tetapi pada masa yang sama haruslah kita memberikan alasan-alasan mengapa sesuatu pihak itu menang ataupun dia kalah. Kalau tidak, nanti wujud ataupun muncul pula keraguan terhadap proses Tribunal Tuntutan Pengguna ini. Minta penjelasan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Memang benar. Mungkin apa yang dimaksudkan ialah *judgment* yang selepas perbicaraan itu *judgment* akan diberi. Dahulu memang pengerusi ataupun Tribunal memang tidak membekalkan *judgment* kepada pengadu ataupun orang yang dituduh. Dalam satu dua tahun yang lepas *judgment* memang kita ada. *Judgment* akan kita bagi kepada pengadu dan juga orang yang diadu. Maka, perkara ini tidak akan timbul sebab memang ada kita bagi kepada dua-dua pihak ini.

Cuma kejayaan yang saya sebutkan tadi, cuma dua perkara yang mungkin timbul. Satu ialah tadi mungkin seorang Ahli Parlimen mengatakan bahawa sekarang Tribunal cuma ada di pejabat negeri. Kalau boleh, dapat kita mengadakan lebih banyak lagi Tribunal selain daripada ibu pejabat negeri mungkin bertambah kepada daerah dan sebagainya. Perkara ini juga kita telah bincang dalam kementerian, memang kalau hendak tubuh satu Tribunal di setiap daerah

saya rasa tidak mungkin untuk kita wujudkan. Tetapi kita cuba cari jalan di mana kalau perlu satu tempat yang memberi perkhidmatan kepada orang awam mungkin kita akan fikirkan. Mana yang sesuai untuk kita memberi lebih banyak kemudahan kepada orang awam ataupun pengguna supaya dapat akses kepada Tribunal.

Selain daripada itu, walaupun kes tidak banyak tetapi berlaku, iaitu selepas *judgment* telah pun dibuat, diberi dan kes itu telah pun selesai tetapi selepas 14 hari, yang sepatutnya kes ini kena bayar kepada pengadu, ada yang berlaku sebab syarikat itu telah pun gulung tikar, mungkin telah hilang sendiri. Cuma perkara-perkara yang seperti ini tidak dapat kita selesaikan dengan sepenuhnya.

Pada umumnya, saya rasa di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia mungkin dapat kita, pada keseluruhannya boleh dikatakan berjaya dalam perkara ini. Saya berharap para pengguna dapat mengetahui perkara ini dan juga dapat akses kepada Tribunal untuk mendapatkan keadilan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun] Penjelasan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak tahu kes-kes di mana *award* telah diberi tetapi pihak yang kalah itu enggan membayar. Apakah terjadi kepada kes-kes tersebut dan apakah tindakan yang telah diambil supaya pihak yang menang kes itu telah memperoleh apa yang dinyatakan dalam *award* tersebut?

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan, berapa kes yang terlibat?

Tuan Hoo Seong Chang: Berapa kes, saya tengok, ya. Pada keseluruhannya semua kes apabila selesai, *award* telah pun diberi, memang tidak ada kes lagi. Tetapi saya sebut tadi mungkin ada dua sebab, satu yang tidak menjelaskan bayaran kepada pengadu sebab syarikat itu telah pun gulung tikar dan mungkin hilang sendiri. Itu yang pertama, yang dapat kita kesan, tauke ataupun orang yang menjalankan perniagaan ini.

Kedua, kalau syarikat masih wujud tetapi enggan untuk membayar, penalti memang berat. Ia kira selepas empat pagi dikira satu hari kena denda RM1,000 dan sebagainya. Selepas itu, pengadu juga boleh menjalankan *civil sue*, mungkin dia melalui mahkamah untuk dia mengambil tindakan secara sivil, untuk melanjutkan di mahkamah. Itu terpulang kepada pengadu untuk berbuat demikian tetapi selama ini saya ikut rekod, walaupun saya tidak ada spesifik punya *figure* tetapi kes-kes seumpama ini tidak banyak yang dilaporkan.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada topik ...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat bagi Kota Melaka dahulu.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian kerana selalunya dalam kes-kes yang melibatkan soal undang-undang, sebenarnya kemusykilannya bukan setakat untuk soal prosedur sahaja tetapi soalnya yang lebih penting ialah apabila sesuatu pihak yang telah pun menang haruslah kita memberikan suatu prosedur yang senang dan juga cukup murah supaya ia dapat melaksanakan perintah ataupun *award* yang telah pun diberikan oleh Tribunal itu.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kita mengguna pakai prosedur yang penuh di bawah undang-undang biasa seperti *rich of procedure and sale*, dengan izin, Tuan Pengerusi, supaya kita betul-betul mempunyai kuasa untuk menggigit dan juga kita dapat betul-betul, bukan sahaja memperolehi *award* itu tetapi kita dapat menakutkan pihak-pihak yang mana perintah telah pun diberikan terhadap mereka. Supaya kita dapat betul-betul melaksanakan inti pati dan juga *spirit*, dengan izin, bagi Akta Perlindungan Pengguna ini.

Kalau tidak, jika kita setakat berhenti sahaja, apabila kita memberikan akses kepada pengguna, dari segi keadilan undang-undang hanya genap-genap cukup untuk memperolehi *awards* sahaja tetapi jika kita tidak melaksanakan saya rasa itu merupakan satu kekurangan dari segi kepenggunaan di dalam negara kita.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya terima baik pandangan Yang Berhormat dan kementerian sentiasa berbincang dengan Tribunal dan di dalam kementerian sendiri. Saya ingin maklumkan di sini Tribunal cuma menjadi saluran tambahan kepada pengguna untuk membuat aduan dan mendapatkan keadilan. Sebenarnya kalau 100 kes yang dikemukakan kepada Tribunal, 40 kes secara automatik selesai. 40% kalau dibawa ke kementerian ataupun Tribunal, apabila *serve notis*, 40%, akan selesai dengan baik, tuan punya perniagaan itu akan berjumpa dengan pengadu dan selesai dengan baik ataupun luar daripada Tribunal. Mungkin dari segi harga, dituntut pun tidak mahal dan sebagainya.

20%, apabila *serve notis* dan dipanggil untuk berbincang pun dapat juga diselesaikan. Erti kata cuma 40% yang harus dibicarakan dan mendapatkan keputusan. Ini merupakan satu cara yang saya rasa cukup berkesan selain daripada cuma 40% yang harus kita bicarakan dan dapat keadilan. Walaupun pandangan sedemikian, saya rasa saya terima baik dan akan bawa ke kementerian supaya dapat kita memperbaiki lagi keadaan sebab mengikut akta yang ada, setakat ini apa yang kita boleh buat, *the limit is there*. Jadi, kalau ada pandangan yang baik mungkin dari semasa ke semasa kita akan, kalau perlu pinda akta pun kita akan jalankan. Misalnya kalau dahulu *award* maksimumnya RM10,000, sekarang RM25,000 dan sebagainya. Kita akan ambil inisiatif untuk memperbaiki keadaan dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada tajuk program ataupun aktiviti mendidik pengguna. Tadi, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan beberapa Ahli Parlimen telah pun membangkitkan perkara ini, sama ada program dan aktiviti yang melibatkan pengguna sampai ke sekolah ataupun setakat mana. Sukacita dimaklumkan, bukan setakat kita mengadakan banyak program, Program Pengguna Bijak ataupun seminar-seminar yang kita kendalikan untuk memberi kesedaran kepada orang awam.

Di peringkat sekolah pun kita menjalankan pendidikan ini dan memang banyak. Saya ada satu *list* yang penuh, sebenarnya banyak program yang kita jalankan. Selain daripada itu, kementerian sendiri juga mengambil inisiatif untuk mengadakan, misalnya program hari bersama pelanggan, di mana saya sendiri telah pun pergi, boleh dikatakan, ke semua negeri di seluruh Malaysia, dan saya lihat program seumpama ini, selain daripada kita mengadakan seminar, kita juga ada satu forum untuk kita berjumpa dengan pelanggan ataupun pengguna di mana memberi penjelasan yang lebih mendalam supaya mereka faham apa hasrat kementerian. Misalnya menjadi seorang pengguna bijak dan sebagainya. Ini adalah cara untuk kita laksanakan.

Walau bagaimanapun, kita perlu mendapat kerjasama daripada rakyat sendiri, daripada semua pihak. Saya juga berasa bangga kerana selain daripada majlis pengguna daerah yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, sama ada kita akan meluaskan lagi majlis ini dan juga kita ada wujud sukarelawan untuk kita mempromosikan lagi program-program dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program mendidik pengguna dan sebagainya. Memang banyak program yang kita jalankan dan kita akan teruskan program ini supaya lebih ramai orang faham tentang apa dia hasrat kementerian untuk menjadikan rakyat sebagai seorang pengguna yang bijak.

Tuan Pengerusi, saya masuk tajuk, tentang isu *hypermarket* ini. Saya ingin menyatakan di sini, selain daripada kita membenarkan *hypermarket* yang kebanyakannya dikuasai oleh warga asing, tetapi memang melalui cara ini kita juga dapat mempengerusikan produk-produk tempatan dan saya ingin maklumkan di sini, selain daripada kita cukup ketat tentang cara untuk kita memberikan lesen kepada *hypermarket* yang beroperasi di negara kita ini.

Sekarang ini, selain daripada persetujuan dari kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, kita juga meneliti dari segi jumlah penduduk setempat dan juga keluasan yang ada. Maka cuma semua syarat ini yang dipenuhi, maka kerajaan memberi satu lesen untuk kita mendirikan satu *hypermarket* mengikut trend antarabangsa di mana sebagai sesebuah negara yang sedang maju dan maju harus kita mengikut perkembangan semasa yang lebih kurang sama dengan negara-negara yang maju. Selain daripada kita membenarkan *hypermarket* yang didirikan di negara kita dan kita juga memastikan kepentingan peniaga-peniaga kecil dipelihara dan dijaga kepentingan mereka.

Selain daripada itu di *hypermarket* lebih kurang 90% barang-barang ataupun produk yang dijual di *hypermarket* ini adalah barang-barang buatan tempatan. Kita sangat pegang kepada prinsip ini supaya barang-barang yang dijual di *hypermarket* ini adalah 90% buatan Malaysia. Selain daripada itu melalui *channel hypermarket* ini kita juga meminta, misalnya TESCO yang pembekal asalnya dari England, Carrefour dari Perancis dan Giant dari Hong Kong dan sebagainya, kita juga melalui *channel* ini supaya mereka memasarkan produk kita di luar negara.

Kita telah pun banyak menjalankan program ini, misalnya pada tahun 2005 kita memasarkan produk-produk tempatan ke Hong Kong, Singapura, Dubai, Indonesia dan sebagainya. Jadi, melalui program ini kita membawa peniaga-peniaga tempatan khususnya PKS

kita ke luar negara melalui *channel hypermarket* ini, supaya kita dapat memasarkan produk kita ke pasaran antarabangsa.

Saya lihat melalui usaha Yang Berhormat Menteri telah pun mengadakan *mission* ini dan dapat kejayaan yang cemerlang. Saya rasa ini adalah satu cara juga kita dapat membantu peniaga-peniaga tempatan ataupun PKS tempatan untuk memasarkan produk mereka di arena antarabangsa.

Selain daripada itu isu yang dibangkitkan tentang '*leasing field*' ataupun tempat untuk memasarkan produk mereka harus memberi perhatian yang cukup, kementerian juga mengambil kira perkara-perkara ini supaya *hypermarket* juga harus memberi perhatian yang serius tentang kemudahan dan juga kepentingan pengusaha-pengusaha tempatan untuk mendapat hasil mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai tentang gores dan menang dan ada berkaitan dengan perniagaan jualan langsung ini. Saya ingin menegaskan di sini bahawa gores dan menang memang tidak dibenarkan di pasaran ataupun perniagaan di negara kita. Kalau sebut sahaja gores dan menang ini memang tidak dibenarkan dan kalau ini ada berlaku memang kerajaan akan mengambil tindakan dengan tidak bertolak ansur tentang perkara ini. Maka kita tidak boleh mengaitkan gores dan menang adalah sebahagian daripada perniagaan jualan langsung.

Saya ingin menegaskan di sini, mungkin sesetengah syarikat mengambil peluang ataupun mengambil kesempatan untuk menggunakan syarikat jualan langsung sebagai menjalankan aktiviti gores dan menang. Di bawah Akta Jualan Langsung 1993 dan juga di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, kementerian memang mengambil tindakan. Saya berikan angka di sini iaitu pada awal tahun ini, iaitu 1 Januari 2006 hingga 14 hari bulan - di pertengahan mungkin dalam lima, enam bulan ini walaupun ada aduan, tetapi akhirnya selepas siasatan dan sebagainya dalam tempoh lima, enam bulan itu kami telah pun mengambil tindakan sebanyak 23 kes dan kebanyakannya kalau melibatkan syarikat jualan langsung kita akan terus membatalkan lesen mereka tanpa bertolak ansur. Saya lihat dari segi barang-barang yang disita pun lebih kurang setengah juta ringgit dan kompaun yang dikenakan pun lebih daripada setengah juta ringgit.

[Timbalan Yang di-Pertua(Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya mohonlah kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kita tidak membenarkan, saya akui kadang-kadang berlaku juga di pasaran dan kalau ada kes-kes yang spesifik ini haruslah diberitahu kepada kementerian dan kementerian akan tetap mengambil tindakan tegas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dululah, ya?

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat bagi Mertajam dululah sebab tadi dia ada bangkitkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Setiausaha Parlimen. Kalau mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sepatutnya tidak berlaku perniagaan yang seperti ini iaitu gores dan menang. Tetapi kita lihat ia berlaku di merata-rata tempat. Di Bukit Mertajam, Ahli EXCO Perdagangan Dalam Negeri dari parti MCA, dia pergi ke perasmian makan malam *company* seperti ini yang juga menghadapi banyak aduan menjalankan aktiviti *scratch* dan menang. Saya rasa ini ada *a conflict of interest*. Apakah kementerian akan membenarkan *EXCO member* untuk mendekati atau bersama-sama merasmikan aktiviti syarikat seperti ini? Jika syarikat-syarikat seperti ini didapati bersalah lesennya akan ditarik balik.

Bolehkah saya tahu berapa syarikat yang lesennya telah ditarik balik dan syarikat ini di mana? Adakah ia di Pulau Pinang, ataupun di Johor atau di Muar? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Mungkin tidak adil untuk menuduh tentang EXCO yang hadir ke majlis jamuan syarikat jualan langsung. Saya sebutkan tadi kita memang tidak membenarkan aktiviti gores dan menang. Saya akui mungkin ada segolongan kecil syarikat yang terlibat dengan jualan langsung ini ada menjalankan aktiviti gores dan menang. Kita memang akui kadang-kadang ada. Dalam siasatan kita kadang-kadang itu tidak berlaku, dan kadang-kadang ia berlaku.

Apabila berlaku - saya sekarang dapat *the latest figure*. Tadi saya sebut 23 kes *for the first of five months or six months*, sampai ke hari ini sudah 51 kes telah pun kita ambil tindakan. Yang melibatkan syarikat jualan langsung terus kita tarik balik dan kita akan bertolak ansur. Kita tidak boleh katakan yang semua syarikat jualan langsung ada melibatkan gores dan menang. Saya pernah hadir banyak program ataupun majlis makan malam syarikat-syarikat jualan langsung, tetapi tidak boleh mengatakan kalau saya hadir, saya menggalakkan aktiviti gores dan menang, tidak benar.

Saya ingin mengingatkan di sini, kalau ada *information* yang tepat, salurkan kepada saya sendiri. Saya akan menyiasat perkara ini dan kalau benar berlaku tidak kira syarikat siapa kita akan mengambil tindakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun lagi, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Hoo Seong Chang: *I think it's all. I understand what do you say.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi. Hendak bagi jalan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Kerana Yang Berhormat minta kalau ada maklumat.

Tuan Hoo Seong Chang: Okay. Okay.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Sangat terima kasih. Saya rasa kalau kita tidak terlibat, kita tidak payah takut. Yang dikatakan menuduh bahawa dua orang ADUN MCA pergi ke aktiviti untuk merasmikan jamuan makan malam, syarikat ini ialah syarikat yang menjalankan aktiviti gores dan menang dan bukan sebarang syarikat *direct selling*. Ini bukan

saya sahaja yang kata di sini, Pemuda MCA Johor Bahru juga di dalam surat khabar telah mengatakan begitu juga.

Saya rasa ini bukan, saya rasa adalah penting. Saya rasa Yang Berhormat, tidak setuju kalau itu berlaku Yang Berhormat tidak bersetuju tentang kelakuan seperti ini. Saya rasa Yang Berhormat dari Ayer Hitam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: dia juga tahu banyak perkara.

Tuan Hoo Seong Chang : Saya faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Setiausaha Parlimen sudah jawab tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya haraplah Yang Berhormat dari juga MCA, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga dari MCA bolehlah minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam untuk memberikan maklumat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya rasa kurang adil untuk sebut demikian. Saya sebut tadi, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kalau ada bukti yang kukuh, Yang Berhormat terus beritahu saya apa syarikat itu, kita akan jalankan siasatan. Kalau benar berlaku, itu syarikat tidak kira siapa punya syarikat, kita ambil tindakan terus.

Tetapi kalau Yang Berhormat rasa kalau seorang Ahli EXCO kah atau Setiausaha Parlimen hadir di suatu syarikat jualan langsung, Yang Berhormat ragu-ragu yang dia melibatkan gores dan menang dan tetapi mesti ada bukti yang kukuh. Tidak boleh kata saya kalau hadir ke satu majlis yang dianjurkan oleh syarikat jualan langsung, mungkin saya galakkan aktiviti gores dan menang. Itu tidak adil sama sekali.

Saya harap kalau ada, mungkin saya hadir satu syarikat jualan langsung buat masa ini dia tidak menjalankan gores dan menang, mungkin dua tahun kemudian dia menjalankan aktiviti gores dan menang. Yang Berhormat tidak boleh salahkan saya yang hadir majlis pada dua tahun dahulu dan sebagainya.

Apa yang saya harus tekankan di sini, tak kira apa majlis, tak kira apa syarikat kalau ada melibatkan gores dan menang yang tidak dibenarkan oleh kementerian, kita akan ambil tindakan terus, jadi tak payah kita bahas di sini. Kalau ada bukti yang kukuh, apa syarikat itu dan beritahu kami dan kami akan ambil tindakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Batu Gajah bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Hoo Seong Chang: *I think* cukuplah untuk gores dan menang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Satu soalan gores dan menang. Saya pohonlah.

Tuan Hoo Seong Chang: Last, last.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bolehlah, sila.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Sejak dua tahun lalu, saya pernah membangkitkan kes gores dan menang. Kalau lebih kurang tiga minggu yang lepas, sekarang syarikat-syarikat gores dan menang dia menggunakan pemuda-pemuda. Dia menunggu di hadapan mesin-mesin ATM mencari mangsa-mangsa mereka.

Tetapi masalah yang timbul ialah kes-kes yang pernah bawa pengadu ini ke Tribunal Tuntutan ini, apabila saya bawa mereka ke sana, pegawai kata "Oh! Ini syarikat sudah banyak kes". Mengapa ada situasi sedemikian. Apabila saya bincang dengan mereka mengapa tidak pergi buat penyitaan.

Dia kata kalau kes ini difailkan sekarang, *pending* sekarang, kalau kami pergi sita, nanti *consumer* tak akan balik duit, jadi saya kata kalau membenarkan dia beroperasi sementara kes ini dibicarakan, bukankah lebih lagi mangsa dia akan terperangkap. Saya hendak tanya apa situasi sedemikian boleh berlaku?

Tuan Hoo Seong Chang: *Okay*, pendek katalah, pendek katalah dari segi undang-undang ini kalau apa yang kita boleh lakukan di bawah sisi undang-undang ini kita akan ambil tindakan yang tegas. Tak payah kita bincang banyak di sini kalau nama syarikat itu bagi kepada kami, bagi kepada saya tidak payah bagi lain orang lagi. Bagi kepada saya, saya sendiri akan buat siasatan. Kalau berlaku ada aktiviti gores dan menang dengan bukti yang kukuh.

Saya sebutkan sekali lagi, bukan Yang Berhormat bagi nama, saya terus ambil tindakan. Kalau ada bukti yang kukuh, memang bukti dia menjalankan gores dan menang, tak kira satu kali atau dua kali, kita ambil tindakan tegas. Saya pegang prinsip ini kalau ada syarikat, tak payah kita bangkit banyak lagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: *Enough, enough.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukup Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah jawab banyak

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Dia belum bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah jawab banyak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] : Yang Berhormat Ayer Hitam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hai! Ini serius.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ayer Hitam, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Hoo Seong Chang: Semua sama.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya faham, tak sama. Saya punya tak sama.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, dia tak bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Hoo Seong Chang: Yang tentang tribunal.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagilah, bagi.

Tuan Hoo Seong Chang: mengenai gores dan menang juga Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia saya faham dan saya sudah pesan kalau berlaku apa-apa yang spesifik kemukakan kepada saya sendiri, saya akan ambil tindakan seterusnya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh berikan nama syarikat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biar Ayer Hitam yang bagi. Ayer Hitam ada. Yang Berhormat Ayer Hitam ada maklumat.

Beberapa Ahli Pembangkang : *[Bercakap] [Dewan bercelaru]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduk. Bagi Setiausaha Parlimen menjawab Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagilah! Sendiri punya orang pun tidak boleh bagi ya? Apa ini. Takutkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bukit Mertajam!

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat tidak boleh ajar sayalah! Yang Berhormat tak boleh ajar saya. *Okay? I know how to do.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya minta sahaja.

Tuan Hoo Seong Chang: *No. No, I don't want to do. Okay?*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *What you don't to talk about this?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bukit Mertajam, sila duduk. Cukuplah dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah banyak jawab. Bukan tak jawab. Saya banyak sudah jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada, ada ada ada yang tak jelas lagi.

Tuan Hoo Seong Chang: *No, it will be the same thing. I know, okay.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak, tak, tak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi Yang Berhormat belum jawab saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bukit Mertajam, cukuplah.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah kata *last* tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya cakap, Yang Berhormat kata.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ada syarikat yang telah ditarik balik permitnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Sudahlah, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tanya nama syarikat di mana dia, adakah dia di Batu Pahat, dia

Tuan Hoo Seong Chang: Saya akan bagi jawapan secara bertulis. *Okay?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa, mengapa memberi jawapan yang tertulis, bertulis?

Tuan Hoo Seong Chang: *I don't have the names here now.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tapi kata, *you say, just now you say you know!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Baik, sudahlah dia sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ada jumlah syarikat yang ambil tindakan. Sekarang Yang Berhormat hendak saya bekalkan nama-nama syarikat itu bukan setakat sahaja satu minit saya boleh putarkan. Saya janji akan menjawab secara bertulis

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Sila duduklah. Duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bila, bila?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Tunggulah.

Tuan Hoo Seong Chang: Dalam satu atau dua minggu ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dua minggu ya?

Tuan Hoo Seong Chang: *Okay.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dengan butiran yang *detail* ya? Nama syarikat dan mana dia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bukit Mertajam! Cukuplah, dengarlah Bukit Mertajam. Dia saya beri jawapan, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih ya?

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat tidak boleh ajar saya macam mana hendak buat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak ajar. Tak ajar.

Tuan Hoo Seong Chang: *Okay.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hanya minta sahaja. Saya hanya jalankan tugas saya sebagai Wakil Rakyat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya lagi menjalankan tugas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, saya alih ke topik NGV yang dibangkitkan tadi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: SSM, SSM?

Tuan Hoo Seong Chang: Baik, baik. *Let me finish first.* NGV yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tadi memang benar. Buat masa sekarang kita ada 46 stesen minyak yang menjalankan NGV, cuma 36 yang sudah beroperasi dan 10 masih proses untuk

memberi perkhidmatan dan di kementerian kita memang faham setakat 46 ini memang tidak cukup untuk kita memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna ataupun pemandu-pemandu yang menggunakan NGV ini.

Perancangan kementerian iaitu pada tahun hadapan dan juga tahun 2008 iaitu dalam tempoh dua tahun ini kita akan tambah lagi lebih kurang 50 lebih stesen NGV di mana Yang Berhormat bagi Tebrau mohon supaya kalau boleh Johor ditambah lebih kurang lima dan sukacita saya maklumkan di sini memang kita bercadang untuk menambah stesen minyak yang ada membekalkan NGV sebanyak lima buah stesen lagi di negeri Johor.

Secara ringkasnya saya ingin memberitahu jumlah lebih kurang iaitu:

(i)	Melaka	-	7;
(ii)	Negeri Sembilan	-	7;
(iii)	Selangor	-	29;
(iv)	Pahang	-	2;
(v)	Terengganu	-	2;
(vi)	Perak	-	5;
(vii)	Perlis	-	6;
(viii)	Kedah	-	6; dan
(ix)	Pulau Pinang	-	2.

Mudah-mudahan dengan adanya penambahan NGV stesen minyak ini dapat kita memberi kemudahan yang lebih kepada pengguna ataupun pemandu-pemandu yang menggunakan kenderaan NGV ini. Saya fikir saya dapat selesaikan semua jawapan ini cuma saya ingin meminta maaf kepada Yang Berhormat Ipoh Barat sebab saya minta tentang MAIKA Holdings punya saya tak dapat bekalkan sekarang sebab dalam masa yang singkat ini tak dapat saya

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun dan mengetuk-ngetuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh nampak Yang Berhormat tak payah gendang.

Tuan Hoo Seong Chang: saya akan beri.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini ada kaitan dengan MAIKA Holdings Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli Pembangkang : *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat buat tohmahan-tohmahan tertentu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Setiausaha Parlimen hendak beri jalankah Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya rasa ini adalah satu perkara yang peribadi. Syarikat yang bersendirinya. Kenapa tidak ada pihak ..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi dia tanya tentang SSM di mana hendak perolehi.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini tidak tahu Cameron Highlands

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tak ada, niat buruk. Sangkaan buruk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Setiausaha Parlimen, hendak bagi jalankah tidak?

Tuan Hoo Seong Chang: Tidak, tidak, tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, sangkaan buruk Tuan Pengerusi. Ini sangkaan buruk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Masuk..... masuk, kita berbahas, dia tak mahu bahas.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dia tidak ada di sini dia tidak ada di sini. Hari itu kita sudah bahas. Dia tak mahu bahas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tak ada di sini, dia tak tahu. Latar belakang dia tak tau.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Bila saya tak ada, dia berani *[Dewan bercelaru]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ipoh Barat, Cameron, Cameron, Cameron, sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Okay, okay.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Boleh, Ipoh Barat. Ipoh Barat sila duduk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kita kena berniat ikhlas di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ipoh Barat, sila duduk. Dia tak bagi jalan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini tentu hala ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini Cameron Highlands, macam orang gila. Ini dia masuk, macam dia tak tahu.... tak tahu latar belakang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Semua buat kacau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia seorang "*unersel*".

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Sila duduk Ipoh Barat, sila duduk. Sila duduk. Sila duduk.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat jangan bimbang di mana apa yang kita boleh bagi maklumat kita mengikut cara undang-undang yang ada di bawah SSM kita akan bekalkan. Apa yang boleh kita akan bekalkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di mana perlu ambil tindakan, sila ambil tindakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Ipoh Barat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan *cover up*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Don't cover up*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kita tak kata *cover up* Tuan Pengerusi. Teruskan!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Siapa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kementerian jawab, dia siapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah. Cukuplah. Dua, dua duduklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tak ada layak untuk menjawab, untuk bagi penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya bukan dia Tuan Pengerusi. Saya bukan dia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan saya bagi dekat kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Setiausaha Parlimen sudah bagi jaminan hendak bagi jawapan. Cukuplah, Yang Berhormat duduklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, *I agree, why is this fellow get...*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini kena rujuk kepada jawatankuasa ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *This fellow, that fellow.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, sila duduk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada lagi jawapan? Kalau tidak, berhentilah.

Tuan Hoo Seong Chang: *[Ketawa]* Oklah, oklah. Saya pun dah jawab lama. Jadi, dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum jawab lagi. Tuntutan tribunal, *consumer tribunal* belum jawab lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum jawab lagi.

Tuan Hoo Seong Chang: Apa Yang Berhormat minta?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang saya minta, sama ada *you are going to consider* untuk termasuk juga aduan perubatan, kerana pada waktu sekarang....

Tuan Hoo Seong Chang: Ok, ini...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau saya sebagai pesakit....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: saya tidak ada perlindungan dari segi ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Dari segi barangan dan perkhidmatan juga termasuk dalam kes-kes yang boleh mengadu kepada tribunal ini termasuk untuk barangan atau perkhidmatan semua sekali, boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, penjelasan. Yang Berhormat, perkhidmatan perubatan pada waktu sekarang tidak masuk, tidak boleh dikendali oleh tuntutan tribunal pengguna, ini Yang Berhormat mesti tahu, saya tidak mahu ajar kerana Yang Berhormat sangat arif kerana telah lama menjadi Setiausaha Parlimen. Jadi pada waktu sekarang....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... dia tidak termasuk. Itulah saya minta..... kalau tidak ada....

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat bagi maklumat kepada saya, saya.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa Yang Berhormat tidak dengar tadi. Saya yang ucap, setelah ucap, dia hendak saya kemukakan sekali lagi dapatlah ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat sekarang ambil..... Yang Berhormat ambil maklum.....

Tuan Hoo Seong Chang: Yang Berhormat, jangan kata demikian, saya jawab banyak. Saya tadi sudah sebut, mungkin perkara-perkara yang spesifik yang perlu kita ambil tindakan mungkin tidak dapat jawab sekarang pun saya akan ambil tindakan. Bukan, dapat semua saya kena jawab, mungkin sampai lapan malam pun tidak selesai. Jadi, kalau kata ada spesifik kes yang Yang Berhormat rasa kemukakan kepada tribunal tidak berjaya, so bagi kepada saya, ini macam spesifik kes, saya akan kaji dan juga siasat. Kalau boleh bantu kita bantu, itu sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan Yang Berhormat.....

Tuan Hoo Seong Chang: Kalau tidak boleh bantu, ialah *civil case* itu sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat belum faham lagi apa yang saya tanya ialah pada waktu sekarang *your consumer tribunal cannot deal with medical negligence* ataupun *patient will not happy with any medical services....*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia sudah jawab. Dia kata dia kaji sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tidak, dia tidak jawab macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah jawab tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia kata kalau ada spesifik kes, itu bukan, itu tidak sama.

Tuan Hoo Seong Chang: Itu tidak pasti lagi sama ada boleh atau tidak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, yang saya minta ialah supaya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: memperluaskan lingkungan tribunal ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah jelas.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... supaya dia termasuk.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya sudah jelas tadi. Saya kata selain daripada cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan pandangan-pandangan yang demikian, kita sentiasa kaji dalam keadaan, misalnya 10,000 kita sudah meningkat sampai 25,000. Dari semasa ke semasa kita ada timbang untuk memperbaiki sistem yang ada. Saya sudah cakap tadi, Yang Berhormat tidak dengar sahaja. Jangan kata saya tidak dengar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa Yang Berhormat belum faham lagi. Saya tadi mahu ajar, tetapi lebih baik pergi faham apa yang lingkungan, *what is the.....*

Tuan Hoo Seong Chang: Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sama ada dia faham apa saya cakap tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat dia sudah cakap, dia kata dia kaji.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, kalau sudah tidak ada....

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa banyak perkara telah pun disampaikan, kalau ada yang perlu kita ambil tindakan, kita ambil tindakan. Kalau perlu kita rujuk balik untuk kita membaiki sistem, kita terima semua cadangan yang ada.

Saya sekali lagi ingin ucapkan berbilang terima kasih atas segala perkara yang disampaikan termasuk pandangan, cadangan dan sebagainya, kita akan ambil tindakan yang seterusnya untuk kebaikan semua pengguna di negara kita ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM367,951,800 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM367,951,800 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM13,680,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM13,680,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.26 [Jadual] -
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2007]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan 26 dan Kepala Pembangunan 26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Koperasi terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat kita kiralah berapa orang.

Setiausaha: *[Mengira kuorum]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada 17. Bentara tolong bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira: 24 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baru 24, kuorum tidak cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Setiausaha: *[Mengira kuorum]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal tolong, soal tanggungjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peruntukan....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Pergi mesyuarat.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ketua Pembangkang pun tidak ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ketua Pembangkang pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Oleh kerana bilangan 23 orang sahaja, oleh kerana ada yang membangkitkan bahawa kuorum,.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kira sekali lagi Setiausaha.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada orang di luar tidak mahu masuk. Ahli-ahli Parlimen DAP, suruh dia masuk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, patut kiraan sekali sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mahu jaga kuorum, minta kita....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *The counting must be only once.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita minta tolong DAP, DAP panggil kuorum, lepas itu DAP keluar, ini macam patutkah?

Seorang Ahli: Bilangan kurang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga Isnin jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.